UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENGAPLIKASIAN STRATEGI RETORIK DALAM UCAPAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-7 DAN KE-10 BERDASARKAN TEORI RETORIK ARISTOTLE

NAJIHAH BINTI ABDUL WAHID

MA

September 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PENGAPLIKASIAN STRATEGI RETORIK DALAM UCAPAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-7 DAN KE-10 BERDASARKAN TEORI RETORIK ARISTOTLE

NAJIHAH BINTI ABDUL WAHID

Tesis dikemukakan bagi memenuhi keperluan
untuk ijazah
Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan

Akademi Pengajian Bahasa

September 2026

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 21 November 2025 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Najihah binti Abdul Wahid bagi tesis Sarjana yang bertajuk "Pengaplikasian Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri ke-7 dan ke-10 Berdasarkan Teori Retorik Aristotle" berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut:

Rozaimah Rashidin, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
(Pengerusi)

Muhammad Nur Akmal Rosli, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Rozita Che Rodi, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

PROFESSOR DR HJH ZURAEDA BINTI IBRAHIM
Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 17 September 2026

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar	:	Najihah binti Abdul Wahid
No. Pelajar	:	2023257788
Program	:	Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan – LG750
Fakulti	:	Akademi Pengajian Bahasa
Tajuk Kajian	:	Pengaplikasian Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri ke-7 dan ke-10 Berdasarkan Teori Retorik Aristotle
Tandatangan Pelajar	:	
Tarikh	:	September 2026

ABSTRAK

Retorik merupakan cabang dalam bidang linguistik yang merangkumi seni yang boleh mempengaruhi dan memberi impak kepada penonton atau pendengar melalui ucapan, penyampaian atau penulisan. Oleh itu, retorik memainkan peranan penting dalam membantu seseorang pengucap memperoleh sokongan terhadap mesej yang disampaikan. Kajian ini dijalankan bagi meneliti pengaplikasian strategi retorik dalam ucapan dua orang Perdana Menteri Malaysia iaitu, Perdana Menteri ke-7 dan ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle (1984) yang merangkumi tiga strategi utama iaitu, logos, pathos dan ethos. Kajian ini menumpukan perhatian terhadap tiga objektif utama iaitu: (i) mengenal pasti strategi retorik yang terdapat dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10, (ii) menganalisis strategi retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle dan (iii) membandingkan penggunaan strategi retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan secara deskriptif terhadap ucapan Perdana Menteri ke-7 dan ke-10. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri ke-7) lebih cenderung menggunakan elemen logos dua puluh satu (21) kali, berbanding pathos sepuluh (10) kali dan ethos sepuluh (10) kali. Manakala, Dato' Seri Anwar Ibrahim (Perdana Menteri ke-10) lebih cenderung kepada penggunaan logos empat belas (14) kali dan ethos empat belas (14) kali, berbanding pathos sebelas (11) kali. Selain itu, kajian ini mengenal pasti persamaan dan perbezaan berdasarkan lima prinsip asas retorik Aristotle iaitu, prinsip ciptaan, prinsip penyusunan, prinsip penguasaan, prinsip gaya dan prinsip penyampaian. Melalui kelima-lima prinsip tersebut, kajian ini mendapati dua persamaan, iaitu, pada prinsip ciptaan dan prinsip penguasaan, manakala tiga prinsip lain menunjukkan perbezaan, iaitu, prinsip penyusunan, prinsip gaya, dan prinsip penyampaian. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa strategi retorik digunakan secara signifikan dalam ucapan kedua-dua Perdana Menteri Malaysia, dengan wujudnya persamaan dan perbezaan yang dapat dianalisis dari sudut teori dan prinsip asas retorik Aristotle.

Kata Kunci: Retorik; teks ucapan; Perdana Menteri; teori retorik Aristotle

ABSTRACT

Rhetoric is a branch of linguistics that includes the art of influencing and impacting the audience or listener through speech, presentation or writing. Therefore, rhetoric plays an important role in helping a speaker gain support for the message being conveyed. This study was conducted to examine the application of rhetorical strategies in the speeches of two Malaysian Prime Ministers, namely, the 7th and 10th Prime Ministers based on Aristotle's Theory of Rhetoric (1984) which includes three main strategies, namely, logos, pathos and ethos. This study focuses on three main objectives, namely: (i) identifying rhetorical strategies found in the speeches of the 7th and 10th Malaysian Prime Ministers, (ii) analyzing rhetorical strategies used by the 7th and 10th Malaysian Prime Ministers based on Aristotle's Theory of Rhetoric and (iii) comparing the use of rhetorical strategies in the speeches of the 7th and 10th Malaysian Prime Ministers. This study uses a qualitative approach through descriptive content analysis of the speeches of the 7th and 10th Prime Ministers. The study findings show that Tun Dr. Mahathir Mohamad (7th Prime Minister) is more likely to use the element of logos twenty-one (21) times, compared to pathos ten (10) times and ethos ten (10) times. Meanwhile, Dato' Seri Anwar Ibrahim (10th Prime Minister) is more likely to use logos fourteen (14) times and ethos fourteen (14) times, compared to pathos eleven (11) times. In addition, this study identifies similarities and differences based on Aristotle's five basic principles of rhetoric, namely, the principle of creation, the principle of arrangement, the principle of mastery, the principle of style and the principle of delivery. Through these five principles, this study finds two similarities, namely, the principle of creation and the principle of mastery, while the other three principles show differences, namely, the principle of arrangement, the principle of style, and the principle of delivery. Overall, this study proves that rhetorical strategies are used significantly in the speeches of both Malaysian Prime Ministers, with the existence of similarities and differences that can be analyzed from the perspective of Aristotle's theory and basic principles of rhetoric.

Keywords: Rhetoric; speech text; Prime Minister; Aristotle's rhetorical theory

PENGHARGAAN

Assalamualaikum, terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur saya ke hadrat Ilahi kerana limpah dan kurnia-Nya dapat saya lengkapkan tesis saya dengan jayanya.

Selain itu, dengan rasa gembiranya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia saya iaitu, Dr. Noor Saadah binti Salleh dan Dr. Mohamad Nik Mat bin Pelet yang banyak memberi didikan dan tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tanpa tunjuk ajar mereka saya tidak akan ada pada tahap ini. Mereka juga sangat positif dan banyak berkorban masa untuk menyemak serta menjawab setiap soalan yang saya ajukan berkaitan tesis ini. Saya amat menghargai setiap ilmu yang dikongsikan oleh mereka dan berharap agar dapat mempraktikkan ilmu ini pada masa akan datang.

Terima kasih juga yang tidak terhingga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya iaitu, Abdul Wahid bin Mohammad Tahir dan yang telah memberikan kepercayaan dan doa mereka untuk saya terus mencapai kejayaan dalam setiap perkara yang saya lakukan. Mereka banyak menyumbang dari aspek semangat, kewangan dan nasihat semasa saya melakukan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada adik beradik dan ahli keluarga saya yang lain kerana sentiasa memberikan kata-kata yang positif kepada saya.

Akhir sekali, terima kasih kepada rakan-rakan saya yang juga berkorban tenaga dan masa mereka dalam membantu saya menyiapkan tesis ini. Saya mendoakan agar kita semua berjaya menyiapkan tesis serta menamatkan pengajian dengan jayanya.

Najihah binti Abdul Wahid
Pelajar Ijazah Sarjana Universiti Teknologi Mara cawangan Shah Alam 2026

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	**ii**
DEKLARASI PENULIS	**iii**
ABSTRAK	**iv**
ABSTRACT	**v**
PENGHARGAAN	**vi**
ISI KANDUNGAN	**vii**
SENARAI JADUAL	**x**
SENARAI RAJAH	**xi**
SENARAI SINGKATAN	**xii**
BAB 1 PENGENALAN	**1**
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian dan Skop Kajian	10
1.8 Definisi Konsep	11
1.8.1 Retorik	11
1.8.2 Strategi Retorik	12
1.8.3 Ucapan	12
1.8.4 Perdana Menteri	13
1.9 Kesimpulan	13
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	**14**

2.1 Pengenalan 14
2.2 Kajian Lepas 14
2.2.1 Kajian dalam Bidang Retorik 15
2.2.2 Penggunaan Teori Retorik Aristotle dalam Kajian Lepas 15
2.2.3 Penggunaan Ucapan dalam Kajian Retorik 16
2.2.4 Kajian Bidang Politik 17
2.3 Ulasan Kritis 18
2.4 Kerangka Teori 19
2.5 Kerangka Konseptual 21
2.6 Kesimpulan 22

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 24
3.1 Pengenalan 24
3.2 Pendekatan Kajian 24
3.3 Kaedah Kajian 25
3.3.1 Analisis Kandungan 25
3.4 Data Kajian 26
3.5 Tatacara Pengumpulan Data 30
3.6 Pelabelan Data 32
3.7 Kerangka Analisis 33
3.8 Kesimpulan 40

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN 42
4.1 Pengenalan 42
4.2 Penggunaan Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 42
4.3 Analisis Strategi Retorik berdasarkan Teori Retorik Aristotle dalam Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 44
4.3.1 Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri ke-7 44
a) Logos dalam Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad 44
b) Pathos dalam Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad 58
c) Ethos dalam Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad 65

4.3.2 Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri ke-10 71
a) Logos dalam Ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim 71
b) Pathos dalam Ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim 82
c) Ethos dalam Ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim 90
4.4 Perbandingan Strategi Retorik alam Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-1 101
4.4.1 Persamaan Penggunaan Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri ke-7 dan ke-10
a) Ciptaan 102
b) Penguasaan 103
4.4.2 Perbezaan Penggunaan Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri ke-7 dan ke-10 106
a) Penyusunan 106
b) Gaya 110
c) Penyampaian 112
4.5 Kesimpulan 115

BAB 5 PENUTUP DAN CADANGAN 116
5.1 Pengenalan 116
5.2 Rumusan Kajian 116
5.3 Sumbangan Kajian 118
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 119
5.5 Kesimpulan 120

RUJUKAN 121
APENDIK 129
PROFIL PENULIS 189

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 3.1	Tarikh dan Tajuk Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10	29
Jadual 3.2	Pelabelan Data	32
Jadual 4.1	Kekerapan Penggunaan Strategi Retorik Aristotle	42

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 2.1	Teori Retorik Aristotle	20
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual	22
Rajah 3.1	Tatacara Pengumpulan Data	30
Rajah 3.2	Lima Prinsip Asas Retorik	35
Rajah 4.1	Perbandingan berdasarkan Lima Prinsip Asas Retorik	104

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	
TDMM	Tun Dr. Mahathir Mohamad
DSAI	Dato’ Seri Anwar Ibrahim
PM7	Perdana Menteri ke-7
PM10	Perdana Menteri ke-10

BAB 1
PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam era digital dan politik yang bersifat moden ini, keupayaan berkomunikasi secara berkesan menjadi aspek penting dalam kepemimpinan khususnya bagi tokoh politik yang berperanan dalam menyampaikan ucapan kepada rakyat dengan jelas dan mempunyai fakta sama ada ucapan itu berbentuk rasmi atau tidak rasmi. Dalam konteks ini, retorik amat penting dan perlu digunakan oleh setiap pengucap terutamanya pemimpin kerana retorik dianggap sebagai satu seni dan strategi dalam penggunaan bahasa untuk mempengaruhi pendengar atau penonton. Umumnya, penggunaan strategi retorik ini melihat kepada tahap keberkesanan yang wujud apabila seseorang pengucap menggunakannya terutama dalam membentuk pandangan rakyat, meraih sokongan, serta membina perwatakan seseorang pemimpin. Di samping itu, dalam konteks politik yang berkembang pesat seperti di Malaysia, penggunaan strategi retorik yang digunakan oleh pemimpin politik sering berubah mengikut situasi, ideologi dan khalayak. Kajian tentang strategi retorik ini menjadi semakin penting untuk menilai bukan sahaja keberkesanan ucapan politik, namun untuk memahami bagaimana bahasa digunakan sebagai alat yang mempunyai kuasa dalam wacana kepemimpinan dan pembentukan ekonomi.

Retorik menumpukan sepenuhnya terhadap pemikiran yang teliti dalam ucapan dan nilai ucapan yang dilontarkan. Retorik memberi galakkan kepada pengucap untuk sentiasa melihat kepada refleksi diri terhadap ucapan yang diucapkan, dan mempertimbangkan ucapan yang diucapkan daripada pelbagai perspektif. Melalui konteks kajian ini boleh dilihat kepada tiga peringkat iaitu, peringkat global, nasional dan lokal. Pada peringkat global, strategi retorik semakin mendapat perhatian dalam bidang komunikasi politik kerana dapat membantu dalam menjelaskan cara pemimpin dunia menggunakan bahasa untuk membina imej, mendapatkan sokongan dan mempengaruhi khalayak, terutamanya dalam era pasca-kebenaran yang sarat dengan penipuan maklumat. Pada peringkat nasional, strategi retorik menjadi kepentingan dalam politik di Malaysia yang berbilang kaum dan budaya. Hal ini, menyebabkan

pemimpin negara perlu berhati-hati dalam menyusun hujah agar mesej yang disampaikan dapat diterima baik oleh masyarakat yang pelbagai. Dalam pada itu, melalui peringkat lokal strategi retorik ini penting dalam menentukan tahap kepercayaan, kefahaman dan sokongan masyarakat terhadap dasar kerajaan serta agenda reformasi. Oleh itu, kajian ini dapat membuka dan memberi idea kepada perkembangan ilmu dalam bidang retorik dan mewujudkan kefahaman tentang bagaimana komunikasi politik berfungsi dalam konteks masyarakat Malaysia yang unik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Retorik ialah sebahagian daripada bidang linguistik yang mempunyai seni asas dalam memberi pengaruh atau impak kepada penonton, pendengar, pembaca mahupun khalayak ramai melalui ucapan, penyampaian atau penulisan seseorang (Aristotle, 2007). Retorik secara khususnya, menjadi pelantar yang lebih mengutamakan strategi dalam menerima reaksi daripada penerima. Bidang retorik ini, banyak memberikan kesan terhadap pemujukan semasa menyampaikan sesuatu mesej dalam usaha untuk memujuk dan mempengaruhi seseorang (Foss, 2009). Namun bidang retorik pada hakikatnya, telah berkembang sejak berzaman lagi dan bidang ini berkembang bersama dengan teori baharu berkaitan gaya serta menjawab semua soalan yang penting berkaitan corak, rekaan, proses mengubah dan sebagainya (Herrick, 2018). Roberts (2004) menerangkan bahawa menurut Aristotle, terdapat tiga komponen diperlukan untuk memastikan sesebuah komunikasi itu berkesan iaitu, pendengar, pertuturan, dan penutur. Walau bagaimanapun, pertuturan akan menjadi teknik pujukan yang paling penting ketika menyampaikan ucapan. Bahasa pujukan atau persuatif digunakan sekiranya penutur mempunyai tujuan untuk memastikan pendengar faham dengan perkara yang cuba disampaikan, bersetuju dengan perkara yang disampaikan, dan menerima pandangan terhadap sesuatu isu tertentu. Selain itu, Roberts (2004) menyatakan tentang perkara yang disampaikan oleh Aristotle iaitu, seseorang penutur perlu mengamalkan tiga strategi penting seperti logos (logik), pathos (emosi) dan ethos (kredibiliti). Tiga strategi ini boleh digunakan untuk mempengaruhi penonton. Dengan melaksanakan teknik ini dengan teliti, pemimpin boleh meraih kepercayaan, kesetiaan, dan perubahan yang baik dalam kalangan

pengikut mereka dan dalam perniagaan mereka atau masyarakat.

Menurut Muhammad Mazlan Abu Bakar (2015), retorik merupakan satu bidang yang dipraktikkan oleh seseorang yang mempunyai kelebihan atau kepakaran dalam bahasa dan komunikasi yang berkesan. Manakala Jeniri, Amir (2008) berpendapat bahawa retorik juga merupakan satu unsur utama dalam bidang pengucapan. Dapat dilihat perkara ini sejajar dengan penggunaan retorik yang mementingkan cara, sikap, dan strategi bertujuan untuk menyampaikan pesanan kepada pendengar. Penggunaan retorik ini penting kepada pengucap kerana tanpa retorik, pesanan yang cuba disampaikan tidak akan memberi impak kepada pendengar. Menurut Feng, Luo, Yu & Wen (2023), retorik bukan sahaja merupakan satu strategi berbahasa, namun retorik merupakan alat penting dalam menarik perhatian, memberi pengaruh kepada emosi dan memberi pengaruh kepada reaksi khalayak terhadap mesej yang disampaikan. Kajian ini meneliti retorik yang wujud dalam ucapan dua orang Perdana Menteri yang ke-7 dan ke-10 berdasarkan teori retorik Aristotle serta menggunakan lima prinsip asas retorik sebagai strategi bagi melihat persamaan dan perbezaan yang wujud antara kedua-dua Perdana Menteri Malaysia tersebut semasa menyampaikan ucapan. Setiap Perdana Menteri mempunyai cara yang tersendiri semasa menyampaikan ucapan. Namun begitu, bagi mencapai matlamat yang diingini, sesebuah ucapan itu perlulah mempunyai unsur retorik kerana retorik memainkan peranan yang sangat penting bagi sesebuah ucapan untuk memantapkan lagi ucapan tersebut serta memberi kesan kepada khalayak ramai.

Pada masa ini, penggunaan strategi retorik sangat meluas dan kebanyakan penyelidik menjadikan retorik sebagai kajian yang utama dalam pelbagai aspek seperti politik, komunikasi, sosial dan budaya, akademik dan media. Perkembangan dunia kini yang semakin kompleks dan dipengaruhi oleh teknologi komunikasi menjadikan retorik sebagai satu bidang yang mempunyai peranan penting dalam pelbagai sudut. Menurut Nopiah & Samarrudin (2024), sekiranya dikaitkan dengan unsur politik, kebanyakan pemimpin menggunakan retorik untuk meraih sokongan rakyat dan membina dasar kepemimpinan mereka. Komunikasi pada masa kini dalam bentuk siaran langsung, video dan kempen visual sering mengandungi unsur retorik yang mempunyai strategi serta berfungsi untuk mempengaruhi khalayak dalam masa yang singkat tetapi signifikan. Melalui media sosial, penggunaan gaya bahasa retorik diaplikasikan untuk menarik perhatian, membina naratif, dan mempengaruhi pendapat khalayak ramai melalui pelbagai bentuk komunikasi digital seperti ciapan, kapsyen,

dan video (Pitchan & Osman, 2024). Selain itu, penggunaan retorik juga, dijadikan sebagai alat dalam dunia perniagaan dan pemasaran untuk meyakinkan pengguna serta mencipta identiti korporat yang kukuh. Dalam hal ini, retorik bukan sahaja bergantung kepada pilihan kata, namun juga kepada intonasi suara, gerak tubuh dan masa penyampaian yang selari dengan budaya dan sosial semasa (Aisha, 2023). Seiring dengan kelajuan perkongsian maklumat dan penyampaian mesej, penggunaan retorik yang berkesan menjadi satu keperluan pada masa kini. Retorik sekarang bukan lagi hanya digunakan ketika menyampaikan sesuatu mesej, namun merupakan corak kuasa yang boleh membina persepsi, memacu tindakan, dan menentukan hala tuju seseorang (Md. Rodi & Mohd Nor, 2024). Oleh itu, kajian terhadap penggunaan retorik pada masa ini penting bagi seseorang itu memahami cara sesuatu bahasa berfungsi sebagai alat yang mampu memberi pengaruh kepada manusia selari dengan kehidupan di era yang moden ini.

Selain itu, retorik sebagai satu seni dalam menyampaikan hujah dan mempengaruhi khalayak telah menjadi alat yang penting dalam wacana politik sejak zaman klasik. Dalam kerangka global, retorik yang berunsurkan politik memainkan peranan penting dalam mewujudkan pandangan masyarakat, membina identiti, serta mempengaruhi penonton atau pendengar. Di dunia Barat, tokoh seperti Barack Obama, Winston Churchill, dan John F. Kennedy sentiasa dijadikan sebagai bahan dalam kajian kerana kemampuan mereka menggunakan gaya bahasa yang persuasif, simbolik, dan beremosi untuk membangkitkan semangat patriotik dan menjana sokongan rakyat (Charteris-Black, 2011). Menurut Habermas (2017) dalam era pasca-kebenaran (post-truth), retorik yang berunsurkan politik ini digunakan bagi mempengaruhi emosi dan pandangan orang dan menjadikannya sebagai satu strategi komunikasi yang meluas. Namun begitu, di Malaysia, retorik yang berunsurkan politik ini meluas dalam bentuk sosiobudaya yang mempunyai keunikan tersendiri. Pemimpin di Malaysia sering mengaplikasikan penggunaan strategi retorik yang mementingkan isu kaum, agama, dan sejarah kebangsaan. Penggunaan gaya retorik juga, tidak tertumpu kepada tujuan memujuk, namun ia bertujuan untuk membina imej kepemimpinan yang relevan. Dalam masa yang sama retorik yang berunsurkan politik di Malaysia mewujudkan pendekatan yang “berlapik” atau bersemuka secara langsung. Hal ini, berbeza dengan penggunaan gaya retorik di Barat yang lebih berterus terang. Menurut Pitchan dan Osman (2024), retorik politik Malaysia sering dikaitkan dengan nilai Islam, adab dan konsep kepemimpinan Melayu-Islam. Hal ini,

memperlihatkan bahawa retorik politik di Malaysia bukan sahaja bersifat persuasif, tetapi juga mencerminkan nilai dan norma budaya tempatan.

Seterusnya, pengucapan adalah strategi yang digunakan dalam komunikasi secara lisan yang terjadi pada keadaan terancang seperti penetapan masa, tempat dan isu yang ingin disampaikan. Komunikasi sentiasa menjadi keperluan dalam kehidupan manusia. Melalui komunikasi, ia secara langsung menyumbang kepada pembangunan kualiti hidup itu sendiri. Buck (2002) menyatakan bahawa terdapat dua jenis komunikasi iaitu, lisan dan bukan lisan. Komunikasi lisan ialah cara menyampaikan mesej dengan menggunakan perkataan sebagai unsur utama manakala komunikasi bukan lisan ialah cara berkomunikasi melalui mesej dengan menggunakan isyarat, pergerakan badan, sentuhan mata, ekspresi muka, atau penampilan umum sebagai elemen utama. Terdapat dua cara yang digunakan semasa melakukan pengucapan secara umum iaitu, penggunaan anggota verbal dan non verbal (Abdul Muati Ahmad, 1994). Melalui kerangka ucapan, retorik berfungsi dalam memberi pengaruh dan meraih kepercayaan penonton atau pendengar terhadap pengucap. Pada masa yang sama, retorik dianggap sebagai strategi untuk membina keupayaan, memberi kesan kepada emosi, dan menyampaikan hujah secara logik. Dalam bidang politik, ucapan yang disampaikan oleh pemimpin perlu mempunyai strategi retorik kerana ia penting dalam membantu memberi kesan kepada ucapan yang disampaikan. Retorik dalam ucapan politik turut menunjukkan keunikan budaya dan kepentingan terhadap keharmonian kaum terutamanya di Malaysia. Ucapan pemimpin politik di Malaysia kebanyakan sering menyentuh tentang identiti nasional, kesatuan rakyat, dan kebajikan sosial dengan menggunakan pendekatan retorik yang berlapik dan kontekstual (Mohamad Jamil, 2023). Ucapan politik juga, semakin meluas dan tidak terhad di atas pentas sahaja, namun ia diperluas melalui siaran langsung, media sosial, dan video pendek yang memerlukan gaya retorik yang lebih ringkas, padat dan emotif untuk memberi pengaruh yang lebih luas (Shul Shukri & Ab Manan, 2023).

Kajian yang dijalankan ini menumpukan sepenuhnya terhadap penggunaan strategi retorik dalam ucapan PM7 dan PM10 iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato’ Seri Anwar Ibrahim. Kajian ini juga, memberi fokus kepada strategi bahasa yang digunakan oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia tersebut dalam menyampaikan mesej, mempengaruhi khalayak, serta membina kredibiliti sebagai pemimpin negara. Penelitian dilakukan dengan meneliti strategi retorik yang diterapkan iaitu, logos (logik), ethos (kredibiliti), dan pathos (emosi) dalam ucapan

yang dipilih. Di samping itu, kajian ini membandingkan persamaan dan perbezaan dalam ucapan oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Pemilihan PM7 dan PM10 sebagai bahan kajian adalah berdasarkan kedudukan mereka sebagai pentadbir negara dalam konteks politik yang berbeza dan dihormati oleh khalayak ramai sama ada dalam negara mahupun luar negara. Kedua-dua tokoh ini mempunyai keunikan tersendiri dalam bidang politik serta memainkan peranan penting sebagai pemimpin negara.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk meneliti penggunaan strategi retorik dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 sebagai bahan komunikasi politik yang utama. Ucapan pemimpin terutamanya ucapan yang berbentuk rasmi yang disampaikan oleh pemimpin negara berfungsi sebagai alat yang strategik untuk menyampaikan sesuatu mesej, membentuk pandangan rakyat serta mengekalkan kepercayaan khalayak, terutamanya dalam konteks perubahan politik dan krisis global, Jonathan Charteris-Black (2021). Menurut Jaworski dan Coupland (2021), komunikasi kepemimpinan yang bersifat moden kini semakin bergantung kepada strategi bahasa yang bersifat persuasif bagi mengekalkan penerimaan khalayak terhadap politik dalam masyarakat di Malaysia. Kajian terhadap strategi retorik dalam ucapan penting kerana bahasa bukan sekadar alat komunikasi, namun ia berfungsi sebagai satu alat yang mempunyai kuasa yang dapat memberi pengaruh terhadap emosi, kepercayaan dan tindakan khalayak. Kajian oleh Wodak (2021) menegaskan bahawa wacana politik adalah elemen penting dalam membina naratif nasional dan membuktikan tindakan kerajaan, terutamanya dalam situasi atau isu krisis. Oleh itu, penggunaan strategi retorik oleh pemimpin negara dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang teknik komunikasi politik dan kepemimpinan. Walaupun penyelidikan berkaitan wacana dan bahasa politik semakin berkembang, namun masih ramai penyelidik yang menumpukan sepenuhnya terhadap analisis ucapan yang memberi fokus kepada tema dan ideologi semata-mata. Menurut Musolff (2020), kebanyakan penyelidikan kurang meneliti tentang elemen perbandingan yang sistematik antara pemimpin yang berbeza, sedangkan perbandingan tersebut penting untuk memahami perbezaan penggunaan strategi retorik berdasarkan konteks sosial

dan politik. Dalam konteks Malaysia, penyelidikan yang membandingkan penggunaan strategi retorik antara Perdana Menteri Malaysia masih terhad dan belum diterokai secara menyeluruh.

Satu pendekatan yang boleh membantu dalam mengatasi jurang penyelidikan ini ialah dengan menjalankan analisis perbandingan terhadap teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Analisis perbandingan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti persamaan dan perbezaan strategi retorik yang digunakan dalam era kepemimpinan yang berbeza. Menurut Partington, Duguid dan Taylor (2022), pendekatan perbandingan dalam analisis wacana politik dapat memperkukuh kefahaman terhadap perubahan gaya komunikasi dan keutamaan ideologi pemimpin. Banyak penyelidikan terdahulu membuktikan bahawa kerangka retorik Aristotle yang merangkumi ethos, pathos dan logos masih relevan dalam menganalisis ucapan berunsurkan politik, agama dan sebagainya. Sebagai contoh, satu penyelidikan yang dilakukan oleh KhosraviNik (2021) beliau membuktikan bahawa strategi retorik klasik masih digunakan dalam wacana politik moden yang bertujuan untuk memberi pengaruh terhadap emosi khalayak dan membina kredibiliti pemimpin. Selain itu, analisis terhadap ucapan pemimpin semasa krisis di peringkat global juga menunjukkan peningkatan penggunaan rayuan emosi dan bahasa persuasif untuk meraih sokongan khalayak (Zhang & Hellmueller, 2023).

Walau bagaimanapun, kebanyakan penyelidikan yang sedia ada masih mempunyai beberapa keterbatasan yang sangat ketara. Kebanyakan penyelidikan memberi tumpuan terhadap konteks antarabangsa namun kurang memberi perhatian khusus terhadap konteks tempatan seperti Malaysia. Selain itu, penyelidikan yang dilakukan oleh Van Leeuwen (2021), beliau menegaskan bahawa analisis retorik sering dilakukan secara umum tanpa menggabungkan pendekatan perbandingan yang mendalam antara pemimpin yang berbeza latar dan era kepemimpinan. Kekangan ini menyebabkan pemahaman tentang evolusi dan variasi strategi retorik dalam kepemimpinan politik Malaysia masih belum terokai dengan lebih luas. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan penggunaan pendekatan kualitatif melalui analisis teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 dengan mengaplikasikan teori retorik Aristotle serta disokong oleh analisis wacana politik moden. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menilai strategi retorik secara sistematik dan perbandingan, selaras dengan cadangan oleh Reisigl (2021) yang menekankan kepentingan analisis wacana kritikal dalam memahami hubungan antara bahasa, kuasa dan kepemimpinan

politik. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengayaan literatur retorik politik Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk meneliti penggunaan strategi retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Terdapat tiga objektif kajian yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu,:

1. Mengenal pasti strategi retorik yang terdapat dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10.
2. Menganalisis strategi retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle.
3. Membandingkan penggunaan strategi retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah strategi retorik yang terdapat dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10?
2. Bagaimanakah strategi retorik yang digunakan dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle?
3. Apakah perbezaan dan persamaan strategi retorik yang terdapat dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10?

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah terhadap pengayaan kosa ilmu dan perkembangan bidang retorik yang kini semakin mendapat perhatian ramai dalam kalangan organisasi pengamal bahasa dan ahli akademik, terutamanya dalam konteks komunikasi politik di Malaysia. Kepentingan ini, adalah untuk meluaskan kefahaman tentang bagaimana strategi retorik digunakan dalam kepemimpinan negara, serta

kesannya terhadap penerimaan masyarakat. Seterusnya, penggunaan teori-teori retorik sedia ada digunakan dalam kerangka budaya dan politik Malaysia dan ia dapat membuka ruang kepada penyelidikan masa depan untuk melakukan kajian yang bersifat perbandingan, kontemporari dan kontekstual dalam bidang retorik. Kajian ini diharap dapat menambah kepelbagaian corak komunikasi yang bersifat persuasif dengan niat untuk mempengaruhi pemikiran pendengar, pembaca atau penonton melalui penggunaan bahasa yang berkesan. Hal ini demikian, kerana retorik merupakan satu bentuk seni komunikasi yang mampu memberikan impak mendalam apabila diaplikasikan melalui unsur bahasa yang bersifat memujuk serta penyampaian yang jelas oleh pengucap. Selain itu, retorik juga berperanan penting dalam membentuk strategi komunikasi, sama ada secara lisan mahupun tulisan, melalui penggunaan simbol khas atau struktur ujaran tertentu bagi mencapai tujuan yang diinginkan. Justeru, penguasaan strategi retorik dilihat mampu memperkukuh keberkesanan komunikasi dalam pelbagai konteks, khususnya dalam ucapan-ucapan yang memerlukan keyakinan dan pengaruh, seperti dalam bidang politik dan kepemimpinan.

Selain itu, kajian ini memberi kepentingan kepada bakal pemimpin dengan adanya panduan berguna dalam merangka strategi komunikasi yang lebih berkesan dan meyakinkan. Dalam kajian yang dilakukan terhadap strategi retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10, bakal pemimpin dapat mengenal pasti pendekatan yang boleh membantu mereka dalam menyampaikan mesej kepada rakyat sekali gus membentuk pandangan masyarakat yang positif. Kajian ini juga membantu dalam penambahbaikan gaya penyampaian ucapan agar lebih tersusun, berseni dan relevan dengan konteks semasa. Di samping itu, ia membolehkan bakal pemimpin memahami bagaimana retorik dapat digunakan untuk membina kredibiliti serta menyampaikan dasar dan aspirasi negara dengan lebih berkesan. Kesedaran terhadap pengaruh konteks sosial, politik dan ekonomi dalam ucapan turut membolehkan bakal pemimpin menyesuaikan isi kandungan komunikasi mereka dengan keperluan dan harapan rakyat. Dari sudut pandang yang positif, retorik dilihat sebagai satu strategi yang mempunyai nilai strategi serta tarikan tersendiri, terutamanya apabila diperhalusi dalam konteks kajian ilmiah. Justeru, kajian ini, bukan sahaja menyumbang kepada pengayaan ilmu dalam bidang komunikasi politik, malah diharapkan dapat memberikan wacana dan idea yang bermanfaat sebagai panduan praktikal kepada bakal pemimpin untuk mengaplikasikan seni retorik secara

bijaksana dalam penyampaian ucapan mereka. Dengan itu, retorik bukan sekadar menjadi alat penyampaian, tetapi juga instrumen yang berkesan dalam membina keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap pemimpin.

Seterusnya, kepentingan kajian ini turut membawa kebaikan kepada masyarakat untuk meningkatkan fahaman mereka dalam strategi dan penggunaan strategi retorik yang diaplikasikan oleh pemimpin dalam menyampaikan dasar, mesej dan amanat negara. Retorik bukan sahaja merupakan satu bidang penting yang penuh dengan keharmonian dan keindahan berbahasa, malah ia turut berperanan dalam membina keyakinan pendengar atau penonton terhadap mesej yang disampaikan. Dengan memahami strategi retorik yang digunakan dalam ucapan pemimpin, masyarakat dapat menjadi penonton atau pendengar yang lebih berfikiran luas dan kritikal sekali gus dapat menghindari dari ditipu atau di manipulasi dengan maklumat kosong. Kepentingan kajian ini juga, mengajak masyarakat untuk berfikir secara kritis terutamanya terhadap strategi dan gaya retorik yang boleh membentuk pandangan umum. Di samping itu, masyarakat dapat mewujudkan nilai demokrasi yang kukuh dan berani memberi pandangan secara rasional terhadap wacana politik sekali gus dapat mewujudkan pendebatan yang lebih sihat antara rakyat dan pemimpin. Dalam pada itu, wujud kepentingan terhadap pembentukan nilai budaya politik yang lebih matang dan mampu membantu masyarakat untuk tidak menilai kandungan ucapan pemimpin dengan menggunakan emosi semata-mata, namun turut melihat kepada hujah, struktur dan kredibiliti yang digunakan semasa menyampaikan ucapan. Selain itu, perkara ini dilihat dapat mewujudkan hubungan yang baik dan harmoni antara pemimpin dan masyarakat melalui komunikasi yang lebih jelas dan berkesan. Oleh itu, komunikasi berteraskan retorik menuntut kemahiran pemahaman yang tinggi, khususnya apabila berkait rapat dengan nilai, kepercayaan dan sikap penonton dari pelbagai latar belakang.

1.7 Batasan dan Skop Kajian

Kajian yang dilakukan hanya menumpukan sepenuhnya terhadap penggunaan strategi retorik yang banyak digunakan dalam pengucapan, pendebatan dan penyampaian sesuatu mesej atau hujah sebagai satu bukti untuk memberi keyakinan serta pengaruh kepada pendengar. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji tentang

ucapan dua orang Perdana Menteri Malaysia iaitu, Perdana Menteri yang ke-7 dan ke-10, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang diambil melalui laman Koleksi Arkib Ucapan dan Laman Pejabat Perdana Menteri Malaysia. Jumlah ucapan yang dipilih adalah sebanyak 14 sahaja iaitu, 7 ucapan Perdana Menteri ke-7 dan 7 lagi ucapan Perdana Menteri ke-10. 14 ucapan tersebut diambil melalui tahun 2018, 2019, 2024 dan 2025. Teks ucapan dipilih mengikut tahun kedua-dua Perdana Menteri ke-7 Dan ke-10 memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dan perkara ini menjadi justifikasi untuk pemilihan teks ucapan tersebut. Selain itu, untuk mengukuhkan lagi justifikasi kajian ini adalah dengan melihat kepada kandungan dan isu yang disampaikan kepada pendengar atau penonton. Kemudian, teks ucapan tersebut diteliti serta dianalisis menggunakan teori retorik Aristotle. Kajian ini mengaplikasikan teori retorik Aristotle sebagai kerangka teori utama untuk menganalisis ucapan dua orang Perdana Menteri Malaysia. Teori ini merupakan teori yang masih relevan dan masih digunakan hingga ke hari ini. Ia merangkumi tiga strategi utama iaitu, ethos (kredibiliti), pathos (emosi), dan logos (logik). Ketiga-tiga strategi ini bertujuan untuk menghasilkan komunikasi yang persuasif dan membina kepercayaan terhadap pengucap.

Skop kajian ini tertumpu kepada analisis strategi retorik yang digunakan dalam ucapan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10, khususnya dalam konteks ucapan yang disampaikan kepada rakyat berkaitan ekonomi, perpaduan, dan isu-isu semasa berkaitan negara. Kajian ini memberi fokus terhadap aspek retorik dari segi linguistik, gaya bahasa, struktur ayat, susunan hujah, teknik persuasif dan emosi yang diaplikasikan untuk memberi pengaruh kepada penonton atau pendengar.

1.8 Definisi Konsep

Definisi konsep yang penting diutarakan dalam kajian ini ialah retorik. Di samping itu, terdapat juga definisi sampingan iaitu, perbandingan, retorik, ucapan dan kepemimpinan.

1.8.1 Retorik

Retorik bermaksud seni yang mengaplikasikan bahasa yang mampu memberi

kesan kepada khalayak ramai dan retorik juga sering digunakan untuk membantu pengucap atau pengarang menyampaikan idea, cadangan, pendapat dan pandangan yang sahih dan menarik minat pendengar atau pembaca (Amida Abdulhamid, 2015). Dalam konteks kajian ini, retorik merupakan elemen yang penting dalam ucapan rasmi PM7 dan PM10 kerana setiap ucapan berfungsi sebagai medium utama untuk menyampaikan dasar, idea dan hala tuju kepemimpinan kepada rakyat. Penggunaan teknik retorik yang jelas dan berkesan membolehkan ucapan yang disampaikan lebih meyakinkan, dalam masa yang sama membina keyakinan serta sokongan khalayak terhadap kepemimpinan negara.

1.8.2 Strategi Retorik

Strategi retorik merujuk kepada teknik komunikasi yangdigunakan untuk mencapai tujuan persuasif. Menurut Ali (2025), strategi retorik melibatkan tiga elemen utama iaitu, ethos (kredibiliti), pathos (emosi), dan logos (logik). Dalam kajian ini, strategi retorik merujuk kepada penggunaan elemen ethos, pathos, dan logos dalam penyampaian mesej melalui teks ucapan PM7 dan PM10.

1.8.3 Ucapan

Ucapan merupakan satu komunikasi yang bersifat sehala, iaitu, pendengar hanya mendengar mesej yang cuba disampaikan oleh pengucap. Ucapan menurut Khairuddin Mohamad (2012) adalah satu corak saluran komunikasi dan ucapan ini dianggap sebagai jenis karangan yang mempunyai cara tersendiri. Ucapan berfungsi sebagai alat komunikasi rasmi yang digunakan oleh PM7 dan PM10 untuk menyampaikan mesej dan buah fikiran tertentu kepada rakyat secara tersusun. Walaupun ucapan merupakan komunikasi sehala, namun ucapan tetap mempunyai pengaruh yang besar kerana setiap ucapan melibatkan penggunaan gaya bahasa, struktur ayat dan strategi penyampaian yang bertujuan untuk menarik perhatian serta membentuk kefahaman pendengar. Ucapan bukan sekadar alat yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, malah ucapan berfungsi sebagai alat untuk membina kredibilti, menyampaikan fakta serta mempengaruhi pemikiran rakyat.

1.8.4 Perdana Menteri

Perdana Menteri didenfinisikan sebagai ketua eksekutif yang berperanan penting dalam memimpin dan menguruskan kerajaan. Kebiasaannya Perdana Menteri bertanggungjawab terhadap badan perundangan dan perlu mendapatkan sokongan majoriti dalam parlimen untuk menjawat jawatan tersebut Sheposh, R. (2024). Hal ini, dalam konteks Malaysia Perdana Menteri perlu mendapatkan sokongan majoriti di parlimen untuk memimpin dan setiap ucapan yang disampaikan oleh Perdana Menteri juga merupakan alat yang penting untuk mendapatkan sokongan terus daripada rakyat. Perkara ini memperlihatkan bahawa aspek retorik bukan sahaja berbentuk linguistik malah ia juga berkait rapat dengan fungsi politik di Malaysia.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab 1 telah menjelaskan tentang pengaplikasian strategi retorik dalam ucapan PM7 dan PM10 berdasarkan Teori Retorik Aristotle. Isu utama yang dikenal pasti ialah kurangnya kajian perbandingan terhadap penggunaan strategi retorik dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan membandingkan strategi retorik yang digunakan oleh kedua-dua pemimpin. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman tentang peranan retorik dalam pengucapan politik di Malaysia. Bab seterusnya, iaitu, Bab 2, akan membincangkan sorotan kajian lepas dan kerangka teori yang berkaitan dengan kajian ini.

BAB 2
KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang soroton literatur yang mempunyai kaitan dengan strategi retorik dalam ucapan Perdana Menteri, khususnya dalam kepemimpinan negara di Malaysia. Fokus diberikan terhadap kajian lepas mengenai ucapan pemimpin politik di Malaysia dan antarabangsa yang telah dilakukan. Tinjauan ini adalah untuk mengenal pasti perkembangan kajian dalam bidang yang dikaji, mengenal pasti jurang dalam kajian lepas, serta meletakkan kajian ini dalam konteks wacana akademik yang lebih luas.

Creswell (2014), menyatakan bahawa tinjauan literatur adalah proses yang utama dalam penyelidikan. Hal ini, membolehkan penyelidik memahami perkembangan semasa dalam sesuatu bidang dalam pada masa yang sama dapat membantu penyelidik merangka hujah yang berasaskan dapatan kajian lepas. Melalui penilaian yang luas terhadap kajian terdahulu, bahagian ini juga menyokong rasional kajian serta membentuk asas kepada kerangka teori dan ulasan dalam kajian ini.

2.2 Kajian Lepas

2.2.1 Kajian dalam Bidang Retorik

Teori Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, kebanyakan sarjana menumpukan perbincangan terhadap sejarah, konsep dan definisi retorik secara umum, bermula dari era Yunani Kuno dan Rom hingga ke zaman moden (Foss, 2019). Kajian yang dilakukan oleh Edie (2006) dan Gusti (1990) dilihat lebih menekankan retorik sebagai bidang ilmu terawal serta wujud pelbagai definisi tentang retorik, namun tidak memberi fokus kepada penggunaan retorik dalam konteks teks ucapan politik. Selain itu, kajian oleh Shea et al. (2013), Richard Toy (2013) dan Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015), mereka melihat retorik sebagai satu seni pujukan

dan komunikasi berkesan yang merangkumi pelbagai medium seperti ucapan, visual dan iklan tanpa menumpukan terhadap analisis perbandingan teks ucapan Perdana Menteri.

Di samping itu, terdapat beberapa kajian terdahulu yang mengaplikasikan teori retorik Aristotle seperti logos, pathos dan ethos dalam kajian analisis wacana secara umum (Nur Sakinah, 2018; Farah Hanini Abdul Rahman et al., 2022). Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut lebih memberi penekanan terhadap analisis strategi retorik secara terasing atau dalam konteks tertentu, tanpa melibatkan perbandingan yang sistematik antara dua orang Perdana Menteri dalam tempoh mahupun situasi politik yang berbeza. Tambahan pula, kajian lepas kebiasaannya tidak memberi penekanan terhadap perbezaan gaya retorik antara pemimpin dalam konteks perubahan politik dan cabaran semasa.

Berbeza dengan kajian-kajian terdahulu, kajian ini memberi fokus terhadap analisis perbandingan strategi retorik dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 sebagai satu bentuk komunikasi. Kajian ini bukan sahaja meneliti penggunaan elemen logos, pathos dan ethos, malah membandingkan kecenderungan penggunaan strategi retorik antara kedua-dua Perdana Menteri dalam konteks pentadbiran dan situasi politik yang berbeza. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang kajian yang sedia ada dengan memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang fungsi retorik dalam sesebuah ucapan khususnya dari sudut perbandingan dan analisis teks.

2.2.2 Penggunaan Teori Retorik Aristotle dalam Kajian Lepas

Teori Retorik Aristotle telah menjadi asas yang utama dalam kajian komunikasi berbentuk formal atau tidak formal dan pengucapan awam. Menurut Aristotle, keberkesanan retorik bergantung kepada tiga strategi utama iaitu, logos, pathos dan ethos. Melalui kajian yang dijalankan oleh Chai Nyun Chow (2020), analisis terhadap ucapan politik Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas kemenangan Pakatan Harapan menunjukkan bahawa strategi logos paling banyak digunakan, diikuti oleh pathos dan ethos. Penggunaan fakta dan logik dapat membantu seseorang pengucap dalam menyampaikan mesej yang mampu meyakinkan pendengar mahupun penonton. Kajian oleh Farah Hanini Abdul Rahman et al. (2022) pula adalah tentang

analisis ucapan pra pelancaran program “Keluarga Malaysia” oleh Perdana Menteri Malaysia ke-9 iaitu, hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pathos merupakan strategi retorik yang paling banyak digunakan, diikuti oleh logos dan ethos. Ini menunjukkan bahawa pengucap lebih menekankan aspek emosi untuk meraih sokongan pendengar terhadap program tersebut. Dalam konteks komunikasi kepemimpinan yang dilihat melalui kajian Nordiana Hamzah et al. (2022) terhadap “Nama Beta Sultan Alauddin” karya Faisal Tehrani mendapati bahawa watak Sultan Alauddin menunjukkan penggunaan ethos melalui keperibadian yang baik, pathos melalui hubungan rapat dengan rakyat, dan logos melalui penyelesaian masalah secara rasional. Ini menggambarkan bagaimana strategi retorik Aristotle dapat diaplikasikan dalam naratif kepemimpinan untuk mempengaruhi pendengar.

2.2.3 Penggunaan Ucapan dalam Kajian Retorik

Ilmu Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, kebanyakan sarjana meneliti ucapan dari sudut fungsi komunikasi, keberkesanan penyampaian dan kemahiran berbahasa secara umum. Kajian yang dilakukakn oleh Izzat Amin Mohd Nasir & Raihan Ahmad (2022) serta Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Ain (2021) mereka banyak menekankan ucapan sebagai medium komunikasi sehala yang bertujuan menyampaikan maklumat, emosi dan buah fikiran melalui penggunaan retorik dan kemahiran komunikasi seseorang pengucap. Selain itu, kajian oleh Aminnudin Saimon et al. (2021) dan Muhammad Faizul Abd Hamid & Harishon Radzi (2020), mereka lebih memberi fokus terhadap aspek keberkesanan lakuan bahasa dan gaya penyampaian dalam menghasilkan ucapan yang dapat memberi impak kepada pendengar. Kajian-kajian ini secara umumnya membincangkan ucapan sebagai satu aktiviti komunikasi dalam pelbagai konteks tanpa menumpukan terhadap teks ucapan politik sebagai bahan analisis utama.

Di samping itu, kajian oleh Chai Nyun Chow (2020) pula menekankan kepentingan kemahiran komunikasi dalam kehidupan sosial dan penggunaan teknologi dalam komunikasi harian, tetapi tidak mengaitkannya secara khusus dengan analisis strategi retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa kebanyakkan kajian lepas lebih cenderung terhadap penelitian ucapan dari sudut komunikasi dan linguistik yang bersifat umum, serta menumpukan keberkesanan penyampaian tanpa membuat analisis perbandingan terhadap gaya dan strategi ucapan Perdana Menteri.

Hal ini berbeza dengan kajian-kajian terdahulu, kajian ini menumpukan terhadap analisis perbandingan strategi retorik dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Kajian ini tidak hanya melihat kepada keberkesanan ucapan dari sudut kemahiran komunikasi semata-mata, namun kajian ini meneliti setiap cara elemen retorik seperti logos, pathos dan ethos digunakan secara konsisten dalam konteks kepemimpinan dan komunikasi politik. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang kajian dengan menumupukan terhadap teks ucapan serta memperlihatkan perbezaan pendekatan dan kecenderungan retorik antara dua era kepemimpinan yang berbeza.

2.2.4 Kajian Bidang Politik

Pendidikan Bidang politik ini perlu ada dalam setiap negara bagi memastikan keamanan dan keselamatan masyarakat yang terbina dan memastikan semua rakyat hidup tanpa rusuhan (Mohd Syafiq Haji Mohd Zunaidi & Yabit Alas, 2023). Seperti yang diketahui apabila bidang politik ini diperkatakan maka ia akan berkait dengan kewujudan parti yang pelbagai dari aspek bangsa dan agama. Parti politik adalah sebuah badan tetap yang mempunyai tujuan untuk menguasai kuasa atau kabinet selama mana yang mungkin. Kuasa yang didapati adalah daripada kerjasama politik dan kerjasama parti lain untuk menjayakan politik yang bersifat stabil. Menurut Bergman (2021), wujudnya kerjasama ini kerana tidak ada parti yang mampu untuk berdiri dengan sendiri tanpa kerjasama atau sokongan parti lain. Oleh itu, bidang politik ini dianggap sebagai satu bidang yang memerlukan gabungan dua atau lebih parti sebagai satu proses bagi menubuhkan sesebuah parti politik.

Selain itu, bidang politik ini merupakan isu yang berlangsung dan menjadi perbahasan rakyat semenjak dahulu lagi (Ilyas Abdullah, 2021). Seperti yang diketahui umum politik ini adalah ruang yang bersifat subjektif. Pengetahuan tentang politik dan semua perkara yang ada dalam politik tidak boleh didapati daripada penelitian yang singkat (Ahmad Rizal Mohd Yusof, Junaidi Awang Besar dan Muhammad Najit Sukemi, 2021). Bidang politik tidak terkecuali daripada arus deras perkembangan teknologi yang kian menjadi corak terhadap dunia moden. Dalam dunia yang sentiasa berubah ini, politik tampil sebagai nadi utama yang menghubungkan suara rakyat dengan kuasa pemerintahan, dalam masa yang sama melahirkan satu ikatan solidariti yang tidak ternilai. Ia bukan sekadar wadah perantara

antara kerajaan dan masyarakat, malah menjadi tunjang yang menentukan arah dan makna kehidupan seharian. Tanpa peranan politik yang utuh dan berkesan, keharmonian serta kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat akan goyah, seakan kehilangan nadi utama dalam menyatukan perjalanan menuju masa depan yang sejahtera. (Chai Nyun Chow, 2020).


2.3 Ulasan Kritis

Kajian ini dilaksanakan bagi meneliti secara mendalam penggunaan strategi retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10, khususnya dalam usaha menarik perhatian serta membina kepercayaan rakyat. Retorik memainkan peranan penting untuk mewujudkan keyakinan dalam kalangan pendengar, malah ia dilihat sebagai asas utama dalam pengucapan politik yang berkesan. Kajian ini turut meneliti bagaimana seseorang pemimpin mengaplikasikan seni retorik secara strategik dalam penyampaian ucapan. Pendekatan yang diambil menumpukan kepada Teori Retorik Aristotle yang menjadi sandaran terhadap kajian ini iaitu, melalui tiga strategi utama iaitu, logos (logik), pathos (emosi) dan ethos (kredibiliti). Penggunaan ketiga-tiga strategi ini dalam ucapan kedua-dua tokoh dianalisis dengan penuh teliti, dan hasil kajian menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan dari segi kekerapan dan keberkesanan penerapan strategi retorik tersebut. Hasil penelitian terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa tumpuan terhadap penggunaan retorik dalam ucapan politik sememangnya telah menjadi tujuan utama dalam penyelidikan wacana kepemimpinan di Malaysia. Sebagai contoh, kajian oleh Farah Hanini Abdul Rahman et al. (2022) membuktikan bahawa pendekatan retorik dapat mendedahkan cara pemimpin mencorakkan persepsi khalayak melalui strategi bahasa yang terpilih. Selain itu, kajian oleh Chai Nyun Chow (2020) turut menyokong keberkesanan penggunaan teori retorik Aristotle dalam wacana politik kerana teorinya berupaya menggambarkan bagaimana seseorang pemimpin membina kredibiliti (ethos), menggerakkan emosi (pathos) dan menggunakan hujah logik (logos) dalam menyampaikan mesej. Dari segi metodologi, kajian ini turut selari dengan kecenderungan kajian lepas yang banyak memilih pendekatan kualitatif, khususnya melalui analisis kandungan dan analisis teks, kerana strategi ini dapat merungkai makna tersirat dalam bahasa dan struktur wacana politik.

Namun demikian, perbandingan dengan kajian lepas turut mendedahkan wujudnya variasi dari segi skop kajian, teori yang dirujuk, serta bahan dan pendekatan yang digunakan. Sebahagian kajian lepas memilih untuk meneliti bahan bukan politik seperti ceramah motivasi, karya kreatif atau novel sebagai teks utama kajian. Dalam aspek teori pula, ada juga yang mengaplikasikan Teori Retorik Moden seperti yang dibawakan oleh Enos dan Brown (1993), berbanding Aristotle, khususnya dalam kajian retorik bukan persuasif. Ini menunjukkan bahawa bidang retorik adalah luas, dinamik dan fleksibel dalam aplikasinya. Selain itu, wujud juga variasi dalam pemilihan strategi penyelidikan. Walaupun pendekatan kualitatif mendominasi, terdapat juga kajian lepas yang menggunakan pendekatan kuantitatif atau gabungan kedua-duanya bergantung kepada keperluan dan sifat data yang dikaji. Justeru, melalui pelbagai perspektif dan pendekatan ini, jelas menunjukkan bahawa kajian retorik dalam ucapan politik masih terbuka luas untuk diteroka, khususnya dalam konteks perbandingan antara tokoh politik berpengaruh seperti PM7 dan PM10.

2.4 Kerangka Teori

Teori Retorik Aristotle merupakan antara teori klasik yang paling berpengaruh dalam bidang komunikasi dan wacana persuasif. Menurut Aristotle, retorik ialah seni untuk meyakinkan pendengar melalui penggunaan bahasa yang berkesan. Beliau telah mengemukakan tiga strategi utama dalam teori ini, iaitu, logos, pathos, dan ethos sebagai asas untuk mempengaruhi pendengar. Berdasarkan retorik Aristotle, terdapat tiga jenis retorik rayuan iaitu, logos, pathos dan ethos yang menjadi komponen dalam alat pemujukan (Griffin, 2000). Namun begitu, Higgins & Walker (2012) menyatakan bahawa Aristotle tidak memberi ketetapan secara khas dalam proses mengkaji pengaruh dalam komunikasi.



Rajah 2.1 Teori Retorik Aristotle

Ethos merupakan perwatakan atau kredibiliti seseorang yang mampu memberi impak kepada individu lain. Pengucap atau penulis perlu memberi pembuktian terhadap ucapan mahupun kata-kata yang dilontarkan kepada pendengar atau penonton. Aristotle telah membahagikan ethos kepada tiga bahagian iaitu, pengucap perlu menunjukkan kecerdasan fikiran dan akal budi, kebajikan dan muhibah. Chamil Wariya (2015), menyatakan bahawa ethos adalah daya komunikasi atau cara komunikasi seseorang. Ethos adalah unsur yang digunakan untuk melihat sama ada seseorang pengucap itu boleh dipercayai atau tidak. Kelebihan ethos ini terdiri daripada kebijaksanaan, amanah, baik dan berbudi, berpengalaman, dan berilmu tentang perkara yang ingin dibicarakan.

Walaupun Aristotle mengkritik penceramah yang memanipulasi emosi penonton mereka, namun Aristotle berpendapat kajian tentang emosi manusia adalah penting terhadap retorik yang sistematik. Istilah pathos sering digunakan untuk merujuk kepada daya tarikan yang meninggalkan impak atau emosi tentang mesej persuasif terhadap penonton atau pendengar yang melakukan tindakan. Namun begitu, wujud perkara berkait dengan emosi yang khusus terhadap minat Aristotle dengan keupayaan emosi untuk mempengaruhi pemikiran penonton.

Chamil Wariya (2015), menyatakan bahawa bukti artistik ini mendorong


kepada sifat yang tidak logik terhadap seseorang individu. Beliau juga menyatakan emosi merupakan unsur yang memainkan peranan penting dalam diri seseorang individu dan situasi minda yang membawa dalam pengaplikasian gaya bahasa yang boleh menimbulkan emosi penonton mahupun pendengar.

Logos merupakan istilah Yunani dengan banyak perbezaan makna yang boleh menjadi makna dalam satu perkataan, atau boleh merujuk maksud kata majmuk kepada perkataan dalam dokumen atau ucapan. Penggunaan logos (logik) merupakan satu unsur yang penting khususnya apabila memberi hujah berkaitan dengan perkara atau maklumat yang ingin disampaikan kepada khalayak ramai. Menurut Chamil Wariya (2015), bukti artistik ini melibatkan unsur rayuan yang bersifat logik yang berasaskan hujahan yang boleh diterima oleh pendengar. Hujahan tersebut akan diteliti dari sudut bentuk atau corak retorik dan teknik retorik.

Kajian ini menggunakan Teori Retorik Aristotle sebagai sandaran yang utama. Penggunaan teori ini bertujuan untuk menghubungkan data yang diambil melalui ucapan PM7 dan PM10 dengan tiga strategi utama iaitu, logos, pathos dan ethos. Sekali gus menerapkan teknik retorik pada data kajian ini. Selain itu, teori ini biasanya digunakan dalam kajian berkaitan pemujukan namun teori ini dilihat sesuai dengan kajian dilakukan kerana wujud unsur pemujukan dalam sesebuah ucapan walaupun fokus kajian ini adalah sepenuhnya terhadap penggunaan retorik. Data yang didapati dikeluarkan mengikut kategori tiga strategi tersebut dan dianalisis mengikut kesesuaian.

2.5 Kerangka Konseptual

Bahagian ini membincangkan tentang strategi perbandingan yang diaplikasikan bagi melihat cara penyampaian ucapan oleh dua orang PM7 dan PM10. Matlamat kajian ini adalah untuk mendapatkan jawapan daripada pengaplikasian satu cara yang berbentuk ilmiah yang sistematik dan saintifik.



Rajah 2.2 Kerangka Konseptual

2.6 Kesimpulan

Berdasarkan Secara keseluruhannya, Bab 2 membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan retorik dan analisis ucapan politik, khususnya ucapan Perdana Menteri Malaysia. Hal ini memperlihatkan bahawa kajian perbandingan strategi retorik antara dua orang Perdana Menteri Malaysia masih terhad. Oleh itu, kajian ini memberi fokus

terhadap analisis strategi retorik bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Perbincangan ini seterusnya menjadi asas kepada metodologi kajian yang dihuraikan dalam Bab 3.

BAB 3
METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan berkaitan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Penerangan merangkumi pendekatan, kaedah, pemilihan data, tatacara pengumpulan data serta pelabelan data. Metodologi yang diaplikasikan dalam kajian ini dipilih dengan teliti untuk memastikan bahawa kaedah yang digunakan sesuai dengan objektif kajian dan data yang dianalisis, iaitu, teks ucapan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10.

3.2 Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis terhadap ucapan PM7 dan PM10. Pendekatan kualitatif ialah satu kaedah penyelidikan yang menumpukan kepada pemahaman mendalam tentang sesuatu isu melalui pemerhatian, temu bual atau analisis dokumen. Menurut Creswell dan Poth (2021), pendekatan kualitatif bertujuan untuk mendalami atau memahami sesuatu peristiwa sosial daripada pandangan responden melalui interaksi dan tafsiran mereka terhadap situasi sekeliling.

Melalui kajian ini, setiap ucapan yang dipilih akan diteliti terlebih dahulu bagi mencapai objektif kajian iaitu, mengenal pasti dan menganalisis penggunaan strategi retorik yang terdapat melalui kajian yang dijalankan. Terdapat 14 ucapan yang dikaji dan 14 ucapan tersebut dipilih mengikut tahun kedua-dua PM7 dan PM10 menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri di Malaysia. Fokus kajian ini menumpukan sepenuhnya terhadap analisis kandungan yang akan diteliti dalam ucapan. Pemilihan pendekatan dilihat sesuai kerana kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks ucapan bagi melihat retorik yang terdapat dalam ucapan sekali gus dapat mengumpul data melalui ucapan yang dipilih. Walau bagaimanapun, pendekatan kualitatif kebiasaannya dilakukan melalui bentuk temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah yang diaplikasikan dalam kajian adalah kaedah analisis kandungan. Hal ini bertujuan untuk mengumpul sebanyak mungkin data dan maklumat penting yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan. Oleh itu, artikel jurnal mahupun ucapan yang mempunyai kaitan dengan topik yang dibicarakan dalam analisis ini akan digunakan untuk memberi kemudahan kepada pembaca.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Menurut Merriam dan Tisdell (2016), kajian yang bercorakkan kualitatif dapat membantu penyelidik memahami makna yang tertentu dalam konteks budaya dan sosial. Kajian kualitatif memberi fokus terhadap makna dan kefahaman mendalam yang terkandung dalam teks. Perkara ini selaras dengan objektif kajian yang ingin meneliti strategi retorik dalam teks ucapan PM7 dan PM10. Matlamat utama kajian ini adalah untuk mendapatkan jawapan melalui pengaplikasian pendekatan ilmiah yang bersifat sistematik dan berasaskan prinsip strategi saintifik. Bahagian ini memperincikan kaedah dan pendekatan penyelidikan yang digunakan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Seterusnya, kaedah analisis kandungan akan dihuraikan dengan mendalam, termasuk aspek berkaitan data kajian, tatacara pengumpulan data, proses pelabelan data, serta kerangka analisis yang digunakan. Justifikasi turut diberikan bagi setiap prosedur metodologi yang dilaksanakan bagi memastikan ketelitian proses penyelidikan. Secara keseluruhannya, pemilihan metodologi yang tepat dan pelaksanaannya secara sistematik amat penting dalam memastikan hasil kajian yang berkualiti serta menyumbang kepada pengembangan ilmu secara menyeluruh.

3.3.1 Analisis Kandungan

Analisis kandungan merupakan kaedah penyelidikan yang sistematik dan berstruktur untuk menerangkan makna dalam data teks atau visual berdasarkan klasifikasi tertentu bagi mengenal pasti corak dan tema yang wujud (Berelson, 2019). Menurut Neuendorf (2017) dan Zhang & Wildemuth (2020), analisis kandungan merupakan pendekatan saintifik yang membolehkan pengkaji memberi gambaran terhadap peristiwa secara objektif melalui prosedur kodifikasi yang standard dan boleh diulang. Selain itu, analisis kandungan kualitatif memberi penekanan kepada konteks,

subjektiviti dan tafsiran data melalui teknik pengkodan yang sistematik (Schreier, 2021; Hsieh & Shannon, 2019). Melalui kajian ini, analisis kandungan digunakan untuk mentafsir penggunaan unsur retorik dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 secara terperinci.

Seterusnya, melalui kajian ini, analisis kandungan digunakan untuk meneliti dan mentafsir penggunaan unsur retorik dalam teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Selain itu, data melalui teks ucapan yang dipilih akan diteliti terlebih dahulu sebelum membahagikan data ucapan tersebut mengikut kaedah retorik yang bersesuaian. Kaedah ini membantu dalam menambah kefahaman tentang cara strategi retorik diaplikasikan untuk menyampaikan ucapan dan mempengaruhi khalayak. Analisis ini melibatkan proses menyusun, menandai, dan menafsir kandungan berdasarkan tema atau kategori retorik yang telah dikenal pasti. Kaedah ini juga, bersifat kualitatif kerana ia memberi fokus terhadap makna dalam konteks komunikasi.

3.4 Data Kajian

Kajian ini memperoleh data kajian dari teks ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menjadi Perdana Menteri Malaysia sebanyak dua kali iaitu, pelantikan kali pertama pada tahun 1981-2003 dan pelantikan kali kedua pada tahun 2018-2020. Tun Dr. Mahathir Mohamad dikenali sebagai tokoh pemimpin politik yang sentiasa berfikiran terbuka dan matang dalam mentadbir negara. Menurut Muhammad Nur Azimi (2017), Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang terkenal sama ada dalam negara mahupun luar negara atas kejayaan beliau menaikkan nama Malaysia serta beliau bijak dalam arena politik Malaysia. Dalam erti kata lain, beliau sangat komited dalam setiap perkara yang dilakukan. Beliau juga mempunyai pemikiran yang tajam dan sentiasa memandang ke hadapan serta melahirkan buah fikiran yang baharu dalam membantu untuk membangunkan Malaysia.

Di samping itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi pemimpin dalam politik bermula dari tahun 1946 sebagai ahli UMNO dan pada tahun 1964, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memulakan kerjaya beliau dalam politik Malaysia sebagai ahli

parlimen Kota Setar, Kedah, Yufridin et al. (2007). Beliau banyak menyandang pelbagai jawatan apabila beliau berjaya mengembangkan kerjaya beliau dalam politik. Jawatan yang pernah disandang seperti pengerusi FIMA (1973), Senator di Dewan Undangan Negeri Kedah (1973), Menteri Pelajaran Malaysia (1974), Naib Presiden UMNO (1975), Timbalan Presiden UMNO (1976), Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan (1978). Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya mengubah negara Malaysia ketika beliau menyandang jawatan sebagai Perdana Menteri dengan idea untuk membina jambatan Pulau Pinang, kompleks Dayabumi dan menara KLCC. Menurut Mohd Udin, Mashitah, Omar, Khamis dan Yusoff (2020), Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin yang berjaya menggerakkan proses transformasi Malaysia daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian kepada sebuah negara yang membangun dalam aspek industri dan infrastruktur yang bersifat moden melalui dasar-dasar pembangunan yang progresif sepanjang era pemerintahan beliau.

Abdul Muati@Zamri (2007) menyatakan apabila dunia memasuki era globalisasi, beliau telah mendorong negara ke arah aktiviti ekonomi berasaskan pengetahuan. Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad mementingkan kecemerlangan dan keunggulan. Selama 22 tahun Malaysia di bawah kepemimpinan beliau, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang ahli politik yang berusaha untuk mentransformasikan negara dan rakyat khususnya rakyat bumiputera tentang erti pembangunan dan kemajuan. Hal ini mendapat sambutan yang baik daripada rakyat sehingga kini. Hasil kejayaan beliau dalam memajukan negara telah menjadikan negara Malaysia sebagai negara yang disegani oleh seluruh negara. Seterusnya, tokoh kedua iaitu, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Beliau merupakan tokoh yang dikenali ramai sehingga ke peringkat antarabangsa atas usaha dan sumbangan beliau terhadap negara Malaysia dengan memajukan dan mengembangkan prinsip Islam dalam politik di Malaysia (Zulfiani, 2018).

Selain itu, usaha beliau untuk mewujudkan politik yang selaras dengan Islam kerana beliau ingin membawa Malaysia ke arah lebih baik pada masa hadapan. Justeru, pemikiran dan usaha beliau untuk memajukan Islam dan etnik Melayu telah membawa Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang tokoh yang menerima sokongan besar rakyat Malaysia. Hal ini, menjadikan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai salah seorang pemimpin Asia yang paling dihormati di dalam dan di luar negara. Selain itu, beliau merupakan tokoh politik Malaysia yang terkenal dengan ketokohan, daya

tarikan dan perjuangan panjang dalam arena politik. Dato' Seri Anwar Ibrahim memulakan kerjayanya sebagai ahli politik pada tahun 1982 dan beliau juga memegang beberapa jawatan penting iaitu, beliau pernah menjadi Menteri Kewangan pada tahun 1991 sehingga 1998 dan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1993 sehingga 1998. Menurut Abdul Rahim Sabri (2023), Dato' Seri Anwar Ibrahim dikenali kerana beliau telah memperkenalkan pembaharuan dalam sistem pendidikan dan kewangan negara, beliau juga memperkenalkan Falsafah Pendidikan Negara dan memberi sokongan terhadap penubuhan Bank Islam serta Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Anwar Ibrahim (2014) menyatakan bahawa ketokohan beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila beliau dinobatkan sebagai Menteri Kewangan terbaik dunia oleh *Euro Money* pada tahun 1993 dan Menteri Kewangan terbaik Asia oleh Asia Money pada tahun 1996. Beliau juga menerima Ijazah Kehormat dari Universiti Filipina atas sumbangannya dalam agenda reformasi di ASEAN. Sejak dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10 pada 24 November 2022, beliau terus memperjuangkan keadilan dalam aspek sosial, perpaduan nasional dan nilai Islam progesif. Menurut Ooi Kee Beng (2024), Dato, Seri Anwar Ibrahim dianggap sebagai pemimpin inklusif yang mampu menyatukan pelbagai ideologi serta memperkukuh keharmonian kaum di Malaysia.

Data kajian terdiri daripada ucapan PM7 dan PM10 iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ucapan yang dipilih bagi melihat penggunaan unsur retorik dalam menarik perhatian pendengar. Berikut merupakan 14 tajuk yang dipilih seperti ucapan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018, Hari Malaysia 2019, Hari Pekerja 2019, Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, Sambutan Hari Belia Negara 2019, Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 2019, Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019, Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, Hari Malaysia 2024, Hari Pekerja 2025 "Pekerja Kesuma Bangsa", Majlis Peluncuran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025, Sambutan Hari Belia Negara 2025, Majlis Anugerah Akademik Negara ke-15 "Akademia Pemacu Malaysia Madani" dan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025. Walaubagaimanapun, setiap ucapan tersebut mempunyai tujuan yang sama iaitu, untuk meraih sokongan dan kepercayaan penonton dan pendengar.

Selain itu, sebanyak 14 ucapan diambil melalui laman Koleksi Arkib Ucapan

dan Laman Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 14 ucapan tersebut diambil melalui tahun 2018, 2019, 2024 dan 2025. Teks ucapan yang dipilih mengikut tahun di mana kedua-dua Perdana Menteri ke-7 dan ke-10 memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dan perkara ini menjadi justifikasi untuk pemilihan teks ucapan tersebut. Selain itu, untuk mengukuhkan lagi justifikasi kajian ini adalah dengan melihat kepada kandungan dan isu yang disampaikan kepada pendengar atau penonton. Data yang akan dianalisis untuk melihat lebih banyak penggunaan retorik bagi mewujudkan emosi dan reaksi pendengar. Berikut merupakan tarikh dan tajuk ucapan Perdana Menteri ke-7 dan ke-10:

Jadual 3.1


Tarikh dan Tajuk Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10

Label	Perdana Menteri	Tahun	Tajuk Ucapan
Teks 1	Tun Dr. Mahathir Mohamad	2018	Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018
Teks 2	Tun Dr. Mahathir Mohamad	2019	Hari Malaysia 2019
Teks 3	Tun Dr. Mahathir Mohamad	2019	Hari Pekerja 2019
Teks 4	Tun Dr. Mahathir Mohamad	2019	Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023
Teks 5	Tun Dr. Mahathir Mohamad	2019	Sambutan Hari Belia Negara 2019
Teks 6	Tun Dr. Mahathir Mohamad	2019	Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 2019
Teks 7	Tun Dr. Mahathir Mohamad	2019	Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019
Teks 8	Dato’ Seri Anwar Ibrahim	2024	Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024
Teks 9	Dato’ Seri Anwar Ibrahim	2024	Hari Malaysia 2024

Teks 10	Dato’ Seri Anwar Ibrahim	2025	Hari Pekerja 2025 “Pekerja Kesuma Bangsa”
Teks 11	Dato’ Seri Anwar Ibrahim	2025	Majlis Peluncuran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025
Teks 12	Dato’ Seri Anwar Ibrahim	2025	Sambutan Hari Belia Negara 2025
Teks 13	Dato’ Seri Anwar Ibrahim	2025	Majlis Anugerah Akademik Negara ke-15 “Akademia Pemacu Malaysia Madani”
Teks 14	Dato’ Seri Anwar Ibrahim	2025	Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025

3.5 Tatacara Pengumpulan Data

Tatacara pengumpulan data ini melibatkan strategi yang digunakan dalam kajian ini untuk mencapai objektif dan mengeluarkan semua data yang ada pada kajian ini. Rajah 3.1 menunjukkan empat strategi tatacara pengumpulan data yang penting dan dikeluarkan melalui bentuk rajah seperti di bawah:



Rajah 3.1 Tatacara Pengumpulan Data

Tatacara pengumpulan data perlu diutamakan dalam mana-mana kajian yang ingin dilakukan kerana tatacara ini akan membantu seseorang pengkaji dalam memudahkan setiap langkah yang dilakukan sebelum menjalankan kajian. Langkah yang pertama dalam Rajah 3.1, adalah dengan memilih bahan kajian teks ucapan iaitu, PM7 dan PM10. Pemilihan bahan ini dilakukan berdasarkan beberapa kriteria utama, iaitu, penentuan tokoh yang relevan dengan fokus kajian, pemilihan kandungan ucapan yang selari dengan objektif kajian, penetapan tarikh ucapan yang sesuai dengan konteks kajian, serta penggunaan sumber yang sahih yang diambil melalui laman sesawang yang sah. Selain itu, langkah ini bagi memudahkan pengkaji untuk menapis bahan kerana apabila seseorang pengkaji telah menetapkan pilihan terhadap kajian yang ingin dijalankan maka perjalanan untuk menghasilkan kajian yang sempurna akan berhasil. Dalam langkah ini pengkaji akan memfokuskan kajiannya terhadap retorik yang ada pada ucapan yang telah dipilih untuk dijadikan bahan.

Langkah kedua, muat turun teks ucapan yang telah dipilih untuk memastikan teks ucapan tersebut tidak hilang atau dibuang. Pada langkah ini, teks ucapan tersebut akan diteliti dan dibaca terlebih dahulu sebelum menganalisis. Langkah ini dianggap penting untuk memastikan setiap ucapan mempunyai data yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Oleh itu, langkah ini dilakukan dengan memuat turun sebanyak 14 teks ucapan PM7 dan PM10 mengikut beberapa aspek iaitu, aspek tajuk dan latar tempat sebelum ke langkah yang seterusnya iaitu, menganalisis bahan kajian.

Langkah ketiga adalah menganalisis bahan kajian yang dilakukan terhadap teks ucapan yang telah dimuat turun. Pada langkah ini, perhatian dan fokus perlu diutamakan semasa menganalisis setiap teks ucapan yang telah dipilih bagi mendapatkan data yang betul dan tepat mengikut penggunaan strategi retorik yang digunakan oleh kedua-dua PM7 dan PM10. Langkah ini juga, memerlukan fokus yang penuh untuk mengelakkan kesalahan terhadap data dan ejaan. Tujuan menganalisis bahan kajian adalah untuk memudahkan proses seterusnya dilakukan pada setiap data yang dikeluarkan dengan mudah tanpa perlu membuang masa. Di samping itu, langkah ini dapat menjimatkan masa untuk menjalankan kajian yang ingin dilakukan.

Langkah terakhir iaitu, langkah keempat, adalah pelabelan data yang diperoleh. Langkah pelabelan data ini dilakukan adalah untuk memudahkan pembaca untuk melihat atau mencari data yang ingin dijadikan sebagai rujukan. Dalam langkah ini, setiap data yang didapati akan dilabelkan mengikut jadual yang telah dirangka dan dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti data dan contoh. Melalui langkah ini,

pembaca dapat mengenal pasti data dengan mudah dan cepat. Oleh itu, pelabelan data dianggap sebagai langkah yang perlu diberi fokus bagi mengelakkan kesalahan dalam aktiviti pelabelan berlaku.

3.6 Pelabelan Data

Pada bahagian ini akan ditunjukkan cara bagaimana pelabelan data yang didapati untuk memudahkan urusan pembacaan. Berdasarkan data yang dianalisis ini dengan menggunakan strategi teori retorik Aristotle iaitu, logos, pathos dan ethos dalam 14 ucapan dua Perdana Menteri Malaysia yang ke-7 dan ke-10. Kesemua data tersebut akan dikelaskan mengikut susunan bahagian seperti jadual di bawah:

Jadual 3.2
Pathos dalam Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim

Label Data	Tajuk Teks Ucapan	Pengucap	Tahun	Sumber
T1, P1, TDMM	Hari Pekerja	Tun Dr. Mahathir Mohamad	2019	Koleksi Arkib Ucapan
T2, P15, DSAI	Hari Pekerja	Dato' Seri Anwar Ibrahim	2025	Laman Pejabat Perdana Menteri Malaysia

Jadual 3.2 menunjukkan contoh pelabelan data bagi kajian ini yang disusun secara sistematik untuk memudahkan proses analisis. Pelabelan data ini merangkumi beberapa komponen utama, iaitu, label data, tajuk teks ucapan, pengucap, tahun dan sumber. Label data digunakan sebagai kod pengenalpastian bagi setiap petikan ucapan yang dianalisis, iaitu, T1 merujuk kepada teks ucapanpertama, P1 merujuk kepada perenggan pertama, TDMM merujuk kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dan DSAI merujuk kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Pelabelan ini bertujuan untuk memudahkan proses pengenalpastian, pengelasan dan rujukan semula data secara lebih tersusun, sistematik dan terperinci sepanjang proses analisis kajian.

Selain itu, pelabelan ini dilakukan bagi mengumpul setiap 3 strategi teori

retorik Aristotle iaitu, logos, pathos dan ethos. Dalam hal ini, data-data tersebut didapati melalui 14 ucapan PM7 dan PM10 iaitu, 7 daripada Perdana Menteri yang ke-7, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bertajuk Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018, Hari Malaysia 2019, Hari Pekerja 2019, Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, Sambutan Hari Belia Negara 2019, Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 2019 dan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019 manakala 7 lagi ucapan adalah daripada Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 iaitu, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang bertajuk Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, Hari Malaysia 2024, Hari Pekerja 2025 "Pekerja Kesuma Bangsa", Majlis Peluncuran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025, Sambutan Hari Belia Negara 2025, Majlis Anugerah Akademik Negara ke-15 "Akademia Pemacu Malaysia Madani" dan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025. Penelitian terhadap 14 teks ucapan tersebut dilakukan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sama ada wujud penggunaan retorik atau tidak.

3.7 Kerangka Analisis

Analisis kajian ini dijalankan untuk menjawab tiga objektif utama, iaitu, mengenal pasti, menganalisis, dan membandingkan strategi retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan terhadap teks ucapan kedua-dua Perdana Menteri tersebut.

Objektif 1

Pada objektif pertama, iaitu, mengenal pasti strategi retorik dalam ucapan PM7 dan PM10, analisis dilakukan adalah terhadap ayat atau perenggan dalam teks ucapan yang mengandungi unsur strategi retorik. Analisis dilakukan dengan cara membaca terlebih dahulu keseluruhan teks ucapan, mengenal pasti ayat atau perenggan yang memaparkan strategi retorik dan mengeluarkan setiap petikan yang mempunyai strategi tersebut dengan pelabelan khas berdasarkan kategori Teori Aristotle iaitu, ethos, pathos dan logos. Hasil daripada analisis ini adalah senarai strategi retorik yang


digunakan dalam setiap ucapan, yang seterusnya menjadi data bagi analisis berikutnya.

Objektif 2

Pada objektif kedua, iaitu, menganalisis strategi retorik berdasarkan Teori Aristotle, analisis dilakukan terhadap ayat atau perenggan yang telah dilabelkan dalam objektif pertama. Analisis ini dilakukan dengan memberi taksiran tentang cara setiap strategi retorik yang digunakan untuk mempengaruhi khalayak. Contohnya, ethos digunakan untuk mengambarkan kredibiliti dan perwatakan Perdana Menteri, pathos digunakan untuk memberi impak kepada emosi khalayak, dan logos digunakan untuk menyampaikan mesej yang bersifat fakta dan rasional. Proses ini juga melibatkan pengenalpastian ciri-ciri khas strategi retorik yang digunakan dalam konteks ucapan masing-masing. Hasilnya adalah huraian terperinci mengenai penggunaan strategi retorik dan fungsinya dalam menyampaikan mesej kepada khalayak.

Objektif 3

Pada objektif ketiga, iaitu, membandingkan penggunaan strategi retorik antara PM7 dan PM10, analisis dilakukan terhadap data strategi retorik yang telah dikumpul daripada objektif pertama dan kedua berdasarkan lima prinsip asas retorik. Analisis perbandingan dilakukan dengan meneliti persamaan dan perbezaan dalam jumlah, jenis, dan konteks penggunaan strategi retorik. Data ini kemudian dikeluarkan untuk memudahkan bacaan. Hasilnya adalah rumusan tentang corak penggunaan strategi retorik, termasuk persamaan dan perbezaan antara PM7 dan PM10. Berikut merupakan penerangan bagi lima prinsip asas retorik:



Rajah 3.3 Lima Prinsip Asas Retorik

Prinsip pertama retorik ini berkaitan dengan ciptaan iaitu, dalam bahasa Inggerisnya *invention* merupakan ciptaan baru yang mempunyai kreativiti dan tidak pernah dicipta oleh manusia. Ia boleh juga dikaitkan dengan pemikiran yang baru. Aristotle mendefinisikan retorik sebagai seni ciptaan dan dalam bahasa Latin *invenire* yang diberi maksud "*to find*". Ciptaan kreatif ini digunakan bagi menyokong apa yang cuba disampaikan oleh seseorang pengucap. Tanpa ciptaan ini seseorang pengucap tidak mampu untuk memberi ucapan yang bermakna dan pengucap akan mengulangi perkara yang sama dengan lebih kerap kerana prinsip pertama ini yang membantu dalam memberi sumber dan melahirkan ucapan yang mempunyai nilai.

Dalam konteks ini, tiga strategi utama teori retorik iaitu, logos, pathos dan ethos merupakan sebahagian strategi penting dalam proses ciptaan kerana ia dapat menentukan pendekatan dan corak hujah yang akan digunakan oleh pengucap. Penggunaan logos iaitu, pemikiran yang rasional dan logik dalam ciptaan membantu proses carian data, statistik dan bukti yang kukuh untuk mendapatkan keyakinan penonton atau pendengar. Pathos pula adalah dalam ciptaan digunakan untuk mempengaruhi emosi penonton atau pendengar. Penggunaan pathos ini adalah cara untuk pengucap menerbitkan perasaan yang pelbagi seperti simpati, marah, bangga atau harapan dalam diri pendengar atau penonton. Manakala, ethos merupakan perwatakan atau kredibiliti pengucap yang digunakan untuk mendapat sokongan penonton atau pendengar. Ethos digunakan dalam proses ciptaan untuk menunjukkan hujah atau gaya penyampaian yang boleh menjadikan seseorang pengucap sebagai individu yang berwibawa, beretika dan boleh dipercayai.

Cicero (1954) menyatakan dalam bukunya yang bertajuk *Rhetorica Ad Herennium* bahawa antara kelima-lima prinsip asas retorik yang diketengahkan, prinsip ciptaan merupakan prinsip yang paling penting dan paling sukar. Prinsip ini sukar kerana ianya memerlukan seseorang pengucap untuk menghabiskan banyak masa dan usaha bukan sahaja untuk memikirkan sumber yang boleh menjadi sokongan dalam pengucapan malah sukar untuk mencari idea dalam mencipta sesuatu. Hal ini juga, turut menjadi sebab kegagalan dalam menyampaikan ucapan. Dalam ciptaan seseorang pengucap perlu melihat terhadap tujuh kategori asas yang digunakan bagi mendapatkan sokongan khalayak ramai iaitu, maksim, fakta, statistik, testimoni, contoh, naratif, dan topik.

1. Maksim

Maksim merupakan kenyataan pendek dan padat yang menyatakan tentang kebenaran atau peraturan dalam tingkah laku yang diterima secara umum oleh budaya dan ianya juga digunakan dalam kepercayaan dan sesuatu tindakan. Maksim ini sering digunakan dalam peribahasa. Seseorang pencipta yang mempunyai kreativiti perlu mengetahui maksim yang sesuai dengan budaya dan kepercayaan untuk digunakan semasa menyampaikan idea bagi mewujudkan keunikan dalam hasil yang dikongsikan.

2. Fakta

Fakta merupakan perkara yang melibatkan empirikal iaitu, melalui pemerhatian atau kajian yang dijadikan bahan untuk manusia percaya tentang kebenaran. Contohnya adalah seperti benda berat sekiranya dicampak atau dibaling akan jatuh ke bawah. Selain itu, terdapat fakta yang diperolehi melalui kajian saintifik contohnya seperti matahari mengelilingi bumi. Oleh itu, kedua-dua jenis fakta ini boleh membantu dalam memberi sokongan terhadap pemikiran yang sihat serta sekiranya pencipta merujuk kepada fakta kajian saintifik mereka boleh memperolehi pemikiran lebih spesifik dan kontroversi yang mungkin mencabar akal minda.

3. Statistik

Statistik yang dibincangkan adalah berbeza daripada fakta kerana ia tidak berkaitan dengan pernyataan khusus tentang objek yang bersifat konkrit tetapi ianya lebih kepada menggunakan angka yang mampu membantu manusia untuk membuat ramalan tentang jenis objek atau peristiwa tertentu. Statisitik memberikan pengucap untuk mencipta kelebihan dalam membuat ramalan, menilai buah fikiran dan membuat keputusan yang tepat. Ia juga berfungsi sebagai alat dalam menjangka

kejayaan atau kegagalan dalam proses ciptaan.

4. Testimoni

Testimoni merupakan petikan langsung daripada individu yang mempunyai hak atau kuasa untuk bercakap tentang keadaan tertentu. Testimoni ini mempunyai dua bentuk iaitu, testimoni secara awam berasal daripada orang biasa yang mempunyai pengalaman dengan sesuatu isu. Testimoni tersebut boleh membuktikan bahawa sesuatu wujud atau telah berlaku dengan merujuk kepada pengalaman peribadi atau ia boleh memberikan sentuhan berwarna-warni dalam sesebuah cerita untuk menggambarkan sesuatu perkara. Testimoni secara pakar pula datang daripada individu yang mungkin tidak pernah mengalami sesuatu secara langsung tetapi yang mengetahui banyak perkara kerana penyelidikan yang meluas. Seterusnya, testimoni secara prestij datang daripada individu yang terkenal dan dihormati yang mungkin tidak mempunyai kaitan langsung dengan sesuatu isu tetapi kata-kata mereka memberikan inspirasi dan wawasan kepada orang lain. Secara ringkasnya, testimoni ini merupakan alat yang memberikan kredibilti dan idea kepada pencipta untuk memujuk orang lain supaya menerima hasil ciptaan mereka.

5.Contoh

Contoh yang diperkatakan ini melibatkan peristiwa, manusia, objek, atau proses yang sebenar atau hipotesis yang dapat mewujudkan idea dan hujah dalam bentuk konkrit supaya penonton dapat "melihat" yang cuba disampaikan. Ia juga boleh dijadikan sebagai bukti bagi menunjukkan kewujudan sesuatu perkara. Contoh boleh diambil daripada surat khabar, sejarah, biografi, sains, atau pengalaman peribadi seseorang. Contoh ini penting bagi menunjukkan seseorang itu penting dalam sebab dan akibat tindakan serta kepercayaan tertentu kepada penonton. Terdapat dua jenis contoh utama iaitu, contoh sebenar dan contoh fiksyen. Contoh sebenar adalah penerangan tentang perkara sebenar yang wujud atau pernah wujud, yang berlaku atau pernah berlaku. Sumber utama contoh sebenar adalah sejarah, berita, pengalaman peribadi, atau sains. Contoh sebenar adalah penting untuk menjadikan sesebuah ucapan itu dilihat telah dikaji dengan teliti dan disokong oleh bukti dan tidak mengikut pendapat peribadi.

Selain itu, contoh fiksyen adalah penerangan tentang peristiwa yang telah berlaku pada masa lalu, masa kini, atau masa depan dalam bayangan seseorang. Terdapat dua jenis contoh fiksyen iaitu, contoh orang kedua merujuk kepada "anda" dan contoh orang ketiga merujuk kepada "dia" atau "beliau". Contoh fiksyen orang

kedua ini meletakkan penonton dalam situasi hipotesis yang meminta mereka untuk membayangkan mereka melakukan sesuatu. Contoh orang kedua biasanya menawarkan pilihan kepada penonton untuk membuat mereka berfikir tentang masalah yang akan dibincangkan dalam ucapan. Contoh fiksyen orang ketiga pula menggambarkan tindakan orang lain seolah-olah ia benar-benar berlaku sehingga pada akhirnya ia hanyalah sebuah cerita. Contoh pihak ketiga yang paling berkesan biasanya hadir melalui cerita dalam bentuk sastera atau bentuk seni yang biasanya dikenali oleh penonton. Contoh fiksyen ini boleh membantu dalam menunjukkan maksud sesebuah ucapan, tetapi kerana ia adalah rekaan semata-mata maka contoh fiksyen ini tidak mempunyai keaslian dan kekuatan berbanding dengan contoh sebenar.

6. Naratif

Naratif adalah cerita yang berunsurkan dramatik yang lebih kompleks daripada contoh, dan naratif ini mampu mengekalkan perhatian penonton dengan adanya perkembangan plot dan watak dalam sesuatu cerita yang baru dan memberikan pengakhiran cerita yang memuaskan. Naratif adalah cara yang efektif untuk menyampaikan keadaan yang kompleks dan mempunyai makna dan mudah untuk diingati oleh penonton. Naratif yang paling berkesan dari sudut pandangan retorik mestilah mempunyai kemungkinan naratif yang tinggi dan kepercayaan yang tinggi terhadap naratif. Cerita yang disampaikan juga perlulah tepat yang boleh memberikan realiti secara koheren, menarik, dan berkuasa. Seseorang pengucap mampu menarik penonton untuk merasakan apa yang cuba disampaikan terutamanya apabila menggunakan naratif mampu mengubah pandangan penonton.

7. Topik

Sumber terakhir untuk prinsip pertama ini lebih kepada cara menghubungkan semua perkara. Ia dikenali sebagai "topik penciptaan" atau dalam bahasa Yunani, "topoi," yang bermaksud "tempat". Topik ciptaan merupakan satu cara untuk menghubungkan bahan, idea, pandangan dan persoalan yang baru dengan sempurna. Oleh itu, topik berfungsi sebagai alat penciptaan untuk memberi galakkan kepada pengucap untuk membuat kajian dengan pelbagai cara. Terdapat empat elemen berkaitan topik iaitu, definisi yang digunakan oleh seseorang pengucap untuk memujuk pendengar atau penonton hanya dengan memberikan definisi yang lebih tepat dan betul tentang situasi, objek, manusia, atau tindakan. Selain itu, perpecahan yang membantu memberi idea kepada pengucap untuk memecahkan atau menyatukan

sesuatu perkara mengikut kesesuaian dalam keadaan atau situasi. Seterusnya, perbandingan iaitu, meletakkan dua perkara untuk melihat perbezaan dan persamaan. Kadangkala perbandingan boleh digunakan untuk membuat sesuatu kelihatan perkara yang disampaikan lebih berharga. Akhir sekali, hubungan yang meletakkan dua atau lebih perkara dalam sesuatu perkara. Tidak seperti perbandingan, yang hanya menunjukkan perbezaan dan persamaan. Hubungan lebih kepada memberi pengaruh terhadap satu sama lain.

Prinsip kedua iaitu, penyusunan, penyusunan ini dilakukan selepas melalui proses penciptaan, seorang penceramah mesti menyusun pelbagai bahan yang dikumpulkan bersama ke dalam struktur pertuturan koheren yang mempunyai permulaan, pertengahan, dan akhir. Susunan mewakili langkah kepada ucapan dengan jangkaan untuk memberikannya "bentuk." Oleh itu, sumber untuk susunan biasanya terdiri daripada cara seseorang itu menentukan apa yang ingin diucapkan. Melihat kepada prinsip kedua ini seseorang pengucap yang mencari pengaruh dalam bidang politik perlu mengikuti susunan yang betul dalam ucapan mereka iaitu, dimulakan dengan pengenalan yang menyatakan tentang tujuan ucapan dan membina kredibiliti untuk mewujudkan keyakinan pendengar. Seterusnya, fakta untuk memberikan gambaran keseluruhan situasi dan kemudiannya pembahagian digunakan untuk merangka apa yang akan datang dan menentukan titik utama, Selain itu, bukti untuk membentangkan hujah dan fakta. Kemudian penyangkalan untuk menolak idea atau hujah. Akhir sekali, kesimpulan, yang menyatukan atau menghubungkan kesemua perkara serta menguatkan pujukan terhadap emosi pendengar. Namun begitu, hal ini tidak menentukan kejayaan terhadap sesuatu ucapan yang disampaikan. Oleh itu, pengucap perlu mengetahui cara bagaimana untuk mendapatkan dan menarik perhatian pendengar dengan menyampaikan ucapan yang penuh makna dan menarik.

Prinsip ketiga iaitu, penguasaan yang merujuk kepada keupayaan untuk menghafal teks dan menghasilkan semula dengan cara yang kelihatan semula jadi. Penguasaan juga adalah satu aktiviti untuk mengingati kandungan dan bentuk ucapan sepenuhnya ke dalam diri sendiri sehingga ucapan itu terasa seperti ungkapan fikiran dan perasaan seseorang yang tidak dipaksa. Penguasaan ini penting bagi pengucap kerana ianya memberikan tahap keyakinan semasa menyampaikan sesuatu. Salah satu sebab mengapa seseorang tidak merasa gementar semasa bercakap dengan orang sepanjang hari adalah kerana seseorang itu tahu apa yang ingin diperkatakan dan mempunyai sebab untuk mengatakannya. Sekiranya seseorang itu gagal menghafal

ucapan dengan baik mereka akan merasa kekok dan tidak selesa. Bagi penonton, mendengar ucapan yang datangnya "dari hati" pengucap dan bukan dari manuskrip atau teleprompter akan menjadikan mesej itu lebih harmoni dan lebih ikhlas.

Prinsip keempat iaitu, gaya adalah pelengkap kepada ciptaan manakala ciptaan pula menyediakan kandungan yang mempunyai gaya walaupun gaya ini sering dianggap perhiasan semata-mata namun ianya berfungsi sebagai pembekal dan pelengkap kepada sesebuah kandungan. Gaya retorik bukanlah perkara yang boleh dianggap remeh tetapi gaya adalah pengisian yang membentuk idea untuk membolehkan sesebuah ucapan itu berdiri sendiri dan mengatur sebagai keseluruhan yang koheren. Terdapat dua jenis gaya dan kedua-duanya mempunyai fungsi yang penting iaitu, gaya formal secara efektif sinonim dengan apa yang disebutkan sebagai "bentuk," yang merupakan nada dan rasa keseluruhan ucapan dalam keseluruhannya. Gaya formal berkait rapat dengan konsep genre, yang perlu ditentukan penggunaannya mengikut kesesuaian tertentu. Gaya kiasan mewakili elemen-elemen tertentu dalam ucapan yang direka untuk menarik perhatian dan memikat hati penonton.

Prinsip yang terakhir adalah penyampaian. Penyampaian ini mempunyai kaitan dengan cara pengucap memberi ucapan secara fizikal melalui penggunaan suara dan gerak isyarat yang dibuat. Walaupun secara konseptual penyampaian ini mudah, ia mungkin yang paling sukar untuk dikuasai dan memerlukan banyak latihan dan pengalaman. Ia juga merupakan salah satu yang paling penting. Terdapat beberapa komponen yang perlu dititikberatkan semasa menyampaikan ucapan antaranya adalah penampilan, isyarat, posisi, penggunaan mata, artikulasi, sebutan, dialek, nada, kelantangan, cara berhenti dan kadar. Walaupun penting untuk mempertimbangkan setiap elemen penyampaian ini secara individu, seseorang pengucap perlu menyampaikan ucapan tersebut sebagai satu koheren yang berkesan.

3.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang metodologi iaitu, sistem yang merangkumi cara atau kaedah yang digunakan dalam mendapatkan hasil dapatan melalui kajian yang dipilih oleh pengkaji. Bab ini menegaskan fokus kajian untuk menganalisis strategi retorik dalam teks ucapan PM7 dan PM10 melalui pendekatan kualitatif, pemilihan data yang bersesuaian, tatacara pengumpulan data,

kaedah pelabelan data serta kerangka analisis berasaskan teori retorik Aristotle. Penerapan metodologi ini penting bagi menjamin ketepatan, kebolehpercayaan dan kesahihan dapatan kajian. Pada Bab 4 akan dibentangkan mengenai analisis dan perbincangan data kajian secara terperinci berdasarkan strategi retorik yang dikenal pasti dalam teks ucapan yang dianalisis.

BAB 4
DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang dapatan utama kajian berdasarkan analisis terhadap teks ucapan yang telah dipilih. Penganalisisan data dilakukan berdasarkan kerangka teori retorik Aristotle yang menekankan kepada tiga strategi utama iaitu, ethos, pathos dan logos. Perbincangan dalam bab ini juga akan menjelaskan cara strategi retorik tersebut digunakan untuk menyampaikan mesej, membentuk imej kepemimpinan, serta mempengaruhi khalayak dalam ucapan PM7 dan PM10 yang berbeza dari segi masa dan latar sosio-politik. Selain itu, perbincangan dalam bab ini juga mementingkan konteks sosial dan ideologi yang mempengaruhi melalui ucapan politik. Dapatan yang diperoleh kemudian dibandingkan antara kedua-dua tokoh untuk melihat persamaan dan perbezaan dalam penggunaan strategi retorik.

4.2 Penggunaan Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke -10

Pada bahagian ini, penggunaan retorik dapat dikenal pasti melalui jadual yang disediakan di bawah. Pada jadual tersebut menunjukkan bahawa penggunaan strategi retorik seperti logos, pathos dan ethos yang telah dikenal pasti menerusi 14 ucapan yang mempunyai perbezaan seperti Jadual 4.1 di bawah:

Jadual 4.1
Kekerapan Penggunaan Strategi Retorik Aristotle

Strategi Retorik	Tun Dr. Mahathir Mohamad	Dato' Seri Anwar Ibrahim
Logos	21	14
Pathos	10	11

Ethos	10	14
Jumlah	**41**	**39**

Beberapa Jadual 4.1 di atas, menunjukkan kekerapan penggunaan strategi retorik oleh PM7 dan PM10 dalam ucapan yang telah dianlisis. Data yang dikenal pasti dapat dilihat melalui pengenalpastian strategi retorik ini, terdapat perbezaan yang sangat ketara terhadap kadar penggunaan dalam logos diantara PM7 dan PM10 ersebut iaitu, sebanyak 21 penggunaan logos yang didapati melalui ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala sebanyak 14 logos yang didapati melalui ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Selain itu, wujud perbezaan melalui penggunaan pathos iaitu, sebanyak 10 pathos yang didapati melalui ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala sebanyak 11 pathos yang didapati melalui ucapan Dato' Sei Anwar Ibrahim. Begitu juga, penggunaan ethos terdapat perbezaan kadar penggunaan antara Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 iaitu, sebanyak 10 ethos yang didapati melalui ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala sebanyak 14 ethos yang didapati melalui ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Hal ini, menunjukkan bahawa penggunaan logos lebih dominan daripada penggunaan ethos dan pathos dalam kajian yang dilakukan. Menurut Ahmad (2015) dan Zainal (2018), logos merupakan strategi retorik yang paling dominan dalam wacana politik tertentu, khususnya apabila pemimpin berusaha menyampaikan ucapan atau hujah yang bersifat rasional dan mempunyai fakta. Mohd Salleh dan Hamid (2012) berpendapat bahawa Perdana Menteri di Malaysia lebih cenderung menggunakan pendekatan logos dalam ucapan rasmi untuk memperlihatkan kebijaksanaan, kejujuran dan kecekapan mereka dalam mentadbir negara. Logos dilihat sebagai salah satu pendekatan yang berkesan bagi mendapatkan perhatian atau kepercayaan penonton atau pendengar. Oleh itu, pada kajian ini dapat dilihat bahawa PM7 iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih cenderung menggunakan strategi logos dalam ucapan beliau berbanding dengan PM10, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang lebih cenderung menggunakan strategi logos dan ethos.

Namun begitu, pada bahagian ini menunjukkan jurang penggunaan strategi retorik antara PM7 dan PM10 tersebut tidak terlalu jauh. Hal ini, membuktikan bahawa penggunaan strategi retorik penting dalam sesebuah ucapan dan setiap pengucap perlu menggunakan strategi retorik ini agar ucapan yang disampaikan

mempunyai tarikan, nilai dan mampu memberi keyakinan kepada penonton atau pendengar. Analisis terhadap ketiga-tiga strategi retorik ini boleh dilihat pada bahagian 4.3 iaitu, analisis strategi retorik berdasarkan Teori Retorik Aristotle dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10.

4.3 Analisis Strategi Retorik Berdasarkan Teori Retorik Aristotle dalam Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke -10

Bahagian ini membincangkan tentang analisis penggunaan strategi retorik pada data berdasarkan teori retorik Aristotle iaitu, logos, pathos dan ethos yang diketengahkan bagi melihat penggunaan strategi retorik tersebut dalam 14 ucapan oleh PM7 dan PM10.

4.3.1 Strategi Retorik dalam Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad

a) Logos dalam Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad

Logos dalam Ucapan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018

Data 1

"Ya, negara kita dibeban dengan berbagai masalah kerana salahguna kuasa oleh pemerintah dahulu. Hutang kita bertimbun, jentera Kerajaan rosak, kemiskinan melanda ramai rakyat, perniagaan dan dagangan merosot. Banyak masa perlu dihabis dalam usaha memulih negara. Tetapi berkat sokongan rakyat Kerajaan dapat berusaha mengatasi masalah-masalah ini dalam keadaan stabil**.**"

T1, P8, TDMM

Data 1 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 1 diambil melalui perenggan 8 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyebut tentang masalah negara dengan menggunakan logik tanpa

sentuhan emosi yang berlebihan. Kenyataan yang diberi oleh beliau tentang hutang negara, kerosakan jentera kerajaan dan kemerosotan ekonomi adalah berasaskan realiti sosial dan ekonomi bagi menjelaskan keadaan negara yang berusaha menangani isu-isu tersebut demi kesejahteraan rakyat. Penggunaan fakta dan pemerhatian yang teliti ini bertujuan membina kefahaman khalayak secara logik, selaras dengan konsep logos yang menekankan rasionaliti dan justifikasi dalam ucapan (Walton & Reed, 2019). Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan yang mampu membuka minda khalayak untuk terus menyokong dan membantu kerajaan dalam menangani setiap isu yang dihadapi.

Logos dalam Ucapan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018

Data 2

"Kita akan pegang kuat kepada the rule of law, kepada pemerintahan mengikut undang-undang, walaupun proses ini mengambil masa. Benar lebih mudah dan lebih cepat jika undang-undang diketepikan atau disalahguna. Tetapi kita tidak hendak melaku zalim kepada sesiapa. Kita utamakan keadilan. Inilah janji kita. Akan kita pegang kepada janji walaupun melambatkan proses menghukum mereka yang kita tahu bersalah."

T1, P10, TDMM

Data 2 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 2 diambil melalui perenggan 10 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyebut tentang prinsip undang-undang iaitu, keadilan yang memerlukan proses dengan penuh teliti dan tidak boleh disingkatkan. Beliau menegaskan bahawa keadilan yang sebenar memerlukan masa, sekali gus membina hujah yang munasabah dan logik untuk menolak tindakan secara mendadak. Strategi ini sejajar dengan pandangan bahawa logos dalam ucapan berfungsi untuk menenangkan khalayak dengan penjelasan logik terhadap keputusan kerajaan (Fahnestock, 2020). Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut kerana undang-undang adalah perkara yang tidak boleh dianggap remeh dan perlukan usaha lebih untuk memastikan sesebuah proses itu berjalan dengan lancar.

Logos dalam Ucapan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018

Data 3

"Sebuah negara akan maju jika rakyatnya maju. Untuk menentukan rakyat maju maka peluang menuntut pelajaran akan diperbanyakkan melalui biasiswa dan menambah pusat-pusat latihan dan pelajaran. Latihan kemahiran akan ditingkatkan supaya nilai ekonomi rakyat akan meningkat. Bagi yang terlatih dan cekap peluang kerja akan ditingkatkan melalui berbagai rancangan."

T1, P19, TDMM

Data 3 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 3 diambil melalui perenggan 19 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyatakan hubungan antara pendidikan, kemahiran dan kemajuan negara. Beliau menyatakan bahawa pembangunan modal insan merupakan asas kemajuan ekonomi dan sosial pada masa kini dan masa hadapan dan hal ini penting bagi memastikan negara sentiasa berada dalam posisi yang stabil. Petikan ini mencerminkan penggunaan elemen logos yang mempunyai struktur dan ia berasaskan logik yang lazim dalam pembangunan negara (Charteris-Black, 2020). Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos yang mampu menarik kepercayaan khalayak tentang perkara yang disampaikan oleh beliau iaitu, pentingnya pendidikan, kemahiran dan kemajuan negara.

Logos dalam Ucapan Hari Malaysia 2019

Data 4

"Apabila perpaduan tercapai pastinya kestabilan akan wujud. Kestabilan memberi kita ruang untuk mentadbir dan melaksanakan dasar dan program untuk pembangunan Negara dan kesejahteraan rakyat. Kestabilan ini juga akan meningkatkan aktiviti ekonomi dan ini akan menjana kekayaan yang akan kita kongsi bersama"

T2, P13, TDMM

Data 4 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 4 diambil

melalui perenggan 13 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menghubungkan punca dan akibat yang logik iaitu, beliau mengaitkan perpaduan dalam kalangan rakyat boleh membantu kestabilan dan pembangunan negara serta menjaga kesejahteraan rakyat. Hujah ini disusun secara logik untuk melahirkan rasa yakin dalam kalangan khalayak bahawa perpaduan bukan sekadar nilai moral, namun ia merupakan asas praktikal kepada pentadbiran dan pembangunan negara. Strategi ini berfungsi sebagai elemen yang boleh mengukuhkan penerimaan khalayak dengan menyampaikan hujah yang munasabah dan mudah difahami oleh mereka, selari dengan prinsip logos yang menekankan rasionaliti sesebuah hujah (Walton & Reed, 2019; Fairclough, 2021). Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut yang boleh menimbulkan pemikiran yang logik dan jelas tentang usaha kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di Malaysia.

Logos dalam Ucapan Hari Malaysia 2019

Data 5

"Kerana itu kita perlu menekan pentingnya mengekal Malaysia yang bersih jika kita tidak mahu terjebak sekali lagi ke kancah rasuah skala kecil dan besar. Sebelum ia mencapai skala sehingga Negara di gelar sebuah kleptokrasi, ia pasti bermula secara kecil-kecilan."

T2, P21, TDMM

Data 5 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 5 diambil melalui perenggan 21 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menggunakan pemikiran logik yang progresif bagi menjelaskan isu rasuah yang kian berkembang secara berperingkat daripada skala kecil kepada skala yang sukar ditangani tanpa usaha yang tinggi. Hujah ini dilihat mempunyai elemen logos kerana ia berasaskan pemerhatian sosial dah realistik. Menurut Fahnestock (2020) penggunaan pemikiran yang logik dapat membina kesedaran khalayak melalui penerangan tentang kesan jangka panjang terhadap sesuatu perbuatan terutamanya berkaitan rasuah. Selaras dengan pandangan berkaitan logos yang berfungsi sebagai alat untuk membantu membentuk kefahaman dan pertimbangan secara terperinci. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut yang secara

tidak langsung membuka minda khalayak untuk membantu dalam menangani isu rasuah yang kian meningkat di Malaysia.

Logos dalam Ucapan Hari Malaysia 2019

Data 6

"Selain itu, keselamatan perairan dan lautannya memastikan kesejahteraan Negara. Malaysia, yang dikelilingi oleh tiga laluan utama – Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu secara langsung menjadikan kita sebuah Negara maritim."

T2, P26, TDMM

Data 6 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 6 diambil melalui perenggan 26 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menggunakan fakta tentang geografi dan strategi ekonomi semasa berucap bagi menyokong kepentingan keselamatan pasukan maritim yang bertanggungjawab dalam melindungi perairan Malaysia. Hal ini dapat dilihat beliau menggunakan data yang konkrit untuk menunjukkan bahawa pentingnya mempertahankan dan melindungi keselamatan perairan kerana ia memberi kesan kepada kesejahteraan ekonomi negara. Hujah yang menggunakan fakta seperti berikut merupakan ciri utama logos dalam ucapan yang menyatakan tentang isu negara. Ia bertujuan mempengaruhi pemikiran khalayak secara terbuka (Charteris-Black, 2020). Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos dalam petikan ucapan tersebut yang mampu menarik khalayak untuk sama-sama menyokong kepentingan dalam melindungi negara Malaysia.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Pekerja 2019

Data 7

"Hubungan tripartisme yang baik antara Kerajaan, pekerja dan majikan menjadi pendorong kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Sungguhpun ada ketikanya kita mungkin bercanggah pendapat, akhirnya penyelesaian "win-win" atau menang-menang tercapai dan ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan Negara."

T3, P3, TDMM

Data 7 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 7 diambil melalui perenggan 3 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyebut tentang kerjasama tiga pihak utama iaitu, kerajaan, majikan dan pekerja yang menjadi faktor pemacu pertumbuhan ekonomi. Beliau menyampaikan mesej tersebut berasaskan prinsip ekonomi dan pentadbiran yang mempunyai kestabilan hubungan industri serta menghasilkan manfaat bersama. Hal ini sejajar dengan kajian kontemporari yang menyatakan bahawa wacana lazimnya menggunakan logos untuk menyempurnakan keputusan dan hala tuju kerajaan (Fairclough, 2021). Oleh itu, wujud penggunaan logos yang mampu membentuk pemikiran khalayak untuk berfikir secara rasional tanpa ada rasa ragu-ragu terhadap ucapan yang disampaikan.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Pekerja 2019

Data 8

"Jabatan Tenaga Kerja telah berjaya menempatkan 48,372 siswazah dan 122,868 bukan siswazah dalam pelbagai sektor pekerjaan melalui pelbagai aktiviti seperti Karnival Kerjaya, Client Account, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi, Program Penempatan Golongan Khas dan sebagainya."

T3, P6, TDMM

Data 8 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 8 diambil melalui perenggan 6 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyatakan tentang data numerik dan statistik yang menunjukkan kerjayaan Jabatan Tenaga Kerja dalam menempatkan siswazah dan bukan siswzah melalui pelbagai sektor kerajaan. Petikan ucapan beliau ini jelas memperlihatkan penggunaan logos kerana beliau menyatakan tentang angka yang berfungsi sebagai bukti empirik bagi menyokong dakwaan keberkesanan dasar penempatan pekerjaan kerajaan. Menurut Fahnestock (2020), penggunaan statistik dalam ucapan boleh meningkatkan kekuatan hujah dan membantu khalayak menilai keberhasilan sesuatu

polisi secara rasional. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan yang mampu meraih kepercayaan khalayak berkaitan usaha kerajaan dalam membuka peluang pekerjaan untuk semua golongan.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Pekerja 2019

Data 9

"Selain itu, dari tahun 1993 sehingga 2018, sebanyak RM6.38 billion bayaran geran latihan telah disalurkan kepada majikan tempatan berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan majikan besar yang mencarum levi dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Penyaluran dana ini telah diagihkan untuk melaksanakan 1.2 juta peningkatan (upskilling dan reskilling) latihan bagi pekerja tempatan dari seluruh negara."

T3, P8, TDMM

Data 9 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 9 diambil melalui perenggan 8 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyebut tentang fakta kewangan iaitu, berkaitan dengan pelaburan oleh kerajaan membawa kepada peningkatan kemahiran tenaga kerja. Beliau mengaitkan input iaitu, peruntukan dana dengan output iaitu, upskilling dan reskilling, sekali gus mengukuhkan hujah beliau berasaskan rasional. Strategi ini penting dalam retorik yang berkaitan pembangunan modal insan (Charteris-Black, 2020). Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos yang mampu membentuk pemikiran khalayak untuk bersetuju dengan ucapan yang beliau sampaikan.

Logos dalam Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023

Data 10

"Perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan merupakan di antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, menyumbang 74.2% daripada KDNK. Di antara 2011 hingga 2018, perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan mencatatkan

pertumbuhan purata sebanyak 7.8%."

T4, P8, TDMM

Data 10 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 10 diambil melalui perenggan 8 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyatakan tentang fakta dan statistik ekonomi negara seperti sumbangan sebanyak 74.2% daripada KDNK dan kadar pertumbuhan purata sebanyak 7.8%. Fakta dan statistik berangka seperti yang beliau nyatakan memberi asas rasional terhadap hujah bahawa literasi kewangan penting dan perlu dititikberatkan untuk kestabilan ekonomi negara, serta melalui penyampaian beliau tersebut ia dapat membantu khalayak memahami hubungan antara literasi kewangan dan pertumbuhan ekonomi secara objektif. Pendekatan ini dilihat selaras dengan definisi logos sebagai hujah yang berasaskan rasional dan logik (Fahnestock, 2020). Hal ini membuktikan bahawa PM7 menggunakan elemen logos dalam ucapan beliau untuk meraih kepercayaan dan memberi kefahaman yang jelas kepada khalayak.

Logos dalam Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023

Data 11

"Hutang isi rumah di Malaysia pada masa ini adalah tinggi pada kadar 82.1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), lebih tinggi daripada negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi, seperti Itali (40.3% daripada KDNK), Jepun (58.1% daripada KDNK) dan Amerika Syarikat (76.3%3 daripada KDNK)."

T4, P9, TDMM

Data 11 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 11 diambil melalui perenggan 9 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menggunakan perbandingan antara negara Malaysia dan negara-negara lain seperti Itali, Jepun dan AS bagi menjelaskan kepada rakyat tentang kedudukan hutang isi rumah yang tinggi di Malaysia. Penggunaan teknik perbandingan data ini dilihat menjadi sokongan terhadap hujah yang disampaikan secara logik dan membuka

pemikiran khalayak untuk melihat masalah dalam konteks global. Menurut Vatz & Condit (2021), perbandingan statistik adalah strategi logos yang banyak digunakan dalam wacana ekonomi kerana ia membantu khalayak membuat penilaian berasaskan bukti yang diberikan. Hal ini secara tidak langsung mampu meraih kepercayaan khalayak untuk terus menyokong mesej yang disampaikan.

Logos dalam Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023

Data 12

"Oleh kerana itu, usaha untuk meningkatkan literasi kewangan ini menjadi amat penting dan merupakan pelengkap kepada inisiatif penggubalan Akta Kredit Pengguna untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna kredit di Malaysia."

T4, P13, TDMM

Data 12 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 12 diambil melalui perenggan 13 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menghubungkan masalah literasi kewangan dengan keperluan dasar seperti Akta Kredit Pengguna dalam ucapan beliau. Oleh itu, penjelasan ini dapat membantu khalayak untuk memahami bahawa penyelesaian bukan sekadar pendidikan tetapi juga sokongan terhadap perundangan. Menurut Fairclough & Mulderrig (2021), hujah atau mesej yang menyatakan tentang masalah dan jalan penyelesaian dalam wacana dapat memberikan kesan rasional terhadap dasar yang disampaikan. Hal ini demikian, terbuktilah PM7 bukan sahaja menggunakan elemen logos bagi menjelaskan tentang masalah literasi kewangan malah beliau menghubungkan sekali masalah tersebut dengan penyelesaian yang mampu meraih kepercayaan dan sokongan khalayak.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2019

Data 13

"Golongan muda dianggarkan seramai 46.63% daripada jumlah keseluruhan

penduduk Malaysia. Kerana itu, potensi generasi muda perlu dikesan dan dibentuk lebih awal bermula daripada alam persekolahan sehinggalah ke institusi pengajian tinggi."

T5, P24, TDMM

Data 13 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 13 diambil melalui perenggan 24 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menunjukkan penggunaan fakta statistik yang bersifat objektif. Penggunaan angka peratusan dapat menyokong hujah tentang golongan belia yang merupakan signifikan dalam struktur penduduk negara dan seharusnya diberi perhatian dalam pembangunan nasional. Menurut Fahnestock (2020), hujah yang disokong oleh statistik boleh meningkatkan penggunaan logik dan kebolehpercayaan terhadap sesuatu wacana persuasif. Oleh itu, wujud elemen logos dalam petikan ucapan tersebut kerana melalui penggunaan data berangka, khalayak dapat menilai kepentingan belia secara rasional dan logik.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2019

Data 14

"Ianya bukan satu rahsia - generasi muda telah memastikan perubahan itu berlaku. Ia berlaku kerana anak-anak muda kita tidak lagi mahu Negara terus terpalit dengan perbuatan-perbuatan yang merosakkan Negara. Mereka tidak mahu lagi membenar Negara dipimpin oleh seorang kleptokrat. Mereka mahu rasuah dan salah guna kuasa dihentikan."

T5, P6, TDMM

Data 14 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 14 diambil melalui perenggan 6 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana pada petikan ini beliau memaparkan elemen logos melalui hubungan punca dan akibat terhadap tindakan golongan muda yang membawa kepada perubahan kepemimpinan negara di Malaysia. Beliau membina hujah logik tentang kesedaran politik belia yang menjadi faktor utama perubahan nasional. Menurut Walton dan

Reed (2019), hujah yang menyatakan punca dan akibat merupakan strategi logos yang berkesan dalam wacana politik kerana ia membantu khalayak untuk memahami logik di sebalik sesuatu peristiwa. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos dalam petikan yang dinyatakan dan ia dapat membantu khalayak untuk terus menyokong dan mempercayai mesej yang disampaikan.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2019

Data 15

"Kerana itu kita perlu mencari kombinasi yang terbaik di antara golongan muda dan tua untuk memaju Negara. Ini kerana, jika golongan muda kurang berpengalaman - semangat, komitmen, tenaga, kesungguhan dan idealisme mereka mampu membantu dan apabila mereka beriringan dengan golongan tua yang berpengalaman, sudah pasti gabungan ini mampu melaksanakan apa juga tanggungjawab yang diberikan kepada mereka."

T5, P15, TDMM

Data 15 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 15 diambil melalui perenggan 15 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau mengemukakan tentang cara penyelesaian sesuatu masalah secara rasional dan logik, iaitu, dengan wujudnya gabungan tenaga dan idealisme golongan muda dengan pengalaman golongan tua. Hujah yang disampaikan berasaskan pertimbangan yang bersifat logik. Fairclough (2021) menyatakan bahawa hujah yang mempunyai cara penyelesaian dalam wacana kebiasaannya dibina melalui logik yang menunjukkan keseimbangan antara keperluan dan realiti. Oleh yang demikian, wujud penggunaan elemen logos dalam petikan tersebut yang mampu meraih kepercayaan khalayak terhadap mesej yang disampaikan.

Logos dalam Ucapan Sempena Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 2019

Data 16

“Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal insan dan sosio-ekonomi Negara. Dalam tempoh 62 tahun Negara mencapai kemerdekaan misalnya, kita telah menyaksikan peningkatan yang ketara dalam pendidikan tinggi Negara.”

T5, P7, TDMM

Data 16 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 16 diambil melalui perenggan 7 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau mengemukakan hujah tentang pendidikan tinggi yang merupakan faktor utama dalam pembangunan modal insan dan sosioekonomi negara Malaysia. Beliau membina hujah logik dengan menyatakan bahawa peningkatan pendidikan membawa kepada kemajuan ekonomi dan sosial. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik minat belia untuk terus menyambung pelajaran mereka dan meningkatkan lagi sektor pendidikan di Malaysia. Menurut Fahnestock (2020), logos berfungsi melalui hujah yang berasaskan logik dan penerangan berdasarkan hubungan logik dan konsep. Oleh itu, wujud penggunaan logos pada petikan tersebut yang boleh membuka pemikiran khalayak untuk menyokong mesej yang disampaikan.

Logos dalam Ucapan Sempena Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 2019

Data 17

“Semakin tinggi keupayaan dan kemahiran ahli-ahli akademik secara langsung pelajar yang dididik akan juga menjadi pelajar yang unggul dan berkemampuan. Dan pelajar ini sudah pasti juga akan menyedari perlunya penguasaan bukan sekadar ilmu akademik malahan kebolehan untuk mampu bersaing, bijak dan cekal untuk berhadapan dengan permintaan pasaran serta cabaran-cabaran lain masakini.”

T6, P11, TDMM

Data 17 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 17 diambil melalui perenggan 11 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana menyatakan tentang peningkatan kualiti tenaga akademik di Malaysia akan menghasilkan graduan yang lebih berkualiti di masa akan datang. Hujah ini dianggap rasional disebabkan oleh hubungan antara keupayaan akademik dan kualiti pelajar.

Menurut Walton dan Reed (2019), hujah yang mempunyai hubungan merupakan elemen logos yang dominan dalam wacana pendidikan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan tersebut yang mampu membuka mata khalayak untuk melihat kepentingan hubungan akademik dan kualiti pelajar yang mampu mengubah kemajuan negara.

Logos dalam Ucapan Sempena Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 2019

Data 18

"Pendidikan tinggi juga merupakan landasan untuk mencetus kreativiti dan menjana inovasi untuk kelangsungan Negara. Kerana itu institusi pendidikan tinggi ditubuhkan di semua negeri supaya budaya ilmu ini dapat dikembang secara menyeluruh dan bersifat inklusif. Selain daripada mendidik anak bangsa, institusi pendidikan tinggi juga berperanan memberi khidmat kepada masyarakat setempat."

T6, P16, TDMM

Data 18 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 18 diambil melalui perenggan 16 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menegaskan tentang peranan pendidikan tinggi yang menjadi asas kepada inovasi dan kemajuan negara. Hujah tersebut disampaikan secara logik dengan menghubungkan institusi pendidikan tinggi sebagai sumber idea, penyelidikan dan teknologi. Vatz dan Condit (2021) menegaskan bahawa hujah yang membincangkan masa depan dan inovasi merupakan elemen logos yang penting dalam wacana pembangunan negara. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut yang mampu membuka minda khalayak untuk memandang kearah kemajuan.

Logos dalam Ucapan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019

Data 19

"Hari ini adalah satu hari yang bersejarah buat Malaysia kerana buat julung-julung kalinya dalam sejarah negara, kita akan melancarkan Pelan Antirasuah Nasional

ataupun National Anti-Corruption Plan yang komprehensif untuk memerangi gejala rasuah."

T7, P2, TDMM

Data 19 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 19 diambil melalui perenggan 2 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menegaskan tentang Pelan Antirasuah Nasional yang merupakan satu dasar yang bersifat komprehensif dan bersejarah. Beliau juga menyatakan bahawa pelan ini diwujudkan sebagai langkah sistematik untuk menangani rasuah secara menyeluruh. Menurut Fairclough (2021), wacana awam lazimnya menggunakan logos bagi menentukan keperluan sesuatu perkara melalui rasional institusi dan kepentingan nasional. Oleh itu, petikan ucapan tersebut mampu membina keyakinan dalam kalangan khalayak untuk terus menyokong usaha beliau melancarkan Pelan Antirasuah Nasional bagi menangni isu rasuah di negara Malaysia.

Logos dalam Ucapan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019

Data 20

"Pelan ini disediakan melalui satu proses yang mengambil kira aspirasi dan harapan rakyat Malaysia dalam perjalanan memerangi rasuah. Ianya bersandarkan bukti-bukti empirikal daripada hasil analisis kajian dan data tangkapan serta laporan audit yang terkini. Ianya juga mengambil semangat yang terkandung dalam manifesto kerajaan Pakatan Harapan dan laporan daripada Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (Institutional Reforms Committee--IRC)."

T7, P22, TDMM

Data 20 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 20 diambil melalui perenggan 22 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau memperlihatkan penggunaan bukti empirikal sebagai asas kepada mesej yang disampaikan. Beliau menekankan bahawa pelan ini digubal berdasarkan data, kajian dan laporan audit, sekali gus memperkukuh kesahihan dan kebolehpercayaan dasar tersebut. Fahnestock (2020) menjelaskan bahawa penggunaan data dan bukti

dalam ucapan awam berfungsi untuk meningkatkan daya persuasif dalam ucapan. Oleh itu, petikan ucapan tersebut mampu menghadirkan rasa percaya dalam kalangan khalayak kerana beliau membina hujah melalui penggunaan bukti-bukti yang diperoleh.

Logos dalam Ucapan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019

Data 21

"Saya difahamkan daripada enam strategi yang telah digariskan dalam Pelan ini, terdapat 115 inisiatif yang telah dirancang dan kesemuanya berhasrat untuk menjadikan Malaysia negara bebas rasuah."

T7, P29, TDMM

Data 21 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 21 diambil melalui perenggan 29 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menekankan tentang pendekatan kuantifikasi dan perincian terhadap struktur kerajaan yang menunjukkan perancangan tersusun dan bersifat strategik. Beliau menyebut tentang jumlah inisiatif yang memberi gambaran jelas mengenai pelaksanaan dan perancangan jangka panjang negara. Strategi ini selari dengan konsep logos yang menekankan rasionaliti, perancangan dan kebolehlaksanaan dalam wacana awam (Charteris-Black, 2020). Oleh itu, penggunaan angka dan perincian ini mampu mengukuhkan elemen logos dalam ucapan beliau melalui penjelasan hala tuju pelaksanaan dasar kerajaan.

b) Pathos dalam Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad

Pathos dalam Ucapan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018

Data 1

"Sesungguhnya rakyat rata-rata berasa lega dan gembira kerana diselamatkan dari

aneka jenis tekanan dan keseksaan yang kita tidak sangka boleh melanda negara kita. Bahawa kita dapat merebut balik kebebasan kita dari kezaliman Kerajaan kleptokrat adalah kejayaan luar biasa."

T1, P3, TDMM

Data 1 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 1 diambil melalui perenggan 3 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau membangkitkan rasa lega dan gembira dalam kalangan rakyat selepas perubahan politik yang semakin baik dan teratur. Beliau menggunakan pengalaman emosi untuk menghubungkan dirinya dengan perasaan khalayak. Strategi ini merupakan ciri utama pathos kerana ia menggerakkan emosi pendengar agar merasakan kejayaan tersebut sebagai kejayaan bersama (Graham, 2022). Oleh itu, wujud penggunaan pathos dalam petikan ucapan tersebut yang mampu meraih emosi khalayak untuk menyokong dan turut merasakan emosi yang sama dengan beliau.

Pathos dalam Ucapan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018

Data 2

"Semua ini kita lakukan kerana Malaysia adalah negara kita dan kita sayang negara kita Malaysia. Patriotisma adalah satu perasaan yang mulia."

T1, P11, TDMM

Data 2 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 2 diambil melalui perenggan 11 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menggunakan emosi yang berunsurkan kasih sayang terhadap negara dan semangat patriotisme untuk mengajak rakyat memupuk rasa kasih dan sayang serta semangat patriotisme terhadap negara. Penggunaan kata sayang dan semangat tersebut bertujuan menyentuh perasaan khalayak dan mengukuhkan hubungan emosi antara rakyat dan negara. Pathos seperti ini sering digunakan dalam ucapan yang bersifat kenegaraan bagi memupuk kesetiaan dan identiti nasional (Beason & England, 2019). Oleh itu, petikan ucapan tersebut mampu meningkatkan

sokongan dan komitmen khalayak terhadap agenda negara yang diketengahkan.

Pathos dalam Ucapan Hari Malaysia 2019

Data 3

"Kita sepatutnya mengambil iktibar daripada kehancuran yang dialami oleh Negara-Negara luar akibat perpecahan hingga berlaku konflik dan peperangan. Kehancuran yang berlaku tidak dapat diperbaiki kadang-kala melangkaui satu generasi."

T2, P14, TDMM

Data 3 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 3 diambil melalui perenggan 14 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyebut tentang pepecahan dan konflik yang akan terjadi sekiranya rakyat mengambil remeh tentang isu perpaduan negara. Hal ini secara tidak langsung membantu beliau untuk mewujudkan rasa takut dan insaf dalam kalangan rakyat dengan menggambarkan kesan jangka masa panjang. Menurut kajian retorik kontemporari, pathos berfungsi menggerakkan emosi khalayak bagi mengukuhkan penerimaan terhadap mesej yang disampaikan (Beason & England, 2019). Oleh itu, ucapan beliau ini boleh membantu memberi kesan yang mendalam serta dapat menanam rasa bimbang. Ia juga memberi kesedaran yang berpanjangan dalam diri khalayak untuk terus memandang serius berkaitan isu perpaduan.

Pathos dalam Ucapan Hari Malaysia 2019

Data 4

"Jika kita ingat apa yang mereka lalui, kita tidak akan mengambil ringan perpaduan dan kerjasama di antara rakyat, malahan kita akan bangkit mempertahankannya jika ada anasir yang mahu mengganggu gugat perpaduan tersebut."

T2, P9, TDMM

Data 4 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 4 diambil

melalui perenggan 9 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menghubungkan semangat patriotisme dan tanggungjawab dengan mengajak rakyat untuk bangkit mempertahankan perpaduan negara. Beliau menggunakan perkataan "bangkit" untuk mewujudkan emosi yang kuat dalam kalangan khalayak terutamanya berkaitan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat kerana rakyat di Malaysia sangat cintakan negara. Strategi ini sejajar dengan konsep pathos yang menekankan pengaruh emosi bagi membentuk sikap dan tindakan khalayak dalam konteks wacana nasional (Graham, 2022). Oleh itu, wujud penggunaan elemen phatos dalam petikan ucapan tersebut yang mampu menyentuh emosi khalayak.

Pathos dalam Ucapan Sambutan Hari Pekerja 2019

Data 5

"Alhamdulillah, kita dapat berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Majlis Sambutan Hari Pekerja Tahun 2019. Syabas kepada pihak kesatuan sekerja dan pihak majikan atas komitmen tinggi bagi bersama-sama menjayakan sambutan Hari Pekerja 2019 khusus kepada lebih 14 juta warga pekerja dalam sektor awam dan swasta."

T3, P1, TDMM

Data 5 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 5 diambil melalui perenggan 1 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menzahirkan rasa gembira dengan memberi pengharhaan kepada kelompok besar kesatuan sekerja dan pihak majikan yang menyumbang kepada negara. Beliau menyatakan bahawa lebih 14 juta warga pekerja yang banyak membantu kerajaan dan hal ini membangkitkan rasa bangga dan dihargai dalam kalangan khalayak. Menurut Graham (2022), penghargaan emosi seperti ini berkesan dalam mewujudkan hubungan yang berkesan antara pemimpin dan rakyat. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos dalam petikan ucapan tersebut yang berfungsi untuk mengukuhkan hubungan emosi serta meningkatkan rasa kebersamaan dan sokongan khalayak terhadap kepemimpinan beliau.

Pathos dalam Ucapan Sambutan Hari Pekerja 2019

Data 6

"Maka peluang itu direbut oleh pekerja asing. Akhirnya, mereka akan menjadi kaya dan kita pula kekal atau menjadi miskin."

T3, P1, TDMM

Data 6 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 6 diambil melalui perenggan 1 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menzahirkan rasa gembira dengan memberi pengharhaan kepada kelompok besar kesatuan sekerja dan pihak majikan yang menyumbang kepada negara. Beliau menyatakan bahawa lebih 14 juta warga pekerja yang banyak membantu kerajaan dan hal ini membangkitkan rasa bangga dan dihargai dalam kalangan khalayak. Menurut Graham (2022), penghargaan emosi seperti ini berkesan dalam mewujudkan hubungan yang berkesan antara pemimpin dan rakyat. Oleh itu, petikan ucapan tersebut mempunyai elemen pathos bertujuan untuk membina hubungan emosi yang erat dengan golongan pekerja sekali gus mengukuhkan moral kepemimpinan beliau di mata rakyat.

Pathos dalam Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023

Data 7

"Terlebih dahulu saya ingin ucap terima kasih kepada Bank Negara Malaysia kerana menjemput saya untuk melancarkan "Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023". Pengetahuan akan selok- belok pengurusan kewangan amatlah penting jika kita ingin selamat dari beban hutang dan sebagainya."

T4, P1, TDMM

Data 7 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 7 diambil melalui perenggan 1 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7

kerana beliau menggunakan bahasa emotif seperti “beban hutang” yang mampu membangkitkan rasa bimbang dalam kalangan khalayak. Penekanan ini bertujuan untuk mencetus kesedaran emosi terhadap risiko kewangan peribadi dan menjadikan mesej lebih dekat dengan pengalaman hidup khalayak. Cherney et al. (2019) menyatakan bahawa penggunaan istilah emotif dalam wacana ekonomi boleh meningkatkan perhatian dan keterlibatan emosi khalayak. Oleh itu, terbuktilah penggunaan elemen pathos dalam petikan ucapan tersebut yang mampu menyentuh emosi khalayak.

Pathos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2019

Data 8

“Apabila melihat ramai anak muda yang sanggup datang dari jauh sama ada secara individu atau mewakili pertubuhan-pertubuhan belia, saya merasakan ia adalah satu dorongan dan juga sokongan dari golongan belia ini dalam usaha memastikan Negara maju, aman dan makmur.”

T5, P3, TDMM

Data 8 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 8 diambil melalui perenggan 3 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau membangkitkan perasaan bangga dan beliau juga rasa dihargai dalam kalangan belia pada masa kini. Petikan ucapan tersebut mempunyai tujuan untuk mewujudkan hubungan emosi yang kukuh antara beliau dan belia muda. Menurut Charteris-Black (2020), bahasa yang menyentuh nilai patriotisme berupaya meningkatkan penglibatan emosi antara penutur dan khalayak. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos dalam petikan ucapan tersebut yang mampu menyentuh emosi khalayak terutamanya dalam kalangan belia muda.

Pathos dalam Ucapan Sempena Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 2019

Data 9

“Anugerah Akademik Negara (AAN) ini penting kerana ia memperlihat betapa Kerajaan mengiktiraf ahli-ahli akademik Negara yang telah mengharumkan nama Malaysia di dalam pelbagai bidang ilmu.”

T6, P3, TDMM

Data 9 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 9 diambil melalui perenggan 3 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau membangkitkan tentang rasa dihargai dan bangga terhadap kalangan ahli akademik di Malaysia secara tak langsung mereka telah membantu meningkatkan kemajuan negara. Pengiktirafan secara simbolik melalui anugerah yang diberikan berfungsi untuk menyentuh emosi penerima dan komuniti akademik secara keseluruhan. Menurut Charteris-Black (2020), penghargaan dan pengiktirafan biasanya digunakan dalam ucapan rasmi untuk membina hubungan emosi yang positif bersama khalayak. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos yang membantu dalam memberi kesan yang positif dan rasa dihargai dalam kalangan khalayak terutamanya kalangan ahli akademik.

Pathos dalam Ucapan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019

Data 10

“Rakyat telah bangun secara kolektif dan menggunakan kuasa rakyat untuk menolak Kerajaan yang dahulu. Ianya satu pernyataan tegas bahawa rasuah di kalangan pemimpin Kerajaan dan di kalangan kakitangan awam tidak boleh lagi diterima.”

T7, P4, TDMM

Data 10 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 10 diambil melalui perenggan 4 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM7 kerana beliau membangkitkan perasaan bangga dan beliau juga rasa dihargai dalam kalangan belia pada masa kini. Petikan ucapan tersebut mempunyai tujuan untuk mewujudkan hubungan emosi yang kukuh antara beliau dan belia muda. Menurut Charteris-Black (2020), bahasa yang menyentuh nilai patriotisme berupaya meningkatkan penglibatan emosi antara penutur dan khalayak. Oleh itu, wujud

penggunaan elemen pathos dalam petikan ucapan tersebut yang mampu menyentuh emosi khalayak terutamanya dalam kalangan belia muda.

c) Ethos dalam Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad

Ethos dalam Ucapan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018

Data 1

"Kerajaan pilihan rakyat berjanji akan berusaha sungguh-sungguh untuk mengembalikan negara bertuah ini sehingga menjadi Asian Tiger semula. Kita yakin kita boleh jika tidak sepenuhnya tetapi meletakkan balik ke jalan yang dapat membawa kita ke arah itu."

T1, P15, TDMM

Data 1 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 1 diambil melalui perenggan 15 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menampilkan dirinya sebagai pemimpin yang berwawasan dan bertanggungjawab sekali gus mengukuhkan kepercayaan khalayak terhadap hala tuju kepemimpinan negara. Beliau menyebut tentang kuasa kerajaan yang menjadi pilihan rakyat dan komitmen terhadap pemulihan negara. Menurut Vatz & Condit (2021), menyatakan bahawa elemen ethos terbina semasa pemimpin mempamerkan diri sebagai seorang yang mempunyai sikap positif dan mampu menarik kepercayaan khalayak. Oleh itu, wujud penggunaan elemen ethos melalui penegasan terhadap tanggungjawab dan mandat khalayak, secara tidak langsung ia mengukuh kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang diyakini dalam memacu pemulihan negara.

Ethos dalam Ucapan Hari Malaysia 2019

Data 2

“Dalam memastikan hal ini, Kerajaan Pakatan Harapan melalui Kementerian Pertahanan sedang mempersiapkan Kertas Putih Pertahanan yang bakal menggariskan peranan yang boleh dimainkan oleh segenap lapisan masyarakat agar pertahanan negara menjadi satu usahasama nasional.”

T2, P24, TDMM

Data 2 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 2 diambil melalui perenggan 24 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyebut tentang dasar rasmi kerajaan dan peranan institusi negara Malaysia. Ucapan Ini memperkukuh imej beliau sebagai pemimpin yang mempunyai kuasa, berpengetahuan dan bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara. Jackson (2020), penggunaan elemen ethos memainkak peranan penting dalam ucapan kerana ia meningkatkan tahap kepercayaan khalayak terhadap mesej yang disampaikan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen ethos dalam petikan ucapan ini yang mampu meyakinkan khalayak tentang kredibiliti dan kebolehan beliau untuk sentiasa memastikan negara Malaysia dalam keadaan terjaga dan harmoni.

Ethos dalam Ucapan Hari Malaysia 2019

Data 3

“Bagi melancarkan usaha ini, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 atau MA 63 – Malaysia Agreement 1963. Kesemua 23 ahli jawatankuasa ini yang terdiri daripada menteri-menteri Kabinet Persekutuan, Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah juga telah bermesyuarat beberapa kali untuk berbincang dengan lebih lanjut mengenai perkara ini.”

T2, P35, TDMM

Data 3 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 3 diambil melalui perenggan 35 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaiandalam penyampaian PM7 kerana beliau menegaskan tentang komitmen

kerajaan dalam menunaikan tanggungjawab perlembagaan dan sejarah terhadap negara Malaysia. Beliau juga menyebut tentang MA63 iaitu, Perjanjian Malaysia 1963 dan penubuhan jawatankuasa khas yang dibina untuk menjaga perlembagaan dan sejarah negara. Hal in secara tidak langsung menunjukkan beliau seorang pemimpin yang berpegang kepada janji, prinsip keadilan dan hak wilayah. Strategi ini selari dengan konsep ethos yang menekankan integriti dan kebolehpercayaan dalam kepemimpinan negara (Vatz & Condit, 2021). Oleh itu, wujud penggunaan eleman ethos yang boleh membantu meraih kepercayaan khalayak terhadap kredibiliti beliau sebagai peminpin yang dihormati dan disayangi.

Ethos dalam Ucapan Hari Malaysia 2019

Data 4

"Pekerja Amanah Aspirasi Negara" adalah tema Hari Pekerja pada tahun ini. Tema ini menekankan bagaimana kita rakyat Malaysia khususnya warga pekerja perlu melaksanakan kerja dan tanggungjawab dengan prinsip amanah dan integriti bagi memacu kemakmuran Negara dengan kepelbagaian budaya, bangsa dan agama."

T3, P2, TDMM

Data 4 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 4 diambil melalui perenggan 2 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menegaskan tentang nilai amanah dan integriti yang mencerminkan imej moral dan kebolehan dalam kepemimpinan. Beliau menyatakan kerajaan adalah pentadbir yang beretika dan bertanggungjawab terhadap rakyat serta negara. Menurut Jackson (2020), ethos dalam ucapan politik sering terhasil melalui penegasan nilai moral yang dikongsi bersama masyarakat. Oleh itu, wujud penggunaan elemen ethos pada petikan ucapan tersebut yang memperlihatkan nilai amanah dan integriti dalam diri PM7 sebagai pemimpin yang bermoral dan layak diyakini dalam menerajui pentadbiran negara.

Ethos dalam Ucapan Sambutan Hari Pekerja 2019

Data 5

"Kebajikan warga pekerja yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan Negara amat penting bagi Kerajaan. Antara langkah yang diambil ke arah ini termasuklah penyelarasan kadar upah dan gaji yang setimpal, perlindungan keselamatan sosial serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan."

T3, P9, TDMM

Data 5 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 5 diambil melalui perenggan 9 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyatakan tentang komitmen kerajaan terhadap kebajikan pekerja, termasuk gaji minimum, keselamatan sosial dan perlindungan undang-undang. Beliau berjaya membina kepercayaan rakyat dengan menunjukkan tanggungjawab dan kuasa yang mempunyai nilai moral sebagai pemimpin negara. Pendekatan ini sejajar dengan konsep ethos sebagai pembinaan kredibiliti institusi dan kepemimpinan (Vatz & Condit, 2021). Oleh itu, wujud penggunaan elemen ethos dalam petikan ucapan tersebut kerana beliau mengukuhkan kredibilti sebagai pemimpin yang bertanggungjawab dan bermoral dengan memberi penekanan terhadap komitmen kerajaan dalam kebajikan pekerja.

Ethos dalam Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023

Data 6

"Inisiatif ini adalah hasil usaha Jaringan Pendidikan Kewangan atau Financial Education Network yang diterajui bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia."

T4, P2, TDMM

Data 6 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 6 diambil melalui perenggan 2 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM7 kerana dalam ucapan tersebut beliau merujuk kepada peranan Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti sebagai peneraju inisiatif di

Malaysia. Hal ini memperkukuh kredibiliti ucapan kerana ia bersandarkan kepada autoriti institusi rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan sendiri. Jackson (2020) menyatakan bahawa Aristotle menegaskan tentang ethos merupakan elemen yang perlu mendapatkan kepercayaan khalayak terhadap sumber yang berwibawa. Oleh itu, jelas sekali bahawa pada petikan ucapan ini wujud penggunaan elemen ethos yang mampu meraih sokongan dan kepercayaan khalayak.

Ethos dalam Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023

Data 7

"Saya ucap syabas kepada ahli-ahli Jaringan Pendidikan Kewangan, yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)."

T4, P5, TDMM

Data 7 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 7 diambil melalui perenggan 5 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyenaraikan setiap menteri dan agensi terlibat dalam memberikan gambaran bahawa inisiatif ini disokong secara kolektif oleh pelbagai pihak berautoriti, secara tak langsung hal ini mampu meningkatkan kredibiliti sesebuah mesej yang disampaikan kepada kahkayak. Menurut Beason & England (2019), sokongan inter-institusi dalam retorik mampu untuk mengukuhkan kredibiliti melalui legitimasi bersama dalam penyampaian mesej. Oleh itu, melalui petikan ucapan tersebut mampu untuk meraih kepercayaan khalayak untuk mempercayai setiap mesej yang disampaikan.

Ethos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2019

Data 8

“Di atas kesedaran ini juga, pekerjaan untuk anak muda diberi keutamaan dan Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif baru untuk menurunkan kadar pengangguran dan ini termasuklah ke arah mewujudkan sejuta peluang pekerjaan. Usaha ini sedang giat dilaksanakan.”

T5, P23, TDMM

Data 8 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 8 diambil melalui perenggan 23 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyebut tentang peranan kerajaan sebagai pihak yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab terhadap kebajikan belia. Kenyataan ini dapat meningkatkan kepercayaan khalayak terhadap kemampuan kepemimpinan negara Malaysia iaitu, pada tahap yang baik. Jackson (2020) menjelaskan bahawa ethos terbina ketika sesorang penutur itu menampilkan diri sebagai pihak yang berwibawa dan berkeupayaan membuat keputusan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen ethos pada petikan tersebut yang mampu menarik khalayak untuk terus percaya dengan keupayaan kepemimpinan di Malaysia.

Ethos dalam Ucapan Sempena Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 2019

Data 9

“Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus menggalak budaya pengiktirafan kecemerlangan ini menerusi Anugerah Akademik Negara pada tahun-tahun akan datang.”

T6, P15, TDMM

Data 9 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 9 diambil melalui perenggan 15 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menjadikan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai institusi rasmi yang mempunyai kuasa dan boleh dipercayai sebagai rujukan kepada rakyat. Sokongan terhadap institusi ini boleh mengukuhkan kredibiliti dasar dan inisiatif yang dibentangkan oleh beliau. Beason dan England (2019) menyatakan bahawa sokongan institusi rasmi merupakan elemen penting terhadap pembinaan ethos dalam wacana awam. Oleh itu, secara tidak langsung perkara ini mampu

membantu untuk mendapatkan kepercayaan khalayak untuk terus menyokong institusi kerajaan dan meletakkan pandangan yang positif terhadap usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia pada masa hadapan.

Ethos dalam Ucapan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019

Data 10

"Dalam konteks inilah lahirnya Pelan Antirasuah Nasional. Ianya memperlihatkan komitmen kita di dalam memerangi rasuah."

T7, P7, TDMM

Data 10 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Koleksi Arkib Ucapan. Petikan pada data 10 diambil melalui perenggan 7 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM7 kerana beliau menyatakan tentang kerajaan berusaha dah komited dalam memerangi rasuah yang semakin berleluasa bukan sahaja dalam kalangan rakyat malah ia melibatkan jemaah menteri dalam perlembagaan. Beliau menunjukkan dirinya dan kerajaan sebagai pemimpin yang berprinsip, bertanggungjawab dan beramanah dalam melindungi negara dari jenayah rasuah yang mampu menjatuhkan nama baik Malaysia. Jackson (2020) menjelaskan bahawa ethos dalam ucapan terhasil melalui pembinaan imej kepemimpinan yang berintegriti dan konsisten dengan nilai moral masyarakat. Oleh itu, wujud penggunaan elemen ethos pada petikan tersebut kerana beliau menegaskan tentang komitmen dan tanggungjawab memerangi rasuah.

4.3.2 Strategi Retorik dalam Ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim

a) Logos dalam Ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim

Logos dalam Ucapan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024

Data 1

"Merdeka ini hanya difahami, mampu dimengerti dan dimaknai sekiranya kita menyingkap lembaran sejarah. Tidak ada negara yang merdeka secara tidak semena-

mena, ia memerlukan pengorbanan, visi dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu dengan keringat, darah dan air mata. Ia menuntut pengorbanan tentera, polis yang pada masa itu dipanggil *homeguard*, pejuang-pejuang kebangsaan dan ramai rakyat dalam mempertahankan negara."

T8, P1, DSAI

Data 1 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 1 diambil melalui perenggan 1 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang kemerdekaan negara merupakan hasil daripada satu proses sejarah yang panjang dan terancang, dan bukan sahaja berlaku secara spontan. Beliau banyak menekankan tentang pengorbanan, visi dan wawasan pemimpin terdahulu menggalakkan khalayak memahami kemerdekaan melalui hubungan yang baik kerana kemerdekaan dicapai melalui perjuangan yang berterusan. Fairclough (2020) menyatakan bahawa strategi logos dalam wacana politik berfungsi untuk membina kefahaman rasional khalayak terhadap peristiwa sejarah politik sesebuah negara. Oleh itu, petikan ucapan tersebut memperlihatkan usaha beliau dalam membina kesedaran rasional dalam kalangan khalayak agar menghargai kemerdekaan sebagai hasil perancangan dan perjuangan yang sistematik.

Logos dalam Ucapan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024

Data 2

"Kalau ini dicapai, negara merdeka, roh perjuangannya ada, bebas pemikirannya, ma'ruf ke arah ma'ruf, bawa perubahan ke arah kebaikan, benci dengan kezaliman dan rasuah dan penyelewengan dan bibit-bibit perpecahan dan amalan untuk memperbodohkan rakyat bangkit sebagai satu kekuatan."

T8, P14, DSAI

Data 2 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 2 diambil melalui perenggan 14 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang perbandingan Dalam petikan ini, Perdana Menteri menggunakan hujah berbentuk perbandingan logik dengan menyamakan kepemimpinan yang menyalahgunakan kuasa dengan penjajah.

Analogi ini bertujuan menegaskan bahawa kemerdekaan akan kehilangan makna sekiranya pemimpin bertindak seperti penjajah yang merampas kekayaan negara demi kepentingan sendiri. Menurut Charteris-Black (2021), penggunaan perbandingan dan analogi merupakan strategi logos yang berkesan kerana ia membantu khalayak menilai sesuatu isu secara rasional melalui pertentangan nilai yang jelas. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos dalam petikan ucapan tersebut kerana beliau mengukuhkan hujah dengan menimbulkan kesedaran rasional bahawa penyalahgunaan kuasa bercanggah dengan semangat dan makna sebenar kemerdekaan.

Logos dalam Ucapan Hari Malaysia 2024

Data 3

"Ini adalah satu tema yang kita harus faham, apakah Sabah sudah merdeka? ya, Sarawak merdeka, Semenanjung Tanah Melayu merdeka tetapi jiwa merdeka itu ertinya bukan sahaja menolak pimpinan Inggeris, pimpinan orang asing tetapi menggantikan dengan pimpinan peribumi, pimpinan rakyat yang punyai jiwa merdeka yang bekerja dan berkhidmat untuk tidak memperkayakan diri mereka tetapi membela nasib rakyat. Inilah yang kita tekankan dalam negara kita. Sebab itu program-program pembangunan mesti diteruskan."

T9, P3, DSAI

Data 3 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 3 diambil melalui perenggan 3 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyebut tentang maksud sebenar konsep kemerdekaan yang bukan sekadar pembebasan daripada penjajahan, namun ia merupakan satu tanggungjawab moral kepemimpinan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Petikan ucapan ini mempunyai elemen rasional kerana ia menjelaskan hubungan sebab dan akibat antara kemerdekaan dan keperluan kepemimpinan yang mempunyai sikap integeriti. Fairclough (2020) menegaskan bahawa logos dalam ucapan berfungsi untuk meraih pemahaman khalayak terhadap konsep abstrak seperti kebebasan dan kuasa. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos dalam petikan ucapan tersebut kerana beliau memperlihatkan usaha terhadap pembinaan kefahaman yang rasional tentang erti kemerdekaan yang menekankan etika dan tanggungjawab

kepemimpinan demi menjamin kelangsungan negara.

Logos dalam Ucapan Hari Malaysia 2024

Data 4

"Saya mendengar dan meneliti pidato dari YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji Haji Noor dan sebelum ini dengan sahabat saya Premier Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari di Sarawak, bahawa kita harus lihat seperti mana bapa-bapa, ibu-ibu kita terdahulu di mana negara ini harus mencatat kemajuan, melihat satu kesatuan dan memahami sejarah yang getir, Malaysia itu dibentuk dalam keadaan pertarungan sengit, dua kuasa besar pada ketika itu dan kita tersepit di tengah-tengah Lautan China Selatan dan pada masa itu, berbeza dengan sekarang, kita hadapi negara jiran kita yang kini sahabat karib iaitu, Indonesia di bawah Presiden Soekarno melancarkan serangan Ganyang-Malaysia kerana tidak mahu Sabah dan Sarawak merdeka bersama Malaysia kerana cita-cita mereka untuk menjadikan Kalimantan hak milik mereka. Itu adalah sejarah."

T9, P4, DSAI

Data 4 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 4 diambil melalui perenggan 4 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan fakta sejarah dan konteks geopolitik sebagai asas kepada petikan ucapan beliau untuk menjelaskan tentang keperluan pertahanan dan perpaduan nasional. Beliau juga menyatakan tentang Konfrontasi Indonesia dan ancaman keselamatan di Sabah dan Sarawak dan secara tidak langsung ia membentuk justifikasi bahawa kestabilan negara menuntut pengorbanan semua wilayah dan kerjasama semua pihak. Menurut McNair (2021), penggunaan fakta sejarah dalam ucapan politik berfungsi sebagai strategi retorik bertujuan untuk mengukuhkan kesahihan ucapan serta mengelakkan mesej dilihat sebagai retorik yang tidak mempunyai makna. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut kerana beliau menyatakan hujah yang berasaskan fakta dan pengalaman sejarah bagi meyakinkan khalayak tentang kepentingan mempertahankan kestabilan dan perpaduan negara.

Logos dalam Ucapan Hari Pekerja 2025

Data 5

"Hari ini Hari Pekerja. Kita datang untuk memperingatkan bukan saja pekerja, majikan, rakyat dan pemimpin. Seperti mana dilakar dalam lagu itu, "tanpa pekerja, tidak ada Istana Raja. Tanpa pekerja, tidak ada hospital megah. Tanpa pekerja, keluarga kita tidak dirawat. Tanpa pekerja, keselamatan kita tidak terjamin." Jadi saya harap, sambutan ini memberi peringatan kepada semua. Ada perubahan sikap. Negara berkembang maju, alhamdulillah. Kita catat pertumbuhan yang membanggakan. Pelaburan yang kita catat, tertinggi dalam sejarah. Tetapi, dalam mengukur ini semua, kita mesti jamin keselesaan kepada rakyat terbanyak dan pekerja."

T10, P1, DSAI

Data 5 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 5 diambil melalui perenggan 1 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan hujah logik dengan mengaitkan pencapaian ekonomi negara dengan keperluan menjaga kebajikan pekerja. Walaupun pertumbuhan ekonomi dan pelaburan digambarkan sebagai sektor yang berjaya, namun beliau menegaskan bahawa kejayaan tersebut tidak bermakna sekiranya keselesaan dan kesejahteraan pekerja diabaikan. Fairclough (2020) menyatakan bahawa strategi logos dalam ucapan berfungsi untuk keperluan sosial bagi mewujudkan sokongan terhadap dasar kerajaan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos dalam petikan ucapan tersebut kerana beliau menekankan tentang keseimbangan pembangunan ekonomi yang perlu ada demi kelestarian dan keadilan sosial terhadap kebajikan pekerja.

Logos dalam Ucapan Hari Pekerja 2025

Data 6

"Sebab itu sepertimana disebut tadi oleh Menteri KESUMA, dalam merangka Sistem Saraan Penjawat Awam yang baharu, pendekatan kita bukan sahaja naik gaji seperti biasa. Yang tertinggi naik sedikit, yang di bawah naik lebih tinggi 15%, 20%, 30%. Sebab apa saudara-saudara? Kerana kita tidak mahu negara ini makmur untuk

sebilangan kecil dan sebahagian besarnya yang bekerja itu diketepikan. Sama seperti kita hebahkan soal frontliners, tatkala menghadapi COVID-19, semuanya berkhidmat, semua berkorban. Tapi kadang-kadang kita hanya meletakkan tumpuan kepada kelompok yang diatas. Memang mereka berkhidmat, tetapi tanpa technician, tanpa tukang cuci, tanpa tulang yang membersihkan tanpa pencuci lantai. Tidak ada kejayaan dalam usaha kita, sebab itu menghargai, menghargai dari atas sampai ke bawah."

T10, P2, DSAI

Data 6 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 6 diambil melalui perenggan 2 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau mengemukakan hujah berasaskan logik tentang keadilan dengan menjelaskan rasional sistem saraan progresif dan pelaksanaan gaji yang minimum. Beliau sangat memandang serius terhadap kebajikan pekerja bawahan yang akan terus terpinggir jika tiada intervensi dari kerajaan terutamanya wujud majikan yang mengeluh berkaitan kos dan pelaburan. Menurut McNair (2021), penggunaan strategi retorik yang berkesan dalam komunikasi politik dapat mewujudkan sokongan khalayak terutamanya ucapan yang mempunyai pandangan berbeza. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut yang mampu meraih kepercayaan khalayak kerana beliau menekankan tentang keperluan campur tangan kerajaan demi menjamin keadilan dan kebajikan pekerja.

Logos dalam Ucapan Majlis Peluncuran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025

Data 7

"Apa dia risiko orang yang terlibat dalam kegiatan ini, tapi kadar kefahaman yang sangat rendah. Risikonya pada masa itu kemudian muncul apa yang disebut oleh Greenspan sebagai 'irrational exuberance', melihat bursa itu sendiri sebagai seolah-olah satu kasino, dan pelaburan sesuatu yang agak diputuskan berdasarkan andaian dan agak, tetapi tidak melalui penguasaan ilmu atau literasi kewangan itu sendiri."

T11, P4, DSAI

Data 7 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam

ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 7 diambil melalui perenggan 4 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menghubungkan fenomena pelaburan yang tidak logik dengan konsep ekonomi yang diiktiraf. Hal ini adalah untuk menerangkan keadaan semasa keputusan kewangan dibuat berdasarkan spekulasi, emosi dan andaian semata-mata tanpa kefahaman mendalam terhadap data dan risiko sebenar. Beliau menyatakan tentang kekurangan literasi kewangan yang membawa kepada salah tafsir terhadap pelaburan, seterusnya meningkatkan risiko kerugian dalam pelbagi sektor. Charteris-Black (2020) menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang bersifat konseptual dan metafora dalam ucapan berperanan sebagai pembimbing kepada khalayak untuk memahami isu melalui kerangka rasional yang lebih tersusun dan bermakna. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut kerana membina kefahaman rasional khalayak terhadap risiko kewangan serta menekankan kepentingan literasi kewangan dalam membuat keputusan pelaburan yang bijak.

Logos dalam Ucapan Majlis Peluncuran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025

Data 8

"Sekarang kita sudah 2025, kadar pertumbuhan, *Alhamdulillah,* segar dan *vibrancy* dari segi institusi kewangan keseluruhannya itu lebih meyakinkan."

T11, P6, DSAI

Data 8 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 8 diambil melalui perenggan 6 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang fakta umum berkaitan keadaan ekonomi dan institusi kewangan semasa. Beliau menggunakan tahun 2025 sebagai rujukan dan penilaian objektif terhadap kestabilan institusi kewangan berasaskan realiti semasa. Petikan ucapan ini berfungsi sebagai asas logik untuk menyokong keperluan pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan. Hal ini menunjukkan bahawa ekonomi negara berada dalam keadaan yang stabil dan berkembang dan dalam masa yang sama literasi kewangan perlu diperkukuh agar manfaat pertumbuhan

ekonomi negara dapat dirasai secara menyeluruh oleh rakyat. Menurut Fairclough (2020), dalam ucapan pemimpin sering menggunakan wacana yang berasaskan realiti institusi dan ekonomi semasa untuk mewujudkan kepercayaan khalayak terhadap dasar yang dicadangkan, sekali gus memperkukuh tindakan kerajaan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos yang mempamerkan fakta dan penilaian objektif dalam petikan ucapan tersebut, secara tidak langsung hal ini mengukuhkan lagi hujah yang disampaikan serta mewajarkan pelaksanaan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2025

Data 9

"Dasar pendidikan kita, dasar TVET kita akan menentukan peluang masa depan dasar pelaburan kita. Dasar transisi tenaga dan juga transformasi digital, apakah Malaysia mampu mengangkat martabat negara sebagai negara yang berjaya dan hebat? Ini ditentukan oleh Penguasa dengan dasar dan menentukan nasib dan masa depan anak muda. Sebab itu anak muda kesempatan Hari Belia kesempatan kita berfikir merenung yakin boleh sebab apa? yakin kerana iman kita, keyakinan kita, yakin kerana ilmu kita, yakin kerana pencerahan kita, tidak diperalatkan, tidak mudah merendah, menghina orang lain sama-sama kaum asal kaum yang lain, yakin dengan kesatuan. Kita yakin dengan keupayaan negara ini diangkat sebagai di antara negara hebat di rantau ini. Yakin!"

T12, P3, DSAI

Data 9 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 9 diambil melalui perenggan 3 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang dasar pendidikan, TVET, perubahan sistem tenaga dan transformasi digital dengan masa depan anak muda dan negara. Beliau mengaitkan hujah beliau dengan punca dah akibat yang jelas tentang hala tuju dasar kerajaan menentukan daya saing negara. Hal ini sejajar dengan konsep logos yang menekankan tentang logik dan hubungan rasional antara dasar awam dan pembangunan negara (Fairclough, 2021). Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut yang berasaskan rasionaliti dasar bagi mengukuhkan justifikasi kerajaan dalam merangka strategi pembangunan jangka panjang negara.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2025

Data 10

"Semalam atau dua hari yang lalu, kita ada sambutan TVET. Itu anak muda. Dulu, sukar diberi tarikan untuk anak-anak ke TVET, tetapi TVET sekarang menjadi perhatian. Semua pelaburan baharu dalam digital, dalam energy dalam Artificial intelligence (AI), data center memerlukan anak lulusan kejuruteraan dan juga TVET. Sekarang, jumlah pelajar-pelajar yang masuk aliran TVET sudah cecah hamper setengah juta, dan tahun ini permohonan untuk ke TVET sudah cecah 140,000 orang"

T12, P8, DSAI

Data 10 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 10 diambil melalui perenggan 8 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang statistik dan angka yang berfungsi sebagai bukti bagi menyokong hujah beliau tentang peningkatan minat belia muda terhadap program TVET yang diasaskan oleh kerajaan bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran sejajar dengan permintaan industri. Penggunaan stastistik ini membantu memperkukuh ucapan serta membantu meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap usaha kerajaan dalam penambahbaikan sistem pendidikan negara. Menurut Fahnestock (2020), penyampaian data statistik dan berangka merupakan strategi logos yang berkesan dalam meyakinkan khalayak tentang keberkesanan dasar dan usaha sesebuah kerajaan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut kerana beliau menyatakan statistik dalam ucapan beliau bertujuan memperkukuh rasional dasar TVET serta mewajarkan komitmen kerajaan dalam memperkasa pendidikan teknikal dan vokasional negara.

Logos dalam dalam Ucapan Majlis Anugerah Akademik Negara ke-15 2025

Data 11

"Akan tetapi, saya juga sedar, Malaysia MADANI tidak akan menjadi citra bangsa kita jika sistem nilai ini hanya diangkat oleh segelintir kumpulan, dan tidak menjadi budaya yang dilazimi oleh semua anggota masyarakat."

T13, P8, DSAI

Data 11 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 11 diambil melalui perenggan 8 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang kejayaan gagasan Malaysia MADANI atas sebab sokongan dan penerimaan rakyat yang menyeluruh. Beliau juga mengajar rakyat untuk membudayakan nilai dan moral dalam kalangan rakyat untuk menjayakan gagasan Malaysia MADANI pada masa akan datang. van Dijk (2021) menyatakan bahawa hujah ini mempunyai elemen logik kerana ia sejajar dengan prinsip sosiologi nilai dan pembinaan negara melalui sistem nilai yang hanya berkesan sekiranya diamalkan secara berterusan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan tersebut kerana beliau memberi penekanan terhadap hubungan antara penerimaan rakyat dan nilai yang mampu mengukuhkan rasional gagasan Malaysia MADANI sebagai asas pembangunan negara yang mampan.1cm

Logos dalam dalam Ucapan Majlis Anugerah Akademik Negara ke-15 2025

Data 12

"Atas dasar itu, memandangkan kita sedang berhadapan dengan arus zaman yang mencabar ini, harus wujud kesedaran bahawa kebanyakan masalah yang kita hadapi hari ini sebenarnya saling berkait."

T13, P22, DSAI

Data 12 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 12 diambil melalui perenggan 22 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menegaskan tentang cabaran semasa dari aspek sosial, ekonomi dan global dan beliau juga menyatakan bahawa cabaran itu tidak boleh ditangani secara terasing. Hujah ini menunjukkan bahawa beliau menggunakan pemikiran holistik dan strategik, di mana penyelesaian memerlukan pendekatan bersepadu merentas sektor. Ini mengukuhkan elemen logik bahawa peranan akademik amat penting dalam menyediakan analisis berasaskan ilmu. Coombs (2021) menyatakan bahawa pemikiran logik akan memberi kesan terhadap kefahaman yang menyeluruh. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan

ucapan tersebut kerana beliau menyatakan tentang pendekatan bersepadu yang mampu mengukuhkan keperluan kerjasama dalam pelbagai sektor.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025

Data 13

"Jadi oleh itu, saya kira kita harus tanam keyakinan tentang tatakelola, bersih, integriti sebagai nilai ketahanan diri dan keyakinan. Masalahnya kita ini, kita bicara tapi tidak terpancar dari hati nurani yang menginginkan kebersihan, kebaikan yang menuntut perubahan. Mana mungkin berlakunya suatu keadaan integriti yang lebih baik, tatakelola yang lebih baik, ekonomi yang lebih baik, sistem keadilan yang lebih baik, kalau tidak ada nilai yang dipupuk, kemudian 'wa 'amila solihan' – dengan amal tindakan."

T14, P6, DSAI

Data 13 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 13 diambil melalui perenggan 6 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau memaparkan hujah yang bersifat logik dan berstruktur. Beliau menyatakan tentang nilai dan intergeriti terhadap ekonomi dan keadilan serta menegaskan bahawa pembaikan sistem tidak akan berlaku tanpa pembetukan nilai. Oleh itu, mesej yang disampaikan bukan hanya seruan yang bersifat moral, tetapi suatu keperluan sistemik yang berlandaskan logik pembangunan negara. van Dijk (2021) menjelaskan bahawa penggunaan elemen logik sebagai asas kepada ucapan berfungsi untuk membentuk kefahaman khalayak terhadap realiti sosial secara rasional dan tersusun. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut kerana beliau bukan hanya membuat seruan moral, namun beliau juga menekankan tentang keperluan yang berlandaskan logik pembangunan negara.

Logos dalam Ucapan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025

Data 14

"Bila kita umumkan kerjasama pada badan-badan penguatkuasaan: SPRM, LHDN,

Bank Negara, PDRM, Kastam, LHDN dan sebagainya — membina kekuatan, selaras kegiatan, bertindak tegas. Dalam dua tahun kita selamatkan RM15.5 bilion. Cuba renungkan ke mana wang itu kalau kita tidak bertindak? Masuk saku sang penyakau."

T14, P13, DSAI

Data 14 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik logos (logik) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 14 diambil melalui perenggan 13 yang dilihat mempunyai elemen logos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan fakta yang mempunyai angka yang boleh difahami. Beliau menyatakan tentang nilai RM15.5 bilion berfungsi sebagai bukti keberkesanan tindakan kerajaan dalam memerangi isu rasuah. Hal ini menjadikan petikan ucapan tersebut lebih meyakinkan dan berteraskan fakta. Menurut Jones dan LeBaron (2022), penggunaan bukti angka dalam ucapan awam berperanan penting dan ia mampu meningkatkan kefahaman serta kepercayaan khalayak terhadap keberkesanan sesuatu dasar atau tindakan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen logos pada petikan ucapan tersebut kerana beliau menyatakan tentang angka yang konkrit dalam ucapan yang bertujuan untuk menegaskan komitmen kerajaan dalam menangani isu rasuah secara berfakta dan rasional.

b) Pathos dalam Ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim

Pathos dalam Ucapan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024

Data 1

"Jangan kita lupa, anak-anak muda harus mengerti kemerdekaan itu dibayar dengan darah, air mata dan keringat. Kemerdekaan itu tercapai dengan pengorbanan. Generasi tidak dituntut pengorbanan sebegitu, tidak dituntut pengorbanan darah tetapi kita tugaskan kepada pasukan keselamatan jauh di perbatasan, lautan dan belantara untuk menjaga keselamatan dan mempertahankan negara."

T8, P3, DSAI

Data 1 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 1 diambil melalui perenggan 3 yang dilihat mempunyai elemen pathos

dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan ayat yang mampu meraih emosi rakyat dengan memberi kesedaran, menyatakan simpati dan penghargaan terhadap pengorbanan generasi terdahulu yang banyak berkorban demi mencapai kemerdekaan. Penggunaan frasa "darah, air mata dan keringat" berfungsi sebagai simbol yang menunjukkan penderitaan dan kesungguhan perjuangan rakyat, sekali gus membina semangat patriotisme dalam kalangan khalayak. Menurut Brader (2020), elemen emosi dalam ucapan berupaya meningkatkan keterlibatan emosi khalayak serta mendorong mereka untuk lebih menghargai nilai perjuangan nasional. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos pada petikan ucapan tersebut kerana beliau mengaplikasikan bahasa simbolik yang mampu menyentuh perasaan khalayak tentang kesedaran sejarah dan semangat kebangsaan di Malaysia.

Pathos dalam Ucapan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024

Data 2

"Saya percaya, kita bagi mesej yang jelas. Apa yang sukarnya kalau ketimbang orang dahulu mengorbankan segala-galanya, ibu-ibu di kampung memberikan rantai dan perhiasan mereka, jadi tabung untuk perjuangan dan pada tahun 1955, menjadi tabung untuk penerbangan pemimpin-pemimpin ke London dan pulang kerana kos terlalu tinggi. Itu pengorbanan mereka. Dahulu bagi cincin untuk perjuangan, sekarang saya tidak sambung (nada seloroh)."

T8, P12, DSAI

Data 2 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 2 diambil melalui perenggan 12 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan naratif rakyat yang berjuang demi kebebasan bagi membangkitkan rasa tanggungjawab moral dalam kalangan pendengar. Kisah pengorbanan golongan ibu di kampung yang sanggup menghadapi pelbagai cabaran demi mencapai kemerdekaan mewujudkan hubungan emosi yang kuat antara pemimpin dan rakyat, kerana pengorbanan tersebut digambarkan sebagai pengorbanan ikhlas. Wahl-Jorgensen (2021) menyatakan bahawa penceritaan berasaskan pengalaman individu merupakan strategi pathos yang berkesan dalam

membina ikatan emosi dalam wacana politik. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos dalam petikan ucapan tersebut kerana beliau menunjukkan bentuk penceritaan secara peribadi yang secara tidak langsung membantu dalam mengukuhkan daya pengaruh terhadap rasa tanggungjawab dan penghargaan sesebuah perjuangan.

Pathos dalam Ucapan Hari Malaysia 2024

Data 3

"Sarawak hadapi umpamanya gerombolan komunis di sempadan. Pertarungan yang sengit, Sabah hadapi sehinggalah peristiwa Lahad Datu baru-baru ini. Di semenanjung dalam pertarungan, anak-anak Iban, anak-anak Dayak, Sarawak turut terkorban. Di semenanjung, beberapa anak Sabah; Kadazan dan Dusun juga terkorban. Di Lahad Datu, anak-anak Semenanjung turut terkorban."

T9, P6, DSAI

Data 3 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 3 diambil melalui perenggan 6 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan emosi sedih dan empati tentang pengorbanan nyawa daripada pelbagai kaum dan wilayah di Sabah. Beliau juga menyentuh tentang etnik dan kawasan secara spesifik dan ia mampu meningkatkan kesan emosi dalam kalangan khalayak untuk merasakan penderitaan itu bersama. Menurut Brader (2020), emosi yang dicetuskan melalui naratif pengorbanan mampu mengukuhkan rasa solidariti dalam kalangan rakyat. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos pada petikan ucapan tersebut yang menunjukkan pendekatan emosi yang inklusif dalam mengukuhkan semangat kebersamaan dan perpaduan nasional dalam kalangan khalayak.

Pathos dalam Ucapan Hari Malaysia 2024

Data 4

"Keluhan anak kecil di Kundasang ataupun wanita sarat sakit di Kapit atau Manik Urai di Kelantan, itu keluhan yang harus kita dengar."

T9, P10, DSAI

Data 4 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 4 diambil melalui perenggan 10 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang penderitaan rakyat biasa di kawasan luar bandar dan pendalaman yang sentiasa menghadapi pelbagai cabaran hidup. Pernyataan tentang golongan rentan seperti kanak-kanak dan wanita mengandung membangkitkan emosi simpati serta rasa tanggungjawab pemimpin terhadap kebajikan rakyat yang berterusan. Wahl-Jorgensen (2021) menyatakan bahawa sifat empati yang wujud dalam ucapan berfungsi untuk membina hubungan emosi antara pemimpin dan rakyat, sekali gus meningkatkan penerimaan terhadap mesej yang disampaikan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos pada petikan ucapan tersebut kerana beliau menegaskan tentang penderitaan yang dihadapi oleh golongan yang mempunyai risiko seperti wanita mengadung serta kanak-kanak dan secara tidak langsung ia membangkitkan emosi sedih dan simpati dalam kalangan khalayak.

Pathos dalam Ucapan Hari Pekerja 2024

Data 5

“Tapi kadang-kadang kita hanya meletakkan tumpuan kepada kelompok yang diatas. Memang mereka berkhidmat, tetapi tanpa technician, tanpa tukang cuci, tanpa tulang yang membersihkan tanpa pencuci lantai. Tidak ada kejayaan dalam usaha kita, sebab itu menghargai, menghargai dari atas sampai ke bawah. Jangan kita ambil sikap yang bukan manusiawi kalau kita kata betul, walakad karamna bani adam, kita angkat darajat manusia, manusia itu jangan dinilai kerana pangkatnya, kerana hartanya, kerana kedudukannya, tetapi kerana kemuliaan budi pekerti dan khidmatnya.”

T10, P2, DSAI

Data 5 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 5 diambil melalui perenggan 2 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan emosi dari aspek penghargaan dan empati dengan menunjukkan peranan pekerja bawahan yang sering dipinggirkan

oleh sesetengah majikan. Beliau juga menyatakan secara khusus tentang tukang cuci dan pekerja teknikal dan secara tak langsung ia membangkitkan rasa dihargai dalam kalangan golongan pekerja serta mencetuskan kesedaran moral kepada khalayak. Menurut Brader (2020), penggunaan emosi penghargaan dan keadilan sosial dalam ucapan mampu meningkatkan sokongan emosi rakyat terhadap pemimpin. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos pada petikan ucapan tersebut kerana beliau memberi penekanan terhadap penghargaan kepada golongan pekerja dan hal ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan daya tarikan emosi dan sokongan khalayak terhadap kepemimpinan beliau.

Pathos dalam Ucapan Hari Pekerja 2024

Data 6

"Apakah mampu kita hidup — negara merdeka, gagah, kaya di antara negara berkembang yang hebat — tetapi rumah satu keluarga, enam anak, satu bilik tidur, satu bilik mandi? Tidak boleh. Sebab itu, kita nak perkenalkan Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar, supaya ada kuasa bangunkan rumah minimum tiga bilik dan dua bilik mandi. Tetapi, dihentam, dikecam. Apa jenis manusia begini? Kamu masa ada kuasa, kamu tak fikir rumah rakyat. Kamu ada kuasa, kamu timbun harta. Bila hilang kuasa, kamu bicara soal Melayu, hidup Melayu, martabatkan Islam. Bagaimana boleh kita pertahankan Melayu dan Islam? Ini cara kita."

T10, P15, DSAI

Data 6 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 6 diambil melalui perenggan 15 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan elemen pathos dengan menggambarkan secara tulus tentang kesempitan hidup pekerja dan keluarga mereka. Penggunaan gambaran kehidupan yang daif ini membangkitkan emosi simpati, keinsafan dan rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat. Wahl-Jorgensen (2021) menegaskan bahawa naratif penderitaan rakyat biasa merupakan strategi emosi yang berkesan untuk menggerakkan sokongan terhadap dasar kebajikan yang berterusan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos pada petikan tersebut kerana beliau menyatakan tentang penderitaan serta kesempitan hidup yang dihadapi oleh

sesetengah rakyat yang mampu meningkatkan kepekaan sosial serta sokongan rakyat terhadap agenda kebajikan yang diketengahkan.

Pathos dalam Ucapan Majlis Peluncuran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025

Data 7

"Kerana walaupun kita lebih canggih, kempennya ni berlurus, tapi saya tengok gullibility itu, vulnerability berberapa kalangan dalam menghadapi scammers ini, bagi saya menghairankan. Ada orang yang pernah jadi ketua pengarah, ada yang pendidikannya, pendidikan tinggi tapi bagaimana boleh tertipu begitu mudah sekali? Kecelikan ada tapi mungkin celik tapi rabun. Sukar mengerti bagaimana mudah hilang RM80,000, hilang RM100,000 dan jumlahnya saya tahu mencecah billion."

T11, P22, DSAI

Data 7 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 7 diambil melalui perenggan 22 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menunjukkan rasa bimbang terhadap mangsa penipuan kewangan, di samping menimbulkan rasa takut dan kesedaran dalam kalangan rakyat bahawa situasi yang sama boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Penggunaan emosi ini mampu mengukuhkan sokongan khalayak terhadap usaha memperkasakan literasi kewangan sebagai langkah pencegahan oleh kerajaan. Brader (2020), menyatakan bahawa unsur emosi seperti kebimbangan dan ketakutan sering digunakan dalam ucapan bertujuan untuk meningkatkan tahap perhatian khalayak serta mendorong sokongan terhadap sesuatu dasar atau inisiatif yang dicadangkan. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos pada petikan ucapan tersebut yang mampu membangkitkan rasa bimbang dan takut dalam kalangan rakyat terhadap isu yang disebutkan dalam agenda literasi kewangan kerajaan.

Pathos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2025

Data 8

"Tengok ini, anak Cina, anak Melayu, anak India, Iban, Kadazan, boleh bersama. Apa bapak-bapak, ibu-ibu, pemimpin politik tak dapat lihat ke? Apa mata kamu rabun ke? Saya lihat ini. Bila saya bersalam melihat mereka, dia tidak kata, "ohh salam kami, salam saya dulu, saya Melayu, Cina nanti dulu, India kejap lagi, belakang lagi? Tidak ada. Ini yang ditunjukkan oleh anak muda."

T12, P13, DSAI

Data 8 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 8 diambil melalui perenggan 13 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang kebersamaan dan perpaduan nasional tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan budaya. Beliau menggunakan gambaran visual dan pengalaman peribadi untuk mencetuskan rasa bangga dan empati dalam kalangan khalayak. Menurut Beason dan England (2019), naratif inklusif berfungsi sebagai strategi pathos untuk membina ikatan emosi antara pemimpin dan rakyat. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos pada petikan ucapan tersebut kerana beliau menekankan tentang nilai kebersamaan dan perpaduan yang mampu memupuk sikap positif dalam diri khalayak.

Pathos dalam Ucapan Majlis Anugerah Akademik Negara ke-15 2025

Data 9

"Era yang sedang kita hadapi sekarang ini sarat dengan cabaran dan kekacauan. Cabaran dan kekacauan yang bukan sahaja menjadikan agenda kemajuan dan kemodenan sering bergelut dengan nilai dan moral yang baik."

T13, P24, DSAI

Data 9 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 9 diambil melalui perenggan 24 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan emosi melalui gambaran tentang negara Malaysia yang menghadapi pelbagai cabaran yang perlu ditangani. Beliau menggunakan ayat "sarat dengan cabaran dan kekacauan" untuk mencetuskan

rasa bimbang serta memberi kesedaran dalam kalangan khalayak terhadap situasi semasa yang menuntut perhatian dan tindakan bersama. Brader (2020) menegaskan bahawa penggunaan elemen emosi seperti rasa bimbang dan rasa tanggungjawab mampu menggerakkan sokongan khalayak terhadap agenda perubahan yang dicadangkan oleh pemimpin negara. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos dalam petikan ucapan tersebut yang mampu membangkitkan rasa bimbang dalam kalangan khalayak, sekali gus memperkukuh dorongan untuk tindakan bersama serta meningkatkan penerimaan rakyat terhadap agenda reformasi yang diketengahkan.

Pathos dalam Ucapan Ucapan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025

Data 10

"Soalan kedua: mengapa dibiarkan begitu lama? Mengapa tidak ada tindakan sebelum ini? Dia tidak menyentuh damir kita, tidak mengetuk hati kita, bertanya mengapa negara yang sudah merdeka, kita yang bicara kuat dan lantang soal Islam, soal dakwah, soal Melayu, soal budaya, tetapi membiarkan ini berlaku? Kan ini penyakit. Dan penyakit ini harus diubati."

T14, P14, DSAI

Data 10 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 10 diambil melalui perenggan 14 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan nada kecewa dan kesal yang mampu membangkitkan rasa bersalah dalam kalangan pendengar. Beliau menyentuh emosi patriotisme dan keagamaan dengan mempertikaikan jurang antara idealisme seperti agama, budaya, dakwah dan realiti amalan rasuah. Petikan disampaikan bertujuan untuk menggerakkan kesedaran moral dan tanggungjawab bersama untuk berubah. Wahl-Jorgensen (2020) menyatakan bahawa emosi memainkan peranan penting dalam membentuk pemahaman, penilaian dan tindakan politik khalayak. Oleh itu, penggunaan pathos dalam petikan ucapan ini berfungsi mencetuskan kesedaran etika dan menggerakkan dorongan ke arah perubahan sosial melalui penggunaan nada

yang sarat dengan emosi.

Pathos dalam Ucapan Ucapan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025

Data 11

"Ini, dalam negara MADANI ini, dia tidak menolak semua yang lama. Ada adat-adat lama yang tidak semestinya ditolak. Tetapi keinginan membawa perubahan itu harus ada, terutama meninggalkan sistem yang *bobrok*, amalan yang kadang-kadang mendewa-dewakan. "Orang yang rasuah ialah biasa, Pak". Kalau dia ada kuasa, dia pegang jawatan, tiak rasuah, bodohlah dia. Ini budaya yang sudah rosak."

T14, P9, DSAI

Data 11 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik pathos (emosi) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 11 diambil melalui perenggan 9 yang dilihat mempunyai elemen pathos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan nada yang tegas dan emosional untuk mengecam normalisasi rasuah dalam masyarakat di Malaysia. Penggunaan nada sindiran dan kecaman ini mampu membangkitkan rasa marah, malu dan penolakan terhadap budaya songsang tersebut dalam kalangan rakyat. Brader (2020) menyatakan bahawa rangsangan emosi dalam komunikasi berfungsi mempengaruhi sikap khalayak serta mendorong tindak balas yang berkesan untuk membentuk penilaian dan tindakan masyarakat. Oleh itu, wujud penggunaan elemen pathos dalam petikan tersebut kerana beliau menyampaikan ucapan dengan nada beremosi, sekali gus mampu menggerakkan kesedaran kolektif serta menimbulkan penolakan terhadap amalan rasuah.

c) Ethos dalam Ucapan Dato' Seri Anwar Ibrahim

Ethos dalam Ucapan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024

Data 1

"Saya tegaskan bukan untuk diganti dengan orang yang guna kuasa yang tolak ansur.

Sehingga sekarang ada yang diberi amanah, diberi amanah untuk menjaga jabatan, menjaga kementerian, menjaga negara tetapi digunakan untuk memperkayakan diri mereka, keluarga mereka atau kroni mereka. Apa bezanya dengan pegawai penjajah? Apa bezanya? Mana akhlak Islamnya? Mana kecintaan kebangsaan negaranya?"

T8, P7, DSAI

Data 1 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 1 diambil melalui perenggan 7 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menunjukkan imej kepemimpinan beliau yang mempunyai integeriti dengan mengkritik secara terbuka pemimpin yang menyalahgunakan amanah. Hal ini mengukuhkan kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang menolak rasuah dan mementingkan keadilan yang berterusan. Bell (2020) menyatakan bahawa kredibiliti pemimpin yang konsisten mampu menzahirkan nilai moral dan etika dalam ucapan. Oleh itu, penegasan terhadap integriti dan keadilan tersebut mampu mengukuhkan kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang berwibawa serta dipercayai oleh rakyat.

Ethos dalam Ucapan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024

Data 2

"Saya tegaskan bukan untuk diganti dengan orang yang guna kuasa yang tolak ansur. Sehingga sekarang ada yang diberi amanah, diberi amanah untuk menjaga jabatan, menjaga kementerian, menjaga negara tetapi digunakan untuk memperkayakan diri mereka, keluarga mereka atau kroni mereka. Apa bezanya dengan pegawai penjajah? Apa bezanya? Mana akhlak Islamnya? Mana kecintaan kebangsaan negaranya?"

T8, P7, DSAI

Data 2 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 2 diambil melalui perenggan 10 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang fungsi Yang di-Pertuan Agong dan perlembagaan negara dengan menampilkan kesetiaan kepada sistem kenegaraan. Penekanan ini meningkatkan keabsahan moral dan politik mesej

yang disampaikan. Weiss (2023) menyatakan bahawa rujukan kepada institusi perlembagaan merupakan elemen penting dalam membina legitimasi kepemimpinan dalam konteks politik Malaysia. Oleh itu, penekanan terhadap kesetiaan kepada sistem perlembagaan tersebut mampu mengukuhkan imej beliau sebagai pemimpin yang mematuhi prinsip undang-undang dan beretika dalam pentadbiran negara.

Ethos dalam Ucapan Hari Malaysia 2024

Data 3

"Saya mulakan tadi dengan menyebut ayat Al-Quran yang bersabit dengan Maulid Nabi Muhammad SAW dan apa kaitannya dengan Malaysia merdeka dan Malaysia bersama Sabah dan Sarawak? Kerana bagi umat Islam, kelahiran Nabi Muhammad SAW itu terutama dalam penghijrahan adalah untuk memerdekakan; bebaskan Malaysia, bebaskan negara, bebaskan daripada pemahaman kolot, bebaskan daripada pemahaman jumud, bebas daripada perkauman sempit, bebas daripada kebencian di antara satu sama lain, bebas daripada menghukum orang dan menzalimi orang, itu semangat agama dan saya percaya ini juga semangat yang dipupuk oleh agama-agama lain yang pelbagai di negara ini."

T9, P1, DSAI

Data 3 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 3 diambil melalui perenggan 1 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan rujukan ajaran Islam sebagai asas moral kepada konsep kemerdekaan dan perpaduan negara. Penggunaan rujukan agama mampu meningkatkan kredibiliti beliau dalam konteks masyarakat Malaysia yang sangat mencintai dan mengamalkan nilai agama dalam kehidupan seharian. Menurut Bell (2020), pemimpin yang mengaitkan mesej politik dengan nilai moral dan agama berupaya meningkatkan kepercayaan khalayak terhadap integriti kepemimpinan mereka. Oleh itu, penekanan terhadap nilai moral yang berasaskan agama ini mampu mengukuhkan imej beliau sebagai pemimpin yang beretika dan dipercayai oleh rakyat.

Ethos dalam Ucapan Hari Malaysia 2024

Data 4

"Inilah semangat yang kita hendak hidupkan di kalangan kita dan saya percaya rakan-rakan, generasi pimpinan sini harus ambil iktibar ini. Tidak ada negeri yang tidak bermasalah tetapi seperti mana yang saya sebut, Timbalan-timbalan Perdana Menteri bersama saya, Menteri-menteri dalam Jemaah Menteri tidak pernah kita putuskan bahawa kalau mahu Malaysia ini berjaya, siapa sahaja yang menjadi Perdana Menteri, siapa sahaja yang menjadi Menteri, siapa sahaja yang menjadi pemimpin, beliau mesti memimpin seluruh rakyat dan bangsa Malaysia."

T9, P9, DSAI

Data 4 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 4 diambil melalui perenggan 9 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menunjukkan diri beliau sebagai pemimpin nasional yang bersifat inklusif dan berpengalaman dalam mengurus kepelbagaian kaum serta wilayah di Malaysia. Kenyataan yang disampaikan oleh beliau membantu mengukuhkan imej beliau sebagai pemimpin yang adil dan berwawasan. Weiss (2023) menegaskan bahawa kepemimpinan inklusif merupakan elemen penting dalam ucapan terutamanya di negara majmuk seperti Malaysia. Oleh itu, petikan ucapan berikut menunjukkan penekanan terhadap nilai keterangkuman yang membantu mengukuhkan kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang mampu menyatukan masyarakat pelbagai latar belakang.

Ethos dalam Ucapan Hari Pekerja 2025

Data 5

"Tidak ada kejayaan dalam usaha kita, sebab itu menghargai, menghargai dari atas sampai ke bawah. Jangan kita ambil sikap yang bukan manusiawi kalau kita kata betul, walakad karamna bani adam, kita angkat darajat manusia, manusia itu jangan dinilai kerana pangkatnya, kerana hartanya, kerana kedudukannya, tetapi kerana kemuliaan budi pekerti dan khidmatnya."

T10, P2, DSAI

Data 5 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 5 diambil melalui perenggan 2 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menekankam tentang kemuliaan hati manusia tanpa mengira status, pangkat mahupun darjat. Penggunaan elemen bahasa arab ini mengukuhkan imej beliau sebagai pemimpin berteraskan nilai moral dan menekankan kehidupan sejagat. Bell (2020) menyatakan bahawa kepemimpinan yang berasaskan nilai etika dan agama meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kejujuran dan keikhlasan pemimpin. Oleh itu, petikan ucapan tersebut menunjukkan penekanan terhadap nilai kemanusiaan dan etika sejagat yang membentuk imej beliau sebagai pemimpin yang berprinsip dan bermoral.

Ethos dalam Ucapan Hari Pekerja 2025

Data 6

"Saya juga pekerja, saudara jangan lupa. Saya ini pekerja dan kita harus berbuat sesuatu. Percaya lah bila kita harus bekerja dan saya harap para pekerja jalankan kerja dengan ikhlas."

T10, P19, DSAI

Data 6 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 6 diambil melalui perenggan 19 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menunjukkan diri beliau sebagai sebahagian daripada golongan pekerja dengan menyatakan tentang latar belakang perjuangan beliau walaupun beliau seorang pemimpin. Hal ini menunjukkan bahawa beliau sangat memahami realiti dan cabaran sebagai seorang pekerja. Menurut van Zoonen (2020), hubungan pemimpin dengan rakyat biasa merupakan strategi penting dalam meraih kepercayaan mereka. Oleh itu, beliau memperlihatkan identiti beliau sebagai sebahagian daripada rakyat dan secara tidak langsung ia membantu mengukuhkan kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang dekat dengan masyarakat dan memahami perasaan mereka.

Ethos dalam Ucapan Majlis Peluncuran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025

Data 7

"Hari ini, kita kata literasi atau kecelikan kewangan. Saya masih ingat semasa 90-an, semasa saya Menteri Kewangan. Kita dikejutkan dengan satu laporan dari UK yang diterbitkan dari kajian oleh bursa di sana, London Stock Exchange, kalau tak salah saya, dan mengejutkan kerana anggapan umum ialah bahawa kadar literasi kewangan dan pelaburan, dan kerana kecanggihan sistem itu yang bermula di sana, tetapi keupayaan menguasai ilmu ini itu paling lemah dan di tahap yang paling rendah."

T11, P2, DSAI

Data 7 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 7 diambil melalui perenggan 2 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang pengalaman peribadi beliau sebagai Menteri Kewangan. Beliau menunjukkan perwatakkan beliau yang mempunyai kuasa dan kredibiliti dengan menyatakan pandangan yang dikemukakan berasaskan pengalaman sebenar dalam pengurusan ekonomi negara Malaysia. Kredibiliti ini penting untuk meyakinkan khalayak bahawa cadangan dan pandangan mengenai literasi kewangan bukan bersifat spekulatif, tetapi ia memerlukan pengetahuan dan pengalaman kepemimpinan terdahulu. Hyland (2020) menyatakan bahawa pembinaan kredibiliti perlu melalui pengalaman yang profesional supaya elemen penting dalam ucapan dapat meningkatkan penerimaan dan keyakinan khalayak terhadap sesuatu hujah. Oleh itu, petikan ucapan tersebut menunjukkan penegasan terhadap pengalaman profesional beliau sebagai pemimpin yang berkebolehan dan berkuasa dalam isu ekonomi negara.

Ethos dalam Ucapan Majlis Peluncuran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025

Data 8

"Tapi peranan saya hanya menggesa sedaya upaya kerana saya yakin akan keupayaan

kita. Saya mewakili satu generasi yang sangat idealistic saya rasa Malaysia ini kalau kita boleh benamkan ini permusuhan kaum, agama dan hanya work, bekerja sebagai satu pasukan dan jayakan semua dan jangan bagi mana-mana masyarakat rasa terpinggir atau tersisih apakah dari kaum mana, daripada agama mana, dari daerah mana, kampung mana, does not matter. Kita harus angkat semua dan kita ada keupayaan, kita ada khazanah yang cukup dan kita ada tenaga yang cukup mahir."

T11, P29, DSAI

Data 8 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 8 diambil melalui perenggan 29 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menunjukkan sikap yang mempunyai moral, intergeriti dan nilai kepemimpinan yang berprinsip sejajar dengan idealisme dan komitmen terhadap perpaduan nasional. Beliau menekankan tentang kerjasama yang perlu diuatamakan tanpa mengira pangkat, kaum, agama mahupun budaya dalam kalangaj rakyat di Malaysia. Menurut Suddaby, Foster dan Quinn Trank (2022) elemen ethos berfungsi untuk meningkatkan tahap kepercayaan khalayak terhadap keikhlasan dan niat murni di sebalik dasar literasi kewangan yang dicadangkan. Oleh itu, petikan ucapan tersebut menunjukkan penegasan beliau terhadap nilai integriti dan komitmen dalam perpaduan membantu beliau membina imej yang positif sebagai pemimpin yang berprinsip serta dipercayai dalam memperjuangkan agenda nasional.

Ethos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2025

Data 9

"Malam ini kita teruskan dengan acara apa yang disebut sambutan Hari belia. Bila di mulakan, kebetulan masa itu saya dalam Majlis Belia Malaysia. Kita gesa. Pada ketika itu Perdana Menteri almarhum Tun Abdul Razak untuk menyokong gagasan Hari Belia. Supaya beri ruang kepada anak muda melontarkan idea mereka dan memberikan pandangan, teguran dan juga tuntutan."

T12, P1, DSAI

Data 9 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 9 diambil melalui perenggan 1 yang dilihat mempunyai elemen

ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan tentang pengalaman peribadi beliau dalam sejarah awal penubuhan Hari Belia. Beliau juga menyebut bahawa dirinya sebagai tokoh yang konsisten memperjuangkan suara anak muda sejak awal penglibatan politiknya. Jackson (2020) menyatakan bahawa pengalaman dan kesinambungan perjuangan merupakan sumber utama pembinaan kredibiliti kepemimpinan. Oleh itu, beliau merujuk kepada pengalaman lampau dan komitmen yang berterusan bertujuan untuk mengukuhkan imej beliau sebagai pemimpin yang konsisten dan berprinsip dalam memperjuangkan aspirasi generasi muda.

Ethos dalam Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2025

Data 10

"Baik, kerana saya rasa pada malam ini, kita tentunya bola sepak menjadi salah satu tarikan yang kuat di kalangan anak muda. Tetapi sepak takraw telah mencatat prestasi yang membanggakan di peringkat *region*, rantau dan juga dunia, dan menarik semua, di bandar dan di desa – hampir setiap kampung dan desa ada pasukan dan permainan sepak takraw. Kita hidupkan kena ada kaitan dengan seni budaya kita, dan oleh itu saya setuju untuk menyegerakan kelulusan penubuhan Akademi Sepak Takraw. YB Hannah Yeoh minta RM6 juta tetapi saya hendak runding tengok kalau boleh potong sikit. Tetapi boleh diluluskan segera supaya boleh siap sebelum akhir tahun ini kalau cepat. Ini Kerajaan MADANI, Kerajaan bekerja."

T12, P6, DSAI

Data 10 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 10 diambil melalui perenggan 6 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menyatakan bahawa kerajaan dibawah pentadbiran beliau berfungsi, cekap dan tersusun. Hal ini kerana sebagai seorang pemimpin Malaysia bukan sekadar hanya memberi ucapan tetapi beliau perlu melaksanakan dasar secara praktikal. Ethos kepemimpinan ini penting dalam mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap legitimasi kuasa (Vatz & Condit, 2021). Oleh itu, petikan ucapan tersebut menunjukkan penekanan terhadap keberkesanan pentadbiran yang membantu membina kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang berwibawa dan diyakini dalam pelaksanaan agenda kerajaan.

Ethos dalam Ucapan Majlis Anugerah Akademik Negara ke-15 2025

Data 11

"Secara peribadi, saya akui dan berbangga dengan sumbangan ilmu oleh ahli-ahli akademik kita yang tidak terhad kepada sumbangan dalam ruang lingkup tempatan sahaja."

T13, P20, DSAI

Data 11 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 11 diambil melalui perenggan 20 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menunjukkan sifat yang rendah diri dan sangat menghormati terhadap golongan akademik melalui nada beliau. Beliau menonjolkan diri beliay sebagai seorang pemimpin yang menghargai ilmu dan memuji intelektual golongan akademik. Pendekatan ini meningkatkan kredibiliti penutur sebagai pemimpin yang berteraskan nilai dan kebijaksanaan. Suddaby, Foster dan Quinn Trank (2022) menegaskan bahawa penggunaan bahasa yang merendah diri dan menghargai pihak lain berfungsi sebagai strategi retorik yang berkesan untuk mengukuhkan legitimasi moral dan simbolik pemimpin. Oleh itu, penghargaan terhadap ilmu dan golongan akademik ini membantu menbina imej beliau sebagai pemimpin yang beretika, bijaksana dan dipercayai oleh rakyat.

Ethos dalam Ucapan Majlis Anugerah Akademik Negara ke-15 2025

Data 12

"Dalam konteks ini juga, saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan saya akan terus memberi dorongan dan dukungan kepada semua IPT. Khususnya dalam usaha meneroka dan mewujudkan bidang-bidang pengajian baharu, termasuk bidang ekonomi, kesejahteraan dan kelestarian."

T13, P33, DSAI

Data 12 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 12 diambil melalui perenggan 33 yang dilihat mempunyai elemen

ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menggunakan kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang mampu membantu dalam memberi sokongan dan dorongan terhadap IPT. Pada petikan tersebut beliau memperlihatkan bahawa sokongan kepada IPT mencerminkan tanggungjawab kepemimpinan dan komitmen terhadap pembangunan ilmu. Ini meningkatkan kepercayaan khalayak terhadap keikhlasan dan kemampuan kerajaan. Menurut Charteris-Black (2020), penggunaan kredibiliti ucapan berfungsi untuk mengukuhkan kepercayaan khalayak terhadap keikhlasan dasar yang dicadangkan, di samping membina hubungan baik yang kukuh antara pemimpin dan masyarakat. Oleh itu, petikan ucapan tersebut menunjukkan penekanan terhadap sokongan beliau kepada IPT, secara tidak langsung ia membina imej beliau sebagai pemimpin yang berprinsip, ikhlas, dan diyakini dalam memperjuangkan pembangunan ilmu negara.

Ethos dalam Ucapan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025

Data 13

"Jadi Quran menekankan tentang keperluan kita bangun daripada kecuaian, kealpaan itu dan mengikrarkan keyakinan kita kepada Allah yang Maha Besar dan berikutnya tentang membersihkan diri dan amal kita."

T14, P3, DSAI

Data 13 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 13 diambil melalui perenggan 3 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menunjukkan bahawa beliau seorang yang sangat menekankan tentang ajaran agama sehingga menggunakan al-Quran sebagai rujukan yang sahih dan tidak boleh disangkal. Beiau memperlihatkan diri beliau sebagai pemimpin yang berlandaskan nilai agama dan kefahaman keilmuan Islam. Ini meningkatkan kredibiliti moral beliau, terutamanya dalam konteks masyarakat Malaysia yang menjunjung nilai agama. Charteris-Black (2020), menyatakan bahawa penggunaan rujukan agama dalam ucapan berfungsi untuk membina kredibiliti moral, terutamanya dalam masyarakat yang menjunjung tinggi terhadap nilai agama. Oleh itu, penggunaan al-Quran sebagai rujukan dalam petikan ucapan tersebut membantu beliau membina perwatakan yang positif sebagai

pemimpin yang berprinsip, beretika, dan dipercayai dari segi moral dan keagamaan.

Ethos dalam Ucapan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2025

Data 14


"Jadi terus ambil Tindakan. Kalau di pejabat saya sendiri tidak terlepas daripada Tindakan, mengapa tidak boleh dari pejabat KSN umpamanya, malah pejabat Peguam Negara atau pejabat Tan Sri Azam dia tidak terlepas. Kalau ini ada, maka kita telah meningkat usaha kita ke peringkat yang paling mulia dari sudut mempertahankan integriti dan kebersiha."

T14, P25, DSAI

Data 14 di atas, menunjukkan penggunaan strategi retorik ethos (kredibiliti) dalam ucapan yang diambil melalui Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Petikan pada data 14 diambil melalui perenggan 25 yang dilihat mempunyai elemen ethos dalam penyampaian PM10 kerana beliau menegaskan tentang ketelusan beliau terhadap isu rasuah dan beliau menekankan bahawa beliau tidak melindungi sesiapa, termasuk dalam lingkaran kuasa sendiri. Hal ini menujukan beliau seorang pemimpin yang berani, adil dan konsisten, sekali gus meningkatkan kepercayaan khalayak terhadap komitmen antirasuah kerajaan. Menurut Suddaby, Foster dan Quinn Trank (2022), strategi retorik berfungsi untuk membina kepercayaan khalayak melalui penegasan nilai moral serta konsistensi tindakan pemimpin dalam ucapan awam. Oleh itu, penekanan terhadap ketelusan dan keberanian dalam menangani isu rasuah dalam petikan ucapan tersebut membantu mengukuhkan imej beliau sebagai pemimpin yang berprinsip, berintegriti, dan dipercayai rakyat.

4.4 Perbandingan Strategi Retorik dalam Ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10

Bahagian ini memperlihatkan proses perbandingan yang dilakukan terhadap dua orang Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Kajian dilakukan ini terdapat persamaan dan perbezaan yang agak ketara apabila data dikeluarkan dan dianalisis. Perbandingan dilihat berdasarkan penggunaan Lima Prinsip Asas Retorik melalui ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 iaitu, dari aspek ciptaan, penguasaan, gaya, penyusunan dan penyampaian.



Rajah 4.1 Perbandingan Berdasarkan Lima Prinsip Asas Retorik

4.4.1 Persamaan

a) Ciptaan (*Invention*)

Pada bahagian ini, dapat dirumuskan bahawa wujudnya persamaan berdasarkan prinsip pertama iaitu, *invention* (ciptaan) melalui idea dan cara yang digunakan oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 semasa menyampaikan ucapan. Dalam prinsip ciptaan, Perdana Menteri ke-7 iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri ke-10 iaitu, Dato' Seri Anwar Ibrahim menunjukkan persamaan dalam aspek idea utama, cara penyampaian, dan penggunaan strategi retorik logos, pathos, dan ethos. Kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ini mementingkan keadilan bersama, dengan memberi fokus terhadap perubahan struktur kerajaan yang terdahulu dan pembelaan terhadap rakyat. Melihat kepada kandungan yang disampaikan oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 ini, mereka menggunakan cara tersendiri bersesuaian dengan keadaan dan masa ucapan yang ingin disampaikan. Manakala bagi pemilihan bahan yang digunakan semasa berucap juga dilihat berkesan dan memberi impak kepada pendengar.

Selain itu, melalui aspek penyampaian Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih menegaskan perkara yang dianggap benar dengan berani dan tegas manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim pula, lebih bersederhana dan terbuka. Namun, kedua-duanya tetap konsisten dalam mempertahankan prinsip moral Malaysia di pentas antarabangsa. Selain itu, melalui strategi retorik iaitu, aspek ethos, Tun Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan keberanian dan keyakinan beliau dalam memperjuangkan negara Malaysia yang dilihat sederhana namun mempunyai identiti yang tersendiri manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim menunjukkan keberanian dan keyakinan dalam memperjuangkan nilai kemanusiaan dan keadilan. Dari sudut pathos pula, kedua-duanya menggerakkan emosi penonton dengan mengajak rakyat untuk turut serta dalam usaha membangunkan negara serta menaiktaraf ekonomi di Malaysia. Seterusnya, melalui penggunaan logos, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan perkara fakta dan logik berkaitan penyalahgunaan kuasa serta ketidakadilan dalam sistem antarabangsa, manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim menggunakan data mengenai ketidakseimbangan ekonomi dan kemiskinan yang dihadapi rakyat. Secara keseluruhannya, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ini, mengaplikasikan prinsip

ciptaan dengan menghubungkan strategi retorik logos, pathos, dan pathos secara seimbang untuk mengukuhkan hujah mereka bagi meraih sokongan.

Berikut merupakan contoh petikan ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mempunyai prinsip *invention* (ciptaan):

Tun Dr. Mahathir Mohamad:

Ucapan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018

"Setinggi-tinggi kesyukuran, Alhamdulillah saya lafazkan ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita berhimpun pada hari ini di Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dengan mengibar Jalur Gemilang sebagai tanda kegembiraan dan kesyukuran kita bagi tahun 2018."

T1, P1

Dato' Seri Anwar Ibrahim:

Ucapan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024

"Merdeka ini hanya difahami, mampu dimengerti dan dimaknai sekiranya kita menyingkap lembaran sejarah. Tidak ada negara yang merdeka secara tidak semena-mena, ia memerlukan pengorbanan, visi dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu dengan keringat, darah dan air mata. Ia menuntut pengorbanan tentera, polis yang pada masa itu dipanggil homeguard, pejuang-pejuang kebangsaan dan ramai rakyat dalam mempertahankan negara."

T8, P1

b) Penguasaan (*Memory*)

Pada prinsip ketiga iaitu, penguasaan dapat dilihat wujud persamaan penggunaan prinsip ini antara kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10

kerana mereka mampu menguasai skrip ucapan tanpa perlu menghafal dan mereka juga peka dengan tajuk serta maklumat yang ingin disampaikan kepada pendengar. Penguasaan dari aspek bahasa yang jelas dan kemas membuktikan bahawa kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ini mempunyai perwatakan yang mampu membuat para pendengar yakin dengan apa yang disampaikan.

Selain itu, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia Ke7 dan ke-10 iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim menunjukkan tahap penguasaan yang sangat memuaskan semasa mereka menyampaikan ucapan formal mahupun tidak formal. Terdapat beberapa persamaan yang dapat dikenal pasti melalui prinsip ini iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim tidak bergantung sepenuhnya terhadap teks yang disediakan semasa menyampaikan ucapan dan sentiasa berucap secara langsung tanpa perlu menghafal teks. Mereka lebih memberi fokus kepada penonton yang sedang mendengar. Mereka berbicara terus dari ingatan dan perkara ini, menunjukkan bahawa keyakinan tinggi terhadap penguasaan isi kandungan. Ini membolehkan penyampaian mereka lebih spontan dan berinteraksi secara semula jadi dengan penonton. Selain itu, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ini mengendalikan unsur ucapan dengan sangat bagus. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim menonjolkan bakat dan kebolehan untuk menyusun kandungan ucapan secara strategik. Mereka menyampaikan ucapan dengan sangat lancar dan memberi hujah mengikut logik membuktikan bahawa bukan sahaja ingatan terhadap kandungan, namun juga struktur keseluruhan ucapan. Seterusnya, penggunaan bahasa Melayu dan English yang fasih dan lancar. Penggunaan *memory* (penguasaan) ini, sangat membantu dalam memperkukuh setiap bahasa yang diujarkan. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim sangat bijak dalam mengolah ayat yang ingin disampaikan dan mereka mampu menyesuaikan situasi dengan gaya bahasa yang spontan dan mudah difahami oleh penonton sekali gus membolehkan mereka menggunakan nada dan intonasi ucapan yang konsisten mengikut konteks tanpa kehilangan fokus.

Di samping itu, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ini, berkebolehan dalam memberi rujukan sejarah atau fakta tanpa perlu melihat teks ucapan. Melalui ucapan yang mereka sampaikan, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ini banyak merujuk kepada sejarah yang berlaku, statistik dan pengalaman yang lampau. Hal ini, membuktikan bahawa bukan sahaja mereka mempunyai keupayaan terhadap ingatan yang baik, namun keupayaan dalam mengintegrasikan serta mempelbagaikan rujukan

tersebut dalam hujah mereka secara semula jadi juga dapat memperkukuhkan kredibiliti ucapan. Oleh itu, prinsip ini, menunjukkan bahawa daya ingatan yang kuat merupakan satu kemahiran yang penting dalam strategi retorik. Prinsip ini bukan sahaja memperlihatkan kebolehan mereka dalam menguruskan kandungan dan emosi, namun ia sebagai cerminan terhadap tahap kefasihan, kelancaran, kebolehan dan kesediaan mereka dalam menyampaikan ujaran atau pesanan kepada penonton atau pendengar. Dengan prinsip ini juga, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim dilihat berjaya mewujudkan komunikasi yang berkesan dan meyakinkan identiti kepemimpinan masing-masing di mata masyarakat.

Berikut merupakan contoh ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mempunyai prinsip *memory* (penguasaan):

Tun Dr. Mahathir Mohamad:

Ucapan Hari Malaysia 2019

Contoh Ucapan 1:

"Inilah yang menjadikan kita unik berbanding Negara-Negara lain, kerana kita terus hidup aman, damai dan harmoni setelah bersetuju bersatu dengan Pembentukan Malaysia sejak tahun 1963. Pembentukan ini menyelamat kita dari lain-lain tuntutan yang mengancam kita"

T2, P3

Contoh Ucapan 2:

"Saya harap kita semua tidak lupa bahawa kesepakatan penyatuan ini perlu difahami dan dihayati oleh segenap rakyat Malaysia. Perbezaan pendapat antara kita adalah perkara biasa terutama apabila kita tidak lagi terancam. Ia perlu dirai dan dihargai, dan bukan dijadikan faktor perpecahan. Perbezaan pendapat ini perlu dibincang untuk mencari penyelesaian yang terbaik bagi kita semua. 16 SEPTEMBER HARI MALAYSIA."

T2, P4

Dato' Seri Anwar Ibrahim:

Ucapan Hari Malaysia 2024

Contoh Ucapan 1:

"Ini adalah satu tema yang kita harus faham, apakah Sabah sudah merdeka? ya, Sarawak merdeka, Semenanjung Tanah Melayu merdeka tetapi jiwa merdeka itu ertinya bukan sahaja menolak pimpinan Inggeris, pimpinan orang asing tetapi menggantikan dengan pimpinan peribumi, pimpinan rakyat yang punyai jiwa merdeka yang bekerja dan berkhidmat untuk tidak memperkayakan diri mereka tetapi membela nasib rakyat. Inilah yang kita tekankan dalam negara kita. Sebab itu program-program pembangunan mesti diteruskan."

T9, P3

Contoh Ucapan 2:

"Saya mendengar dan meneliti pidato dari YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji Haji Noor dan sebelum ini dengan sahabat saya Premier Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari di Sarawak, bahawa kita harus lihat seperti mana bapa-bapa, ibu-ibu kita terdahulu di mana negara ini harus mencatat kemajuan, melihat satu kesatuan dan memahami sejarah yang getir, Malaysia itu dibentuk dalam keadaan pertarungan sengit, dua kuasa besar pada ketika itu dan kita tersepit di tengah-tengah Lautan China Selatan dan pada masa itu, berbeza dengan sekarang, kita hadapi negara jiran kita yang kini sahabat karib iaitu, Indonesia di bawah Presiden Soekarno melancarkan serangan Ganyang-Malaysia kerana tidak mahu Sabah dan Sarawak merdeka bersama Malaysia kerana cita-cita mereka untuk menjadikan Kalimantan hak milik mereka. Itu adalah sejarah."

T9, P4

4.4.2 Perbezaan

a) Penyusunan (*Arrangement*)

Pada prinsip kedua ini wujud perbezaan dari aspek permulaan ucapan dan isi kandungan. Pada permulaan ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad hanya memberi salam dan tidak menyebut setiap nama orang penting semasa sesi ucapan berlangsung manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim pula beliau memberi salam disertakan dengan menyebut setiap nama orang yang penting sebelum memulakan ucapan beliau. Selain itu, perbezaan dari sudut gaya penyusunan ucapan oleh dua orang Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Gaya yang digunakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih bersifat terang dan jelas iaitu, beliau menyusun setiap ucapan beliau dari satu langkah ke satu langkah, bermula dari latar belakang isu semasa dan diikuti dengan sebab, masalah dan cara penyelesaian disertakan juga dengan seruan kepada rakyat untuk sama-sama bertindak dalam menyelesaikan masalah pada akhir ucapan beliau. Manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim pula menggunakan gaya ucapan yang tidak tersusun dan bersifat modular dalam ucapan beliau. Beliau sentiasa membahagikan ucapannya kepada tema yang lebih kecil. Setiap tema disertakan dengan hujah yang mengikut logik serta padat dengan fakta dan beliau lebih bersufat spontan dalam berpindah dari satu tema ke tema yang lain bergantung kepada sitauasi yang dihadapi oleh penonton atau pendengar.

Seterusnya, perbezaan dalam mengutamakan sejarah atau peristiwa yang pernah berlaku. Dalam hal ini, menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih mengutamakan latar belakang sejarah dan perkembangan isu semasa secara tersusun. Sejarah atau peristiwa yang digunakan dalam ucapan beliau adalah bertujuan untuk membolehkan kerajaan untuk bertindak tindakan atau menumbuhkan dasar kerajaan yang baru. Manakala, Dato' Seri Anwar Ibrahim pula lebih menggunakan Sejarah atau peristiwa yang bersifat peribadi, cerita rakyat atau tentang perjuangan sosial untuk meraih simpati dan empati pendengar atau penonton. Di samping itu, perbezaan terhadap teknik pengulangan secara strategik dalam ucapan kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat kurang mengulangi setiap apa yang diucapkan terutama tentang isi yang penting dalam ucapan beliau dan setiap isi yang penting akan diperkenalkan dan dihuraikan sekali dengan jelas serta mudah difahami. Manakala, Dato' Seri Anwar Ibrahim lebih banyak mengaplikasikan teknik pengulangan terhadap frasa dan tema yang utama untuk memperkukuh ingatan penonton serta meraih emosi penonton. Perbezaan dalam prinsip ini, membuktikan bahawa setiap pemimpin mempunyai cara komunikasi tersendiri. Dapat dilihat, Tun Dr. Mahathir menggunakan penyusunan yang lebih

rasional, sistematik, dan jelas untuk menegaskan fakta dan logik. Dato' Seri Anwar Ibrahim pula, lebih mementingkan teknik pembahagian yang bersifat emosional untuk memberi fokus terhadap hubungan dengan rakyat. Kedua-dua teknik yang digunakan oleh mereka mempunyai kelebihan dalam memperkukuh kewibawaan dan kredibiliti sebagai pemimpin negara Malaysia.

Berikut merupakan contoh ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mempunyai prinsip *arrangement* (penyusunan):

Tun Dr. Mahathir Mohamad:

Ucapan Sempena Hari Belia Negara 2019

1. Pengenalan

Beliau memulakan ucapan dengan ungkapan kesyukuran, diikuti dengan penjelasan tentang kepentingan majlis dan penghargaan kepada golongan belia yang hadir.

2. Latar Belakang Politik Semasa

Beliau menyusun ucapan dengan menyatakan konteks sejarah dan politik, khususnya peranan belia dalam perubahan kerajaan.

3. Peralihan kepada Tanggungjawab dan Cabaran Masa Depan

Beliau menegaskan bahawa kejayaan bukan penamat, sebaliknya permulaan kepada cabaran yang lebih besar.

4. Peranan Belia dan Cabaran Nasional

Beliau menggariskan cabaran utama yang perlu dihadapi oleh belia seperti integriti dan rasuah, teknologi maklumat, Revolusi Perindustrian Keempat, serta isu ekonomi dan pekerjaan.

5. Cadangan Penyelesaian

Beliau menyetakan tentang cadangan Malaysia *Future Leaders School*, *Youth Power*, peruntukan kewangan, dan penglibatan belia dalam kepemimpinan.

6. Penutup

Ucapan diakhiri dengan penghargaan, harapan terhadap belia, serta pengisytiharan rasmi perasmian sambutan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim:

Ucapan Sambutan Hari Belia Negara 2025

1. Pembukaan Ucapan

Beliau memulakan ucapan dengan salam panjang, puji-pujian kepada Tuhan dan selawat, diikuti dengan menyebut nama tokoh penting dan khalayak.

2. Pengenalan Tema Utama

Beliau menyusun hujah dengan menyatakan tentang naratif peribadi dan sejarah tentang Hari Belia serta penglibatan beliau dalam Majlis Belia Malaysia.

3. Penyusunan Modular: Tema Kecil

Beliau menyatakan tentang peranan belia dalam perubahan politik, dasar pendidikan dan TVET, keyakinan, iman dan ilmu, sukan dan budaya belia, ekonomi, pekerjaan dan pelaburan, integriti, antirasuah dan tadbir urus.

4. Penggunaan Pengulangan

Beliau menggunakan pengulangan perkataan dan konsep seperti "yakin," "anak muda", "Kerajaan MADANI," "integriti" dan "pencerahan" sebagai alat untuk menyatukan ucapan, supaya ucapan beliau lebih spontan.

5. Peralihan Topik Berdasarkan Situasi dan Interaksi

Beliau memindahkan satu topik ke topik yang lain dengan cara berseloroh, respon kepada individu tertentu dan reaksi terhadap khalayak.

6. Penutup

Beliau menutup ucapan dengan menyatakan kesimpulan, menegaskan tentang antirasuah, menyeru semnagat moral kepada

belia muda dan menyatakan tentang nilai keberanian.

b) Gaya (*Style*)

Pada prinsip keempat iaitu, gaya bahasa wujud perbezaan kerana kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ini. Mereka mempunyai gaya yang tersendiri semasa berucap iaitu, penggunaan gaya bahasa yang bersifat formal dan gaya bahasa kiasan. Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat lebih banyak mengaplikasikan gaya bahasa formal, jelas, dan langsung. Beliau lebih mengutamakan penggunaan bahasa yang rasional, logik dan berstruktur, dengan sedikit penggunaan bahasa kiasan untuk mengelakkan salah faham oleh pendengar atau penonton. Manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim pula, banyak mengaplikasikan gaya bahasa yang berkias, emotif dan bercorak. Dato' Seri Anwar Ibrahim lebih suka menambah ucapan beliau dengan gaya bahasa seperti metafora, kiasan, analogi, dan unsur puisi bertujuan untuk menjadikan ucapannya lebih dramatis dan beremosi. Selain itu, perbezaan terhadap penggunaan nada yang berbentuk emosional dan rasional dalam ucapan mereka pula, dilihat Tun Dr. Mahathir Mohamad menggunakan nada yang rasional. Setiap ucapan yang beliau sampaikan, beliau akan sedaya upaya memujuk pendengar dengan menggunakan fakta, statistik dan logik. Hal in, menunjukkan bahawa beliau mempunyai pemikiran yang sangat matang. Manakala, Dato' Seri Anwar Ibrahim pula, lebih kepada penggunaan nada yang emosional dan bersemangat. Beliau lebih banyak menyeru kepada perasaan yang sama rata, perjuangan, dan harapan, menjadikan ucapannya lebih membangkitkan semangat penonton. Seterusnya, perbezaan pada susunan ayat yang panjang dan bervariasi dapat dilihat bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih menggunakan susunan ayat yang panjang dan kompleks. Hal ini, menunjukkan Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pemikiran yang teliti yang mampu menjana idea-idea yang luar dari jangkaan penonton. Manakala, Dato' Seri Anwar Ibrahim pula, lebih kearah penggunaan susunan ayat yang bervariasi. Dalam ucapan beliau terdapat ayat yang pendek bagi tujuan penekanan terhadap isu yang cuba disampaikan dan ayat yang panjang untuk dihuraikan supaya penonton lebih nampak dan jelas dengan perkara yang cuba disampaikan. Ucapan bervariasi ini boleh menjadikan ucapan beliau lebih bertenaga dan semangat. Oleh itu, prinsip ini, membuktikan bahawa setiap pemimpin mempunyai kewibawaan dan cara tersendiri semasa menyampaikan

ucapan mereka.

Berikut merupakan contoh ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mempunyai prinsip *style* (gaya):

Tun Dr. Mahathir Mohamad:

Ucapan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019

Contoh Ucapan 1:

"Pelan ini disediakan melalui satu proses yang mengambil kira aspirasi dan harapan rakyat Malaysia dalam perjalanan memerangi rasuah. Ianya bersandarkan bukti-bukti empirikal daripada hasil analisis kajian dan data tangkapan serta laporan audit yang terkini. Ianya juga mengambil semangat yang terkandung dalam manifesto kerajaan Pakatan Harapan dan laporan daripada Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (Institutional Reforms Committee--IRC)."

T7, P22

Contoh Ucapan 2:

"Enam bidang utama ini sekiranya tidak ditangani, masalah rasuah dalam negara akan menjadi lebih parah daripada apa yang telah kita lihat sebelum ini. Kerana itu kita menekankan pelaksanaan enam strategi untuk enam bidang keutamaan ini:

a.Pertama sekali ialah mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam perolehankerajaan;

b.Kedua, menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang;

c.Ketiga, memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik;

d. Keempat, memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat;

e. Kelima, memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan

f. Yang keenam, mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman."

T7, P27

Dato' Seri Anwar Ibrahim:

Ucapan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (Hara) Tahun 2025

Contoh Ucapan 1:

"Saya tertarik dengan isu rasuah, integriti yang terkait dengan nilai untuk membersihkan. Dan ini seperti mana pernah saya lontarkan berdasarkan surat-surat Al-Quran yang awal – Surah Al-Muzzammil, Surah Al-Muddaththir, di mana peringkat awal kefahaman Islam itu adalah mengingatkan kita supaya jangan terus alpa, jangan seolah-olah celik tapi ketiduran. Dalam suasana yang lemah longlai."

T14, P2

Contoh Ucapan 2:

"Jadi oleh itu, saya kira kita harus tanam keyakinan tentang tatakelola, bersih, integriti sebagai nilai ketahanan diri dan keyakinan. Masalahnya kita ini, kita bicara tapi tidak terpancar dari hati nurani yang menginginkan kebersihan, kebaikan yang menuntut perubahan. Mana mungkin berlakunya suatu keadaan integriti yang lebih baik, tatakelola yang lebih baik, ekonomi yang lebih baik, sistem keadilan yang lebih baik, kalau tidak ada nilai yang dipupuk, kemudian 'wa 'amila solihan' – dengan amal tindakan."

T14, P6

c) Penyampaian (*Dlivery*)

Pada prinsip yang kelima ini wujud perbezaan dari aspek suara, pergerakan tangan dan ekspresi muka kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat tidak banyak menggunakan pergerakan tangan semasa berucap dan suara beliau lebih tenang semasa berucap. Beliau juga tidak menunjukkan emosi atau ekspresi muka namun mampu menarik perhatian pendengar manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim banyak menggunakan pergerakan tangan, badan dan kaki semasa berucap dan ekspresi muka menunjukkan beliau sangat beremosi. Penggunaan nada suara dan intonasi juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan ucapan. Hal ini, terdapat perbezaan

dari aspek nada suara dan intonasi yang digunakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad iaitu, lebih stabil, rendah dan terkawal. Intonasi yang digunakan juga, sangat konsisten walaupun terdapat perubahan terhadap emosi namun beliau lebih mengutamakan sifat rasional dan tegas dalam ucapannya. Berbeza dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sering menggunakan nada suara dan intonasi yang tidak konsisten dinamik dan penuh emosi. Beliau akan menggunakan nada yang tinggi untuk menekankan mesej yang penting dan menggunakan nada yang rendah untuk meraih sokongan atau simpati.

Selain itu, perbezaan dalam kelajuan semasa menyampaikan ucapan, iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan beliau dengan kelajuan yanga sederhana, beliau akan berhenti di antara hujah untuk memberi ruang kepada penonton atau memproses setiap mesej atau pesanan yang diberikan. Berbanding dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang kadangkala menyampaikan ucapan beliau dengan laju, terutamanya ketika membangkitkan isu-isu emosional dan beliau akan memperlahankan semula untuk mendapatkan kesan dramatik terhadap emosi penonton. Seterusnya, perbezaan pada tingkah laku dan bahasa badan yang digunakan oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 iaitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai tingkah laku yang minimal. Tangan beliau akan sentiasa berada di podium atau bergerak perlahan, selari dengan gaya penyampaian beliau yang tenang dan berwibawa. Manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim pula lebih aktif dalam penggunaan tangan, ekspresi wajah, dan pergerakan badan. Beliau tidak akan duduk atau berdiri di satu tempat malah beliau akanbergerak mendekatkan dirinya dengan penonton. Hal ini, menunjukkan bahawa beliau lebih banyak berinteraksi dengan penonton berbanding Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kurang berinteraksi dengan penonton serta meletakkan jarak antara dirinya dan penonton. Prinsip penyampaian ini penting untuk menunjukkan kesungguhan seseorang pengucap. Sekiranya pengucap pandai menggunakan ekspresi muka, suara dan pergerakan maka perkara itu boleh membantu mereka untuk mendapat sokongan pendengar.

Berikut merupakan contoh ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mempunyai prinsip *delivery* (penyampaian):

Tun Dr. Mahathir Mohamad:

Ucapan Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional 2019

Contoh Ucapan 1:

"Alhamdulillah, kita dapat berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Majlis Sambutan Hari Pekerja Tahun 2019. Syabas kepada pihak kesatuan sekerja dan pihak majikan atas komitmen tinggi bagi bersama-sama menjayakan sambutan ini, khususnya kepada lebih 14 juta warga pekerja dalam sektor awam dan swasta."

T3, P1

Contoh Ucapan 2:

"Pekerja Amanah Aspirasi Negara' adalah tema Hari Pekerja tahun ini. Marilah kita semua melaksanakan tanggungjawab dengan amanah dan integriti bagi memacu kemakmuran negara. Hubungan baik antara kerajaan, pekerja, dan majikan menjadi pendorong kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun kadangkala pendapat kita berbeza, akhirnya penyelesaian menang-menang tercapai dan memberi manfaat kepada rakyat dan negara."

T3, P2

Contoh Ucapan 3:

"Saya ingin ambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada majikan dan pekerja yang bakal menerima anugerah sempena Sambutan Hari Pekerja 2019. Semoga mereka menjadi contoh kepada warga kerja dan para majikan yang lain. Akhir kata, Selamat Hari Pekerja kepada seluruh warga pekerja di Malaysia. Marilah kita hayati tema sambutan tahun ini – 'Pekerja Amanah Aspirasi Negara' – dan menjadikannya kenyataan."

T3, P19

Dato' Seri Anwar Ibrahim:

Ucapan Hari Pekerja 2025

Contoh Ucapan 1:

"Hari ini Hari Pekerja. Kita datang untuk memperingatkan bukan saja pekerja, majikan, rakyat dan pemimpin. Tanpa pekerja, tidak ada hospital megah, tidak ada

keselamatan yang terjamin. Jadi saya harap sambutan ini memberi peringatan kepada semua dan menimbulkan perubahan sikap."

T10, P1

Contoh Ucapan 2:

"Sistem Saraan Penjawat Awam yang baharu naikkan gaji lebih tinggi bagi yang di bawah, kerana kita tidak mahu negara ini makmur hanya untuk sebilangan kecil. Semua pekerja — frontliners, tukang cuci, technician — mereka semua berkorban. Hargai dari atas sampai ke bawah. Jangan nilai manusia kerana pangkat atau harta, tetapi kerana budi pekerti dan khidmatnya"

T10, P2

4.4 Kesimpulan

Bab Secara keseluruhannya, sebanyak tiga persamaan dan tiga perbezaan yang dijumpai berdasarkan 6 subtopik iaitu, penggunaan strategi retorik, struktur ucapan yang teratur, penekanan isu semasa, penyusunan isi ucapan, gaya penyampaian dan keterlibatan pendengar dan penonton. Melalui 6 subtopik ini, wujud 3 persamaan dalam penggunaan strategi retorik, struktur ucapan yang teratur dan penekanan isu semasa manakala wujud 3 lagi perbezaan dalam penyusunan isi ucapan, gaya penyampaian dan keterlibatan pendengar dan penonton yang diperoleh daripada hasil penelitian ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10.

Bab ini juga menegaskan bahawa ketiga-tiga objektif kajian telah dicapai melalui analisis yang berasaskan teori retorik Aristotle. Dapatan kajian ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman tentang penggunaan retorik dalam ucapan kepemimpinan, malah menyokong perbincangan teori dalam Bab 2 serta menjadi rujukan untuk kajian berkaitan pada masa hadapan.

BAB 5
KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang hasil kajian utama dengan merujuk semula kepada objektif kajian, persoalan kajian, serta kerangka teori yang digunakan. Pada bab ini juga, hasil kajian daripada analisis ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10 dalam Bab 4 dibincangkan secara meluas dalam konteks strategi retorik yang dikenal pasti, dan bagaimana strategi tersebut mencerminkan gaya kepemimpinan serta agenda politik masing-masing.

Silverman (2013), menyatakan perbincangan hasil kajian tidak hanya terhad kepada penyampaian hasil dapatan namun, ia harus melibatkan interpretasi mendalam berdasarkan konteks sosial dan teori yang digunakan. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini akan mengaitkan penggunaan strategi ethos, pathos dan logos dalam kedua-dua ucapan Perdana Menteri Malaysia dengan kerangka retorik Aristotle.

Bab ini juga membicarakan tentang sumbangan kajian terhadap bidang retorik politik dalam konteks Malaysia dan cara hasil analisis ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas mengenai penggunaan bahasa sebagai alat pengaruh dalam ucapan yang berunsurkan politik. Bhatia (2006), menyatakan bahawa ucapan politik merupakan perkara penting dalam pembentukan ideologi dan kuasa. Oleh itu, analisis terhadap bahasa dapat memberi nilai akademik dan praktikal dalam bidang komunikasi politik. Akhir sekali, bab ini merumuskan keseluruhan dapatan kajian serta mengemukakan cadangan untuk penyelidikan lanjutan pada masa akan datang.

5.2 Rumusan kajian

Secara Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga strategi retorik utama dalam Teori Retorik Aristotle iaitu, logos, pathos dan ethos digunakan oleh kedua-dua Perdana Menteri, namun dengan kadar yang berbeza. Penggunan logos dalam ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah sebanyak 21 manakala Dato’ Seri Anwar Ibrahim

pula adalah sebanyak 14. Selain itu, penggunaan pathos dalam ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah sebanyak 10 manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim pula sebanyak 11. Seterusnya, penggunaan ethos dalam ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah sebanyak 10 manakala Dato' Seri Anwar Ibrahim pula sebanyak 14. Hal ini, menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih banyak menggunakan strategi retorik logos berbandingan pathos dan ethos dalam ucapan beliau. Berbeza dengan Dato' Anwar Ibrahim, beliau lebih banyak menggunakan dua strategi retorik iaitu, logos dan ethos manakala kurang menggunakan pathos dalam ucapan beliau. Hal ini, menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih banyak menggunakan strategi retorik logos berbandingan pathos dan ethos dalam ucapan beliau. Berbeza dengan Dato' Anwar Ibrahim, beliau lebih banyak menggunakan dua strategi retorik iaitu, logos dan ethos manakala kurang menggunakan pathos dalam ucapan beliau. Seterusnya, sebanyak dua persamaan dan tiga perbezaan yang dijumpai berdasarkan lima prinsip asas retorik ini iaitu, persamaan di bawah prinsip Ciptaan (Invention) dan penguasaan (memory) manakala perbezaan pula di bawah prinsip penyusunan (arrangement), gaya (style) dan penyampaian (delivery). Kelima-lima prinsip ini penting dalam membantu penyampai untuk menyampaikan ucapan yang tersusun dan kemas.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa retorik memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej yang berkesan kepada khalayak. Penguasaan prinsip dan strategi retorik bukan sahaja mencerminkan keupayaan seorang pemimpin dalam berkomunikasi, malah turut mempengaruhi persepsi dan penerimaan masyarakat terhadap sesuatu ucapan. Hasil kajian memperlihatkan penggunaan strategi retorik seperti logos, pathos dan ethos saling melengkapi dalam memperkukuh mesej kepemimpinan, terutamanya dalam konteks ucapan rasmi dan dasar awam. Kajian ini turut menunjukkan bahawa penggunaan logos menjadi elemen yang dominan dalam ucapan politik kerana ia berupaya mewujudkan pemikiran logik terhadap khalayak. Dalam masa yang sama, penggunaan pathos berperanan dalam menyokong emosi khalayak dan penggunaan ethos berperanan dalam menunjukkan perwatakan dan kredibiliti seseorang pemimpin semasa menyampaikan ucapan.

Hasil ini selari dengan hasil dapat melalui kajian lepas seperti Ismail & Muhammad (2022) yang menyatakan bahawa keseimbangan dalam penggunaa strategi retorik ini membolehkan mesej politik disampaikan secara lebih meyakinkan dan berkesan dalam konteks komunikasi. Kesan terhadap penggunaan strategi retorik

dalam kepemimpinan secara tidak langsung dapat menambah lagi ilmu dalam bidang retorik serta membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan dalam konteks kepemimpinan dan komunikasi awam di Malaysia. Penemuan ini juga dapat mengukugkan keperluan untuk memahami strategi retorik sebagai satu bentuk strategi komunikasi yang bukan hanya terhadap retorik semata-mata, tetapi penuh dengan kesan terhadap penerimaan dan tindakan khalayak.

5.3 Sumbangan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada ahli politik dalam memahami serta menggunakan strategi retorik yang berkesan semasa menyampaikan ucapan kepada khalayak. Melalui penguasaan strategi retorik yang tepat dan betul, seseorang ahli politik itu bukan sahaja dapat menarik perhatian khalayak tetapi juga mampu membina perwatakan, menyampaikan ucapan dengan lebih yakin dan mendapat sokongan yang positif daripada khalayak. Seseorang ahli politik tidak akan dapat melontarkan ucapan, hujahan atau pujukan untuk mendapatkan sokongan rakyat tanpa penggunaan retorik. Hal ini, dapat memberi pendedahan kepada ahli politik tentang perkara asas yang perlu ada pada diri mereka sebelum melibatkan diri dalam pengucapan awam. Justeru, perkara ini dapat melahirkan ahli politik pada masa akan datang yang lebih kreatif dan mempunyai idea serta ilmu yang luas untuk disampaikan kepada pendengar.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada perkembangan bidang retorik, khususnya dalam aspek perbandingan penggunaan strategi retorik dalam ucapan politik. Walaupun kajian-kajian terdahulu banyak memberi tumpuan kepada analisis terhadap ucapan pemimpin politik, kajian ini menawarkan pendekatan yang berbeza dengan memberi fokus terhadap perbandingan strategi retorik antara dua tokoh pemimpin negara, iaitu, Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. Pendekatan perbandingan ini bukan sahaja menunjukkan persamaan dan perbezaan dalam gaya komunikasi kedua-dua pemimpin namun turut membuka ruang dalam memahami bagaimana konteks dunia, latar belakang politik, dan perwatakan mempengaruhi penggunaan strategi retorik dalam ucapan. Pemilihan dua tokoh yang pernah menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia pada era politik yang berbeza menjadikan kajian ini lebih signifikan dan

relevan untuk dianalisis.

Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat menjadi sumber rujukan berguna kepada kajian akan datang terutamanya dalam memahami seni retorik dari sudut teori dan aplikasi. Kajian ini turut menerangkan tentang teori retorik Aristotle secara lebih mendalam. Penerangan ini bertujuan untuk memudahkan pencarian dan pemahaman terhadap teori retorik Aristotle kerana maklumat berkaitan teori tersebut agak terhad terutamanya dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini mampu menambahkan ilmu bidang retorik pada masa akan datang.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini dilakukan untuk membantu para pengkaji untuk terus menjalankan kajian berkaitan penggunaan strategi perbandingan retorik dalam ucapan. Hal ini, disebabkan oleh maklumat tentang perbandingan yang agak terhad. Namun begitu, kajian ini sebenarnya sangat seronok untuk dijalankan dan mampu menarik minat pengkaji serta membuka mata mereka untuk melopori strategi ini. Kajian ini boleh dijadikan trend pada masa hadapan sama ada melalui bidang retorik atau bidang-bidang lain yang sesuai dengan strategi perbandingan ini. Usaha untuk memperluaskan lagi kajian strategi perbandingan dan bidang retorik ini perlu ditekankan agar ia tidak dilupakan serta dipandang remeh.

Selain itu, penguasaan ketiga-tiga strategi retorik Aristotle wajar diberi perhatian kerana sebagai penulis, kita dapat menghasilkan ayat yang lebih tersusun, jelas, dan mudah difahami oleh pembaca. Teknik retorik diaplikasikan adalah untuk memastikan data dan sesuatu mesej yang disampaikan melalui isi hati penulis dapat dikongsi dan dirasai oleh pembaca. Oleh itu, retorik ini merupakan sudut yang utama dan harus ada pada setiap penulis dalam menyampaikan buah fikiran, data dan mesej kepada pembaca serta dapat membantu dalam memberi pengaruh kepada emosi pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana cabang retorik ini dapat membantu penulis dalam menghasilkan sebuah karya yang memberi kebaikan serta memberi nilai positif pada setiap individu.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini perlu dilaksanakan untuk membuktikan bahawa wujud penggunaan strategi retorik dalam sesebuah ucapan bagi melahirkan ucapan yang berseni dan kreatif. Setiap individu perlu menguasai ilmu pengetahuan berkaitan retorik ini bagi mewujudkan corak dalam komunikasi malah komunikasi akan dilihat sempurna, betul, berkesan dan mempunyai nilai estetika yang tinggi. Selain itu, kelebihan menguasai retorik yang telah dibincangkan dalam kajian ini membolehkan penulis menghasilkan struktur ayat yang lebih tajam serta mudah difahami oleh pembaca. Strategi retorik diaplikasikan adalah untuk memastikan data dan sesuatu mesej yang disampaikan melalui isi hati penyampai dikongsi dan dirasai oleh pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana cabang retorik ini dapat membantu pengkaji dalam menghasilkan sebuah karya yang memberi kebaikan serta memberi nilai positif pada setiap individu. Justeru, penggunaan retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia yang ke-7 dan ke-10 ini mampu membantu mereka dalam berkongsi buah fikiran dan menjadikan penyampaian mereka mempunyai makna dengan begitu mendalam sehingga meninggalkan kesan kepada para pendengar.

RUJUKAN

Abd Hamid, M., Abdul Jabar, M., Che Rodi, R., & Ab. Halim, A. (2022). Strategi retorik dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak COVID-19 di Malaysia. Jurnal Linguistik, 26(2), 38–51. https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/251/18 1

Abd Hamid, M. F., & Radzi, H. (2020). Struktur tema dalam Manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14. Jurnal Linguistik, 24(1), 109–125. https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/78/68

Abdul Rahman, F., Mohamad, M., & Ismail, S. (2022). Wacana kepemimpinan Perdana Menteri Malaysia ke-9: Analisis kaedah retorik. International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics, 6(4), 38–56. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/76848/1/76848.pdf

Abdul Rohman, M., & Ahmad Sabri, A. Z. S. (2016). Sistem Kad Perakam Waktu (KPW) era kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad di Malaysia. Al-Hikmah, 8(2), 166–183. https://journalarticle.ukm.my/9951/1/210-904-1-PB.pdf

Abidin, M. Z. bin Z., & Ibrahim, M. S. (2023). Komunikasi strategik dalam pengurusan krisis kepimpinan organisasi. Jurnal Pengajian Media Malaysia, 25(2), 35–50. https://doi.org/10.22452/jpmm.vol25no2.3

Abu Bakar, M., & Hamzah, Z. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media cetak. Jurnal Linguistik, 20(1), 10–25. https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/4/2

Abu Bakar, S. (2015). Perbandingan sebagai strategi retorik dalam iklan radio. Jurnal Pendeta,5(9),175–192. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1200/862

Ahmad Abdul Mua'ti@Zamri (2008) Panduan pengucapan awam. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. https://www.academia.edu/36689739/PENGUCAPAN_AWAM

Ahmad, A. (2015). Retorik dalam wacana politik Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aisha, H. (2023). Bahasa retorik sebagai strategi penyampaian khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam. Jurnal Pendeta, 23(1), 65–90.

https://drive.google.com/file/d/16gzJW5jQomDC27DYI03UV7aXyYME4Fmg/view

Akhtar, H., & Azmi, I. A. G. (2017). Komunikasi kepimpinan berkesan [Effective communication for leaders]. Jurnal Syariah, 25(3), 531–562. https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/11775/7853

Ali Imran, H., & Hashim, N. (2022). Retorik naratif dalam teks ucapan Perdana Menteri semasa era pandemik. Bahteradaya 2022: Naradata Bahasa, Sastera dan Budaya II, 1(1), 209–213. https://www.researchgate.net/publication/364737757_Retorik_Naratif_dalam_teks_ucapan_Perdana_Menteri_semasa_era_pandemik

Aristotle. (1984). The complete works of Aristotle: The revised Oxford translation (J. Barnes, Ed.). Princeton University Press. https://archive.org/details/completeworksofa0000aris

Aristotle. (2004). Rhetoric (W. R. Roberts, Trans.). Dover Publications. https://brittlebooks.library.illinois.edu/brittlebooks_open/Books2009-04/copeed0001intari/copeed0001intari.pdf

Aristotle. (2007). On rhetoric: A theory of civic discourse (G. A. Kennedy, Trans.). Oxford University Press. https://www.gpullman.com/8170/texts/Aristotle_On_Rhetoric_A_Theory of_Civic.pdf

Azmi, N. S., & Yusof, M. (2020). Kata “kesangatan” dalam frasa adjektif dialek Terengganu. Jurnal Melayu, 19(1), 124–148. https://journalarticle.ukm.my/14806/1/39252-124703-1-SM.pdf

Azimi, M. N. (2017). Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pembangunan Malaysia (Tesis sarjana, Universiti Malaya).

Berelson, B. (2019). Content analysis in communication research. Free Press. https://archive.org/details/contentanalysisi0000bern

Bhatia, V. K. (2006). Analysing genre: Language use in professional settings. Routledge. https://api.pageplace.de/preview/DT0400.9781317896548_A24275662/preview-9781317896548_A24275662.pdf

Bizzell, P., & Herzberg, B. (2020). The rhetorical tradition: Readings from classical times to the present (3rd ed.). Bedford/St. Martin’s. https://z-lib.id/book/the-rhetorical-tradition-1

Buck, R. (1984). The communication of emotion. Guilford Publications. https://z-lib.id/book/the-communication-of-emotion

Charteris-Black, J. (2006). Politicians and rhetoric: The persuasive power of metaphor. Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.4000/lexis.1691

Charteris-Black, J. (2011). Politicians and rhetoric: The persuasive power of metaphor (2nd ed.). Routledge. https://z-lib.id/book/571097-politicians-and-rhetoric

Cherney, A., McGee, T. R., & Murphy, K. (2019). The role of emotion and rhetoric in public communication. Journal of Public Affairs, 19(2), e1882. https://doi.org/10.1002/pa.1882

Chai, N. C. (2020). Penggunaan retorik dalam ucapan politik Tun Mahathir bin Mohamad pasca kemenangan Pakatan Harapan (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sarawak. https://ir.unimas.my/id/eprint/34853/

Creswell, J. W. (2014). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (4th ed.). SAGE Publications. https://www.ucg.ac.me/skladiste/blog_609332/objava_105202/fajlovi/Creswell.pdf

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2017). Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (4th ed.). SAGE Publications. https://z-lib.cv/book/qualitative-inquiry-and-research-design-choosing-a

Em Griffin. (2011). A first look at communication theory (8th ed.). McGraw-Hill. https://z-lib.cv/book/a-first-look-at-communication-theory-4

Enos, T. (Ed.). (1996). Encyclopedia of rhetoric and composition: Communication from ancient times to the information age. Garland Publishing. https://api.pageplace.de/preview/DT0400.9781136993695_A24375111/preview-9781136993695_A24375111.pdf

Fairclough, I., & Fairclough, N. (2012). Political discourse analysis: A method for advanced students. Routledge. https://z-lib.cv/book/political-discourse-analysis

Fairclough, N., & Mulderrig, J. (2021). Critical discourse analysis and public policy. Journal of Language and Politics, 20(3), 321–343. https://doi.org/10.1075/jlp.20032.fai

Fahnestock, J. (2011). Rhetorical style: The uses of language in persuasion.

Oxford University Press. https://z-lib.id/book/rhetorical-style

Freeke, J. (2025). The relevance of rhetoric in modern politics (Bachelor's thesis, Erasmus University Rotterdam) https://thesis.eur.nl/pub/76247/485089-Jayme-Freeke-Bachelor-Thesis-The-Relevance-of-Rhetoric-in-Modern-Politics-Final-Version.pdf

Feng, G. C., Luo, Y., Yu, Z., & Wen, J. (2023). Effects of rhetorical devices on audience responses with online videos: An augmented elaboration likelihood model. PLoS ONE, 18(3), e0282663. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0282663

Foss, S. K. (2019). Rhetorical criticism: Exploration and practice (5th ed.). Waveland Press. https://z-lib.id/book/rhetorical-criticism-2

Gee, J. P., & Handford, M. (Eds.). (2013). The Routledge handbook of discourse analysis. Routledge. https://circulosemiotico.wordpress.com/wp-content/uploads/2020/05/routledge-handbook-of-discourse-analysis.pdf

Gennaro, G., & Ash, E. (2021, February). Emotion and reason in political language (Working Paper). ETH Zurich. https://doi.org/10.3929/ethz-b-000468192

Graham, P. (2022). Emotion, persuasion and public reasoning. Discourse & Society, 33(4), 467–484. https://doi.org/10.1177/09579265221081234

Habermas, J. (1991). The theory of communicative action: Lifeworld and systems, a critique of functionalist reason (Vol. 2). Polity Press. https://z-lib.id/book/the-theory-of-communicative-action-35849005

Hamzah, N., Madzlan, N. A., Baharum, H., Zaini, M. F., & Ali, R. M. (2023). Analisis ethos, pathos dan logos dalam komunikasi kepimpinan Nama Beta Sultan Alauddin karya Faisal Tehrani. Malaysian Journal of Communication, 39(1), 473–489. https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-27

Herrick, J. A. (2018). The history and theory of rhetoric: An introduction (6th ed.). Routledge. https://z-lib.id/book/the-history-and-theory-of-rhetoric

Higgins, C., & Walker, R. (2012). Ethos, logos, pathos: Strategies of persuasion. Accounting Forum, 36(3), 194–208. https://doi.org/10.1016/j.accfor.2012.02.003

Hj Samri, D., & Aisha, H. (2021). Penggunaan bahasa retorik dalam pewahanaan informasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal, 21(2), 95–117. https://www.researchgate.net/publication/357156774_Penggunaan_Baha

sa_Retorik_Dalam_Pewahanaan_Informasi_COVID19_Di_Negara_Brunei_Darussalam

Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. Qualitative Health Research, 15(9), 1277–1288. https://doi.org/10.1177/1049732305276687

Hulaib, M. N. (2025). Political rhetoric in the digital age: A linguistic analysis of persuasion and power. Proceedings of the ICECRS. https://icecrs.umsida.ac.id/index.php/icecrs/article/view/2161/1127

Jaworski, A., & Coupland, N. (2014). The discourse reader (3rd ed.). Routledge. https://z-lib.id/book/the-discourse-reader

Jeniri Amir. (2008). Debat Anwar-Shabery: strategi retorik dalam komunikasi politik. Dalam Seminar Politik Malaysia. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/2953/2/2953.pdf

Kennedy, G. A. (2007). Aristotle on rhetoric: A theory of civic discourse. Oxford University Press. https://archive.org/details/onrhetorictheory0000aris_d0k6/page/n3/mode/ 2up

KhosraviNik, M. (2021). Critical discourse studies and social media: Power, resistance and critique in changing media ecologies. Discourse & Society, 32(4), 437–455. https://doi.org/10.1177/09579265211014667

Mat Dehan, A., & Yaakob, H. (2015). Teknik retorik dalam novel Salina karya A. Samad Said. International Journal of Language Education and Applied Linguistics, 2, 49–59. https://journal.ump.edu.my/index.php/ijleal/article/view/463/85

McNair, B. (2018). An introduction to political communication (6th ed.).Routledge. https://z-lib.cv/book/an-introduction-to-political-communication

Md. Rodi, N. F., & Mohd Nor, M. (2024). Analisis kelemahan penggunaan retorik penerangan dalam karangan bahasa Melayu murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education,14(1), 59–71. https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol14.1.8.2024

Mokhtar, S., Thia, K., Ationg, R., Ahmad, M., Mohad, A., & Abd Rahim, S. (2023). Teori kepemimpinan transformasi menurut perspektif Islam: Satu analisis. International Journal of Law, Government and Communication, 8(32), 276–291. https://doi.org/10.35631/IJLGC.832022

Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2015). Qualitative research: A guide to design and implementation (4th ed.). Jossey-Bass. https://z-lib.id/book/qualitative-research-4

Musolff, A. (2020). Political metaphor analysis: Discourse and scenarios. Journal of Language and Politics, 19(2), 193–211. https://doi.org/10.1075/jlp.19045.mus

Neuendorf, K. A. (2016). The content analysis guidebook (2nd ed.). SAGE Publications. https://z-lib.id/book/the-content-analysis-guidebook

Nopiah, J., & Samarudin, N. I. (2024). Penggunaan gaya bahasa retorik dalam pelaporan berita politik di berita televisyen. Jurnal Pendeta, 15(2), 37–51. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.3.2024

Ooi, K. B. (2024, July 18). Anwar Ibrahim in power: A historical locating of the limits for change in Malaysia. S. Rajaratnam School of International Studies. https://www.rsis.edu.sg/rsis-publication/rsis/anwar-ibrahim-in-power-a-historical-locating-of-the-limits-for-change-in-malaysia/

Osman, S. K. bin. (2025). Democracy and the constitutional monarchy in Malaysia: A constitutional analysis of monarchical discretion and democratic legitimacy, 1983–2022. AWI Journal, 8(1), 103. https://doi.org/10.24042/00202582772300

Osman, Z. (2015). Strategi dan jenis retorik penulisan makalah penyelidikan dalam jurnal berimpak tinggi (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia. https://etd.uum.edu.my/5318/1/s93052.pdf

Partington, A., Duguid, A., & Taylor, C. (2013). Patterns and meanings in discourse: Theory and practice in corpus-assisted discourse studies. John Benjamins. https://z-lib.id/book/patterns-and-meanings-in-discourse

Perelman, C., & Olbrechts-Tyteca, L. (1971). The new rhetoric: A treatise on argumentation. University of Notre Dame Press. https://z-lib.id/book/the-new-rhetoric

Pitchan, M. A., & Osman, N. H. U. (2024). Pengaplikasian teori retorik moden. Jurnal Komunikasi, 40(3), 229–246. https://doi.org/10.17576/JKMJC-2024-4003-13

Schreier, M. (2012). Qualitative content analysis in practice. SAGE Publications. https://api.pageplace.de/preview/DT0400.9781446258750_A24309306/preview-9781446258750_A24309306.pdf

Silverman, D. (2018). Doing qualitative research (5th ed.). SAGE Publications. https://z-lib.cv/book/222894-doing-qualitative-research

Saimon, A., Licson, L., Mohamad Taufek, N. A., Japar, S. H., & Razali, S. N. A.

(2021). Lakuan bahasa arahan dalam teks ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 12(1), 63–78. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.2021

Sheposh, R. (2019). Prime minister. Political Science Research Starters (EBSCO).

Shukri, A. I. S. S., & Manan, N. A. A. (2023). Rhetorical appeals used by the new generation of Malaysian politicians in their social media communication. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 13(6), 818–831. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i6/17527

Van Leeuwen, T. (2008). Discourse and practice: New tools for critical discourse analysis. Oxford University Press. https://z-lib.cv/book/discourse-and-practice

Vatz, R. E., & Condit, C. M. (2021). Rhetoric and public reasoning in economic discourse. Rhetoric Society Quarterly, 51(1), 1–18.
https://doi.org/10.1080/02773945.2020.1847559

Wariya, C. (2015). Strategi pemujukan Najib Razak dalam komunikasi politik. Malaysia Press Institute.

Weinberg, J. (2023). Building trust in political office: Testing the efficacy of political contact and authentic communication. Political Studies, 72(4). https://doi.org/10.1177/00323217231185706

Wodak, R., & Meyer, M. (Eds.). (2015). Methods of critical discourse studies (3rd ed.). Sage. https://www.researchgate.net/publication/284725923_Methods_of_Critical_Discourse_Studies_3rd_edition

Wodak, R. (2015). The politics of fear: What right-wing populist discourses mean. SAGE. https://z-lib.id/book/the-politics-of-fear

Wodak, R. (2021). Crisis communication and crisis management during COVID-19. Journal of Language and Politics, 20(3), 376–401. https://doi.org/10.1075/jlp.20094.wod

Yeo, J.-Y., Ting, S.-H., Jerome, C., & Leong, H. J. (2025). A retrospective view of discourse-historical approach (DHA). Gading Journal for the Social Sciences, 28(1), 22–37. https://doi.org/10.24191/gading.v28i1.504

Yufridin, A., Ahmad, R., & Zainal, M. (2007). Sejarah politik Malaysia moden. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri, N., & Aini, Z. (2021). Retorik dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. Jurnal Pengajian Islam, 14, 149–158. https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/63/58

Zand, D. E. (1997). The leadership triad: Knowledge, trust, and power. Oxford University Press. https://api.pageplace.de/preview/DT0400.9780195357813_A24388898/preview-9780195357813_A24388898.pdf

Zhang, Y., & Wildemuth, B. M. (2009). Qualitative analysis of content. In B. M. Wildemuth (Ed.), Applications of social research methods to questions in information and library science (pp. 308–319). Libraries Unlimited. https://pages.ischool.utexas.edu/yanz/Content_analysis.pdf

Zulfiani, A. (2018). Anwar Ibrahim's political thoughts on civil society and its relevance to politics in Malaysia. International Journal on Social Science, Economics and Art. https://doi.org/10.35335/ijosea.v9i3.35Abdullah, A.H,

Sulaiman, A.A, Abdullah, W.W.I. (2014). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, *10*, 104.

APENDIK

APENDIK A

TEKS UCAPAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

TEKS 1 – UCAPAN MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2018

1. Setinggi-tinggi kesyukuran, Alhamdulillah saya lafazkan ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita berhimpun pada hari ini di Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dengan mengibar Jalur Gemilang sebagai tanda kegembiraan dan kesyukuran kita bagi tahun 2018.

2. Kali ini kemerdekaan kita mempunyai lebih makna kerana bukan sahaja kita rayakan Kemerdekaan dari penjajahan oleh kuasa asing, tetapi juga dari kleptokrasi, dari pemerintahan kuku besi.

3. Sesungguhnya rakyat rata-rata berasa lega dan gembira kerana diselamatkan dari aneka jenis tekanan dan keseksaan yang kita tidak sangka boleh melanda negara kita. Bahawa kita dapat merebut balik kebebasan kita dari kezaliman. Kerajaan kleptokrat adalah kejayaan luar biasa.

4. Sesungguhnya rakyatlah yang membebaskan diri mereka. Dengan berani mereka keluar berduyun-duyun untuk mengundi menolak kleptokrasi. Walaupun terdapat banyak halangan dan ugutan tetapi rakyat tidak gentar. Hasilnya ialah kejayaan yang luar dari dugaan.

5. Rakyat berhak gembira merayakan pencapaian mereka. Tidak banyak negara yang dapat menukar pemerintahan tanpa rusuhan dan kematian pejuang. Tetapi kerana kemenangan rakyat begitu besar dan nyata, pemerintah dahulu terpaksa akui kekalahan dan menyerah kuasa.

6. Inilah yang kita rayakan hari ini. Oleh kerana ini adalah kemenangan rakyat maka rakyat perlu nyatakan kegembiraan mereka dengan mengibar lambang negara kita, Jalur Gemilang. Mereka perlu kibar Jalur Gemilang di semua pelusuk negara, di bandar dan di kampung, di kereta dan di rumah, di pejabat dan di kedai-kedai, di jalan-jalan dan di lautan pun.

7. Biarlah dunia lihat bahawa negara kita selamat, dan diselamat oleh rakyat.

8. Ya, negara kita dibeban dengan berbagai masalah kerana salahguna kuasa oleh pemerintah dahulu. Hutang kita bertimbun, jentera Kerajaan rosak, kemiskinan melanda ramai rakyat, perniagaan dan dagangan merosot. Banyak masa perlu dihabis dalam usaha memulih negara. Tetapi berkat sokongan rakyat kerajaan dapat berusaha mengatasi masalah-masalah ini dalam keadaan stabil.

9. Kita tidak berminat untuk balas dendam. Tetapi tidak dapat tidak tindakan terpaksa diambil terhadap mereka yang membawa bencana kepada negara tercinta ini.

10. Kita akan pegang kuat kepada the rule of law, kepada pemerintahan mengikut undangundang, walaupun proses ini mengambil masa. Benar lebih mudah dan lebih cepat jika undang-undang diketepikan atau disalahguna. Tetapi kita tidak hendak melaku zalim kepada sesiapa. Kita utamakan keadilan. Inilah janji kita. Akan kita pegang kepada janji walaupun melambatkan proses menghukum mereka yang kita tahu bersalah.

11. Semua ini kita lakukan kerana Malaysia adalah negara kita dan kita sayang negara kita Malaysia. Patriotisma adalah satu perasaan yang mulia.

12. Slogan kita untuk perayaan kedua-dua kemerdekaan negara kita ialah “Sayangi Malaysiaku”.

13. Slogan ini tepat dan kena pada masanya. Kerana kita sayangi Malaysialah maka kita berusaha menyelamatkan negara kita dari kleptokrasi.

14. Sekarang saya ulangi buktikanlah kesayangan kita kepada Malaysia kita dengan mengibar Jalur Gemilang.

15. Kerajaan pilihan rakyat berjanji akan berusaha sungguh-sungguh untuk mengembalikan negara bertuah ini sehingga menjadi Asian Tiger semula. Kita yakin kita boleh jika tidak sepenuhnya tetapi meletakkan balik ke jalan yang dapat membawa kita ke arah itu.

16. Hanya yang kita minta ialah kesabaran, kesabaran dari rakyat, dari jentera Kerajaan dan anggota Kerajaan. Kita tidak dapat tabur duit percuma kerana kita tidak ingin menyalahguna kuasa yang diberi kepada kita sebagai Kerajaan. Kita juga tidak akan tipu dan menubuh syarikat untuk selewengkan wang yang dihutang olehnya. Tetapi percayalah apabila kita majukan negara, rakyat akan dapat bukan sahaja nikmat dari pembangunan tetapi nikmat dari peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

17. Kita akan kawal kos sara hidup supaya wang yang kita perolehi akan dapat membeli lebih banyak barangan dan khidmat dari dahulu. Ini akan berlaku kerana daya keluaran kita akan meningkat dengan mengguna cara-cara baru yang lebih

efisien dan produktif. 18. Kehidupan rakyat akan menjadi lebih bahagia kerana kebebasan bersuara dan bersurat akhbar. Hak perikemanusiaan akan dinikmati oleh semua. Rakyat bebas mengkritik Kerajaan. Mereka tidak lagi akan didera dengan dikenakan cukai tambahan, pembekuan wang dibank, diturun pangkat, dihenti kontrak dan bermacam lagi deraan yang dikenakan kepada mereka jika tidak menyokong Kerajaan dahulu.

19. Sebuah negara akan maju jika rakyatnya maju. Untuk menentukan rakyat maju maka peluang menuntut pelajaran akan diperbanyakkan melalui biasiswa dan menambah pusatpusat latihan dan pelajaran. Latihan kemahiran akan ditingkatkan supaya nilai ekonomi rakyat akan meningkat. Bagi yang terlatih dan cekap peluang kerja akan ditingkatkan melalui berbagai rancangan.

20. Kerajaan harap rakyat akan sambut baik perancangan dan strategi Kerajaan. Kita semua sedar rancangan apa pun tidak akan berjaya jika tidak dituruti dengan kesediaan dan perlengkapan rakyat bagi merebut peluang-peluang yang akan diwujudkan. Menepuk tidak mungkin berbunyi dengan sebelah tangan sahaja.

21. Bulan Ogos sinonim dengan Bulan Kebangsaan yang semestinya perlu diisi dengan aktiviti-aktiviti berbentuk patriotik dan Kenegaraan bagi menzahirkan rasa cinta kepada Negara.

22. Antara aktiviti paling mudah yang boleh kita semua lakukan adalah mengibarkan Jalur Gemilang. Kempen kibar Jalur Gemilang dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) ini tidak akan berjaya jika rakyat Malaysia tidak menyokongnya.

23. Berbanggalah untuk mengibarkan Jalur Gemilang di mana-mana sahaja; di rumah, di kereta, di bangunan dan di mana sahaja yang sesuai. Kibarkanlah Jalur Gemilang bagi menzahirkan rasa cinta terhadap negara sekali gus bersyukur dengan nasib kita yang begitu baik kerana dapat menukar Kerajaan tanpa rusuhan.

24. Merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah, tetapi juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka itu dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa cara sekalipun. Diucap terima kasih kepada yang telah menyumbang kepada Tabung Harapan Malaysia. Buktikanlah yang Rakyat Malaysia sanggup berkorban untuk Malaysia.

25. Bersamalah kita bangun tegap dengan bangganya untuk Sayangi Malaysiaku!, kerana negara ‘Malaysia adalah Kita Punya’.

26. Selamat Menyambut Hari Kebangsaan, semoga Malaysia terus maju, aman dan harmoni. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2018.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih

TEKS 2 – UCAPAN HARI MALAYSIA 2019

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kerana dapat bersama-sama berkumpul di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching hari ini untuk merayakan Hari Malaysia 2019 dalam suasana meriah, aman dan penuh harmoni.
2. Sambutan hari ini dan kehadiran rakyat dari seluruh pelusuk Negara mencerminkan keinginan kita semua kepada penyatuan dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia walaupun berbeza etnik, agama, budaya, negeri dan wilayah.
3. Inilah yang menjadikan kita unik berbanding Negara-Negara lain, kerana kita terus hidup aman, damai dan harmoni setelah bersetuju bersatu dengan Pembentukan Malaysia sejak tahun 1963. Pembentukan ini menyelamat kita dari lain-lain tuntutan yang mengancam kita.
4. Saya harap kita semua tidak lupa bahawa kesepakatan penyatuan ini perlu difahami dan dihayati oleh segenap rakyat Malaysia. Perbezaan pendapat antara kita adalah perkara biasa terutama apabila kita tidak lagi terancam. Ia perlu dirai dan dihargai, dan bukan dijadikan faktor perpecahan. Perbezaan pendapat ini perlu dibincang untuk mencari penyelesaian yang terbaik bagi kita semua. 16 SEPTEMBER HARI MALAYSIA.
5. Seperti yang kita sedia maklum, 16 September adalah hari ulangtahun Sabah dan Sarawak beserta dengan Semenanjung Tanah Melayu untuk membentuk satu keluarga besar yang kita namakan Malaysia.
6. Sekarang Hari Malaysia disambut dengan matlamat untuk memperingati kita akan

kepelbagaian kita, dengan menghormati dan gembira dengan keindahan berbagai-bagai etnik, agama dan budaya yang terdapat di Negara kita, yang menjadikan Malaysia truly Asia.

7. Pada Hari Malaysia ini, sebagai rakyat, kita perlu sedar akan tanggungjawab kita untuk mempertahankan perpaduan dan kepelbagaian kita supaya kita mencerminkan kebolehan mencapai unity in diversity walaupun terbahagi kepada ramai bangsa dan suku-kaum.

8. Kita kenang dan hargai perjalanan berliku dan sukar yang ditempuhi rakyat terdahulu bagi mendapatkan kemerdekaan buat Persekutuan Tanah Melayu, disusuli pula usaha yang menyatukan di bawah Negara Malaysia.

9. Jika kita ingat apa yang mereka lalui, kita tidak akan mengambil ringan perpaduan dan kerjasama di antara rakyat, malahan kita akan bangkit mempertahankannya jika ada anasir yang mahu mengganggu gugat perpaduan tersebut.

10. Tanggungjawab untuk mempertahankan perpaduan di kalangan kita bukan hanya tanggungjawab Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Sabah dan Sarawak semata-mata tetapi tanggungjawab kesemua rakyat yang mengaku dirinya rakyat Negara ini.

TEMA HARI MALAYSIA 2019 - SAYANGI MALAYSIAKU: MALAYSIA BERSIH

11.Semangat perpaduan tetap akan mengalami pasang surutnya bergantung kepada keadaan dan suasana. Ianya tidak seharusnya merendahkan semangat kita secara berkekalan.

12.Kerana itu ada keperluan untuk kita berterusan menyemai semangat cintakan perpaduan. Kerana itu juga kita memilih tema “Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih” bagi sambutan Hari Malaysia kali ini. Sudah pasti apabila kita menyayangi Negara kita, akan kita susuli dengan menyayangi rakyatnya. Dengan sendirinya perpaduan akan terjalin. Itulah yang menjadi harapan kita.

13. Mengapa perpaduan begitu penting? Apabila perpaduan tercapai pastinya kestabilan akan wujud. Kestabilan memberi kita ruang untuk mentadbir dan melaksanakan dasar dan program untuk pembangunan Negara dan kesejahteraan rakyat. Kestabilan ini juga akan meningkatkan aktiviti ekonomi dan ini akan menjana kekayaan yang akan kita kongsi bersama.

14. Kita sepatutnya mengambil iktibar daripada kehancuran yang dialami oleh Negara-Negara luar akibat perpecahan hingga berlaku konflik dan peperangan. Kehancuran yang berlaku tidak dapat diperbaiki kadang-kala melangkaui satu

generasi.

15. Terdapat usaha-usaha untuk melemahkan perpaduan kita dan ianya dilakukan oleh rakyat kita sendiri. Naratif yang diguna sering berkait dengan perkara-perkara emosional terutamanya melibatkan kaum, agama, kenegerian dan kumpulan etnik.

16. Amat mudah untuk kita terperangkap dengan isu-isu ini kerana ianya dekat di hati kita. Tetapi jika kita berjiwa besar, ada keyakinan diri dan berfikiran waras, kita tidak akan benarkan diri kita dipengaruhi.

17. Setelah bersama di dalam keluarga besar Malaysia lebih lima dekad, saya yakin majoriti rakyat Malaysia menolak pemikiran sempit dan jumud ini dan akan terus bersama mempertahankan perpaduan kita.

MALAYSIA YANG BERSIH

18. Sambutan Hari Malaysia juga bertemakan Malaysia Bersih. Ia bertujuan untuk mengingatkan rakyat bahawa selain perpaduan yang rapuh, Negara yang tidak bersih dari gejala rasuah turut terdedah ke jalan kehancuran.

19. Kita telah menjadi saksi bagaimana Negara ini hampir hancur akibat amalan rasuah dan salah guna kuasa.

20. Benar kita telah berjaya menyingkirkan kepemimpinan yang tidak bersih tetapi itu tidak bermakna ia sudah terhenti dan tidak akan berulang lagi.

21. Kerana itu kita perlu menekan pentingnya mengekal Malaysia yang bersih jika kita tidak mahu terjebak sekali lagi ke kancah rasuah skala kecil dan besar. Sebelum ia mencapai skala sehingga Negara di gelar sebuah kleptokrasi, ia pasti bermula secara kecil-kecilan.

22. Bila ia tidak di sekat semasa kecil, ia akan menjadi besar dan akan jadi satu cara hidup yang diamalkan oleh setiap yang menerima dan yang memberi. Apabila rasuah menjadi sebahagian dari cara hidup kita, maka akan sukarlah usaha membanterasnya.

KERTAS PUTIH PERTAHANAN - KEAMANAN SEJAGAT

23. Kita harus sedar bahawa kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran Negara hanya boleh dicapai sekiranya rakyat di semua peringkat sedar akan peranan masing-masing.

24. Dalam memastikan hal ini, Kerajaan Pakatan Harapan melalui Kementerian Pertahanan sedang mempersiapkan Kertas Putih Pertahanan yang bakal menggariskan peranan yang boleh dimainkan oleh segenap lapisan masyarakat agar pertahanan negara menjadi satu usahasama nasional.

25. Kertas Putih Pertahanan ini juga mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap keutamaan rancangan masa hadapan pertahanan Negara dengan mengambil kira trend-

trend global yang terkini agar sejajar dengan realiti semasa serta cabaran yang menanti di masa depan.

26. Selain itu, keselamatan perairan dan lautannya memastikan kesejahteraan Negara. Malaysia, yang dikelilingi oleh tiga laluan utama - Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu secara langsung menjadikan kita sebuah Negara maritim.

27. Malaysia sebagai sebuah Negara maritim bukanlah satu konsep yang baharu bagi kita. Sejarah mencatat bagaimana kita menjadi laluan pilihan Timur ke Barat dan Barat ke Timur serta pada masa kini berpotensi menjadi pintu gerbang atau gateway di antara Lautan Pasifik dan Lautan Hindi.

28. Jika kita berupaya memastikan keselamatan di perairan kita maka potensi ekonominya pasti dapat kita ceburi dan nikmati.

KEMAKMURAN BERSAMA (SHARED PROSPERITY)

29. Kerajaan juga memberi keutamaan kepada mengukuhkan dan mengembangkan lagi ekonomi Negara bagi memastikan kesejahteraan rakyat dengan memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama atau shared prosperity.

30. Kita mahu Kemakmuran Bersama ini disalurkan kepada semua rakyat termasuk meningkatkan kuasa beli mereka serta menghapuskan jurang pendapatan dan kekayaan antara kaum. Apabila ini dapat dilakukan, kerajaan boleh memastikan kekayaan negara diagihkan dengan adil dan saksama sesama rakyat, dan ini sekaligus mewujudkan keharmonian dan kestabilan di kalangan mereka.

31. Kerajaan melihat penglibatan semua kaum dalam pelbagai sektor ekonomi secara adil dan saksama amat penting untuk mewujudkan kemakmuran bersama yakni dalam semangat MALAYSIA BAHARU. Justeru itu, Kerajaan amat berharap agar semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu serta Sabah dan Sarawak dapat membantu menjayakan usaha ini. USAHA KERAJAAN PERSEKUTUAN - RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019

32. Seperti yang kita semua maklum, Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 bagi mengembalikan kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu Semenanjung Tanah Melayu, di Dewan Rakyat pada April lalu.

33. Malangnya, Rang Undang-undang tersebut tidak mendapat sokongan majoriti dua-pertiga.

34. Walaubagaimanapun, Kerajaan Pakatan Harapan masih meneruskan usaha-usaha untuk mengembalikan status rakan sekutu kepada Sabah dan Sarawak termasuk juga

menyelesaikan beberapa perkara berbangkit.

35. Bagi melancarkan usaha ini, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 atau MA 63 □ Malaysia Agreement 1963. Kesemua 23 ahli jawatankuasa ini yang terdiri daripada menteri-menteri Kabinet Persekutuan, Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah juga telah bermesyuarat beberapa kali untuk berbincang dengan lebih lanjut mengenai perkara ini. USAHA KERAJAAN PERSEKUTUAN - PENYERAHAN KAWAL SELIA PULAU SIPADAN DAN PULAU LIGITAN KE KERAJAAN NEGERI SABAH

36. Kerajaan juga telah bersetuju untuk menyerahkan sepenuhnya urusan pentadbiran Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah kecuali perkara berkaitan dengan keselamatan yang masih terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

37. Penyerahan ini adalah salah satu hasil perundingan Jawatankuasa Khas Kabinet MA 63 dan ia memperlihatkan kesungguhan Kerajaan Pakatan Harapan memenuhi Perjanjian Malaysia 1963.

38. Kita harap rakyat dan pemimpin dari kedua-dua Negeri ini dapat melihat kesungguhan dan keikhlasan Kerajaan Persekutuan untuk meletakkan Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi kepada Semenanjung Tanah Melayu seperti yang termeterai ketika Malaysia kita dibentuk bersama.

39. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin ucap syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus berusaha menjayakan sambutan Hari Malaysia pada tahun ini.

40. Percayalah, rakyat Malaysia yang bersatu padu, dan hormat menghormati serta berpegang kepada Perlembagaan dan Rukun Negara akan mampu membawa Negara kepada kemakmuran dan kejayaan.

41. Di atas kesedaran ini, Sambutan Hari Malaysia pada tahun ini akan menjadi titik tolak untuk kita bertekad untuk berganding bahu mempertahankan Malaysia sebagai Negara Bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih

TEKS 3 – UCAPAN SAMBUTAN HARI PEKERJA "PEKERJA AMANAH ASPIRASI NEGARA"

1. Alhamdulillah, kita dapat berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Majlis Sambutan Hari Pekerja Tahun 2019. Syabas kepada pihak kesatuan sekerja dan pihak majikan atas komitmen tinggi bagi bersama-sama menjayakan sambutan Hari Pekerja 2019 khusus kepada lebih 14 juta warga pekerja dalam sektor
awam dan swasta.
2. "Pekerja Amanah Aspirasi Negara" adalah tema Hari Pekerja pada tahun ini. Tema ini menekankan bagaimana kita rakyat Malaysia khususnya warga pekerja perlu melaksanakan kerja dan tanggungjawab dengan prinsip amanah dan integriti bagi memacu kemakmuran Negara dengan kepelbagaian budaya, bangsa dan agama.
3. Hubungan tripartisme yang baik antara Kerajaan, pekerja dan majikan menjadi pendorong kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Sungguhpun ada ketikanya kita mungkin bercanggah pendapat, akhirnya penyelesaian "win-win" atau menang-menang tercapai dan ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan Negara.
4. Dasar Kerajaan hari ini adalah untuk memberi keutamaan kepada pekerja warganegara Malaysia untuk mendapat peluang pekerjaan. Kerajaan sedar mengenai kadar pengangguran di kalangan belia dan golongan muda serta memahami akan kepentingan untuk memperkasa tenaga kerja dan bakat (talent) tempatan. Ianya juga harus melibatkan semua golongan masyarakat termasuklah mempertingkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja.
5. Dalam era Internet of Things (IoT), portal JobsMalaysia versi 2.0 yang baharu, yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia telah menawarkan platform mencari pekerjaan yang lebih fleksibel kepada rakyat untuk meningkatkan penempatan pekerjaan dan mengurangkan 'mismatch'. Rakyat juga boleh mendapat perkhidmatan JobsMalaysia melalui penganjuran karnival kerjaya yang diadakan secara berkala dari semasa ke semasa.
6. Jabatan Tenaga Kerja telah berjaya menempatkan 48,372 siswazah dan 122,868 bukan siswazah dalam pelbagai sektor pekerjaan melalui pelbagai aktiviti seperti Karnival Kerjaya, Client Account, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara

Agensi, Program Penempatan Golongan Khas dan sebagainya.

7. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi dibawahnya seperti Talent Corporation (TalentCorp) & Pembangunan Sumber Manusia Berhad memberi tumpuan kepada warganegara melalui inisiatif-inisiatif berikut:

(i) menarik dan mengekalkan tenaga kerja wanita dengan menggalakkan para majikan untuk melaksanakan konsep 'Work-Life Practices' (WLPs) ke arah keseimbangan yang lebih baik antara integrasi kerja dan kehidupan serta menyediakan persekitaran kerja yang mesra keluarga, atau 'family-friendly'. Bagi tujuan ini Kerajaan telah menyediakan insentif pengecualian cukai pendapatan bagi satu tahun taksiran kepada mereka yang telah kembali bekerja mulai 27 Oktober 2017 sehingga 31 Disember 2020. Sehingga akhir tahun 2018, sebanyak 147 organisasi di Malaysia telah menerima manfaat daripada pelaksanaan inisiatif WLPs.

(ii) Peningkatan kemahiran (upskilling) kepada wanita yang kembali aktif dalam tenaga kerja selepas berhenti bekerja melalui inisiatif 'Career Comeback Programme (CCP)'.

8. Selain itu, dari tahun 1993 sehingga 2018, sebanyak RM6.38 billion bayaran geran latihan telah disalurkan kepada majikan tempatan berstatus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan majikan besar yang mencarum levi dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Penyaluran dana ini telah diagihkan untuk melaksanakan 1.2 juta peningkatan (upskilling dan reskilling) latihan bagi pekerja tempatan dari seluruh negara.

9. Kebajikan warga pekerja yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan Negara amat penting bagi Kerajaan. Antara langkah yang diambil ke arah ini termasuklah penyelarasan kadar upah dan gaji yang setimpal, perlindungan keselamatan sosial serta keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Selain itu beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:

Pertama: Kerajaan telah melancarkan Indeks Gaji Kebangsaan (NWI) pada 19 Februari 2019 sebagai panduan dan penanda aras dalam penyelarasan aras gaji pekerja berdasarkan kelayakan, kemahiran dan produktiviti.

Kedua: Kerajaan juga telah menyeragamkan perbezaan kadar kenaikan gaji minimum dari RM1,000.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 untuk Sabah dan Sarawak kepada RM1,100.00 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019. Keputusan ini dibuat untuk mengurangkan jurang pendapatan rakyat antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan yang telah

ditetapkan dalam tempoh 100 hari pemerintahan.

Ketiga: Penguatkuasaan Undang-undang Perburuhan dengan menekankan perlindungan hak-hak dan kebajikan pekerja seperti:

(i) memperkenalkan kaedah penarafan tempat pekerjaan berdasarkan tahap pematuhan standard perburuhan antarabangsa;

(ii) pemeriksaan bersepadu terhadap majikan-majikan melibatkan Jabatan Tenaga Kerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) & Pembangunan Sumber Manusia Berhad termasuk memperkenalkan aplikasi 'One Visit Policy' bagi tujuan integrasi data dan laporan;

(iii) peningkatan pendidikan undang-undang perburuhan melalui media massa; dan

(iv) menggalakkan penyertaan wanita dan golongan pencari kerja ke dalam pasaran buruh melalui peruntukan anti diskriminasi, peningkatan perlindungan bersalin, waktu kerja anjal dan pra pekerjaan melalui pindaan Akta Kerja 1955.

Keempat: Memantap dan menguatkuasakan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri meliputi perlindungan Skim Bencana Kerja kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri atau individu yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya seperti Grab melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789). Kerajaan bercadang memperluaskan pemakaian Akta ini agar lebih ramai golongan bekerja sendiri mendapat perlindungan daripada risiko kemalangan di tempat kerja sebagaimana pekerja dalam sektor formal. Ini termasuklah golongan nelayan, petani, pekebun kecil, penjaja, penggiat seni dan lain-lain seumpamanya.

Kelima: Mempertingkatkan perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja bagi memastikan warga pekerja bertugas dengan selamat, sihat, kondusif dan produktif. Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama pertubuhan majikan dan kesatuan sekerja telah mewujudkan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

10. Kerajaan juga sedar betapa pentingnya usaha-usaha penambahbaikan undang-undang perburuhan dan proses guna tenaga di Negara ini bagi mewujudkan mekanisma terbaik dalam menyelesaikan pertikaian majikan-pekerja dalam keadaan yang harmoni.

11. Secara umum undang-undang perburuhan yang di dalam proses pindaan meliputi standard minimum pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang bertujuan untuk menambah baik kebajikan dan perlindungan sosial pekerja tanpa menafikan peranan dan sumbangan para majikan

dalam pembangunan Negara. Kementerian Sumber Manusia juga telah meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 pada tahun 2017 dan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 pada tahun 2018.

12. Kerajaan mensasarkan peningkatan 1 juta keanggotaan pekerja dalam kesatuan sekerja menjelang 2020. Oleh itu, bagi memastikan pekerja mengetahui hak mereka, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses meminda beberapa lagi undang-undang Perburuhan antaranya Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dan Akta Kerja 1955.

13. Kita sekarang sedang menghadapi Revolusi Perindustrian ke-empat (Industri 4.0) melibatkan teknologi automasi memberi cabaran baharu seperti Internet of Things, Big Data, artificial intelligence atau AI, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan cloud computing yang bakal merancakkan kemajuan landskap dunia moden. Ini secara tidak langsung mengkehendaki sektor industri Negara bergerak seiring dengan transformasi digital untuk ekonomi negara terus kekal berdaya saing.

14. Industri 4.0 juga akan menjadi pemangkin kepada proses transformasi sistem pendidikan TVET.

15. Kerajaan turut sedar akan kebimbangan rakyat berhubung kebanjiran pekerja asing dalam negara. Kita telah mengambil pelbagai tindakan untuk memastikan pekerja asing yang digajikan hanya apabila mereka benar-benar diperlukan oleh sektor-sektor yang kurang sambutan pekerja tempatan seperti sektor jenis 3D (Dirty, Dangerous & Difficult).

16. Ingin saya tekankan bahawa dasar Kerajaan amat jelas bahawa keutamaan pekerjaan di Malaysia adalah kepada warganegara.

17. Tetapi perlu juga saya nyatakan bahawa kehadiran pekerja asing ke dalam Negara kita berpunca dari sikap kita yang tidak mahu membuat kerja tertentu walaupun kita sebenarnya mampu melakukannya sendiri.

18. Maka peluang itu direbut oleh pekerja asing. Akhirnya, mereka akan menjadi kaya dan kita pula kekal atau menjadi miskin.

19. Saya ingin ambil kesempatan ini untuk ucap syabas dan tahniah kepada majikan dan pekerja yang bakal menerima anugerah sempena Sambutan Hari Pekerja 2019 ini dan diharap mereka yang berjaya akan menjadi contoh kepada warga kerja dan para majikan yang lain.

20. Akhir kata, saya ucap Selamat Hari Pekerja kepada seluruh warga pekerja di

Malaysia dan kita bersamasama hayati tema sambutan Hari Pekerja tahun ini

– “Pekerja Amanah Aspirasi Negara” – dan jadikan ianya satu kenyataan.
Sekian, terima kasih.

TEKS 4 - UCAPAN SEMPENA MAJLIS PELANCARAN STRATEGI LITERASI KEWANGAN KEBANGSAAN 2019 – 2023

1. Terlebih dahulu saya ingin ucap terima kasih kepada Bank Negara Malaysia kerana menjemput saya untuk melancarkan “Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023”. Pengetahuan akan selok- belok pengurusan kewangan amatlah penting jika kita ingin selamat dari beban hutang dan sebagainya.
2. Inisiatif ini adalah hasil usaha Jaringan Pendidikan Kewangan atau Financial Education Network yang diterajui bersama oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
3. “Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan” ini penting untuk membangunkan masyarakat yang mampu membuat keputusan kewangan yang bijak supaya bebas daripada tekanan salah laku atau kesilapan urusan kewangan.
4. Malah, literasi kewangan juga penting agar individu dapat mempertahankan diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.
5. Saya ucap syabas kepada ahli-ahli Jaringan Pendidikan Kewangan, yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).
6. Saya harap lebih banyak institusi dan agensi lain akan turut terlibat bagi menyampaikan mesej pendidikan kewangan secara lebih meluas ke setiap lapisan masyarakat sehingga tahap literasi kewangan rakyat dapat dipertingkatkan.

LITERASI KEWANGAN MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN DAN INKLUSIF

7. Literasi dan kemahiran kewangan merupakan antara faktor yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lestari dan inklusif.
8. Perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan merupakan di antara pemacu utama

pertumbuhan ekonomi Malaysia, menyumbang 74.2% daripada KDNK. Di antara 2011 hingga 2018, perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 7.8%.

9. Hutang isi rumah di Malaysia pada masa ini adalah tinggi pada kadar 82.1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), lebih tinggi daripada negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi, seperti Itali (40.3% daripada KDNK), Jepun (58.1% daripada KDNK) dan Amerika Syarikat (76.3%3 daripada KDNK).

10. Meskipun risiko hutang isi rumah ke atas kestabilan kewangan domestik adalah terkawal, namun telah wujud tanda-tanda kesukaran di kalangan peminjam untuk membayar balik hutang. Hal ini berlaku terutamanya kepada peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan dan tinggal di kawasan bandar.

11. Pemerhatian ini turut disokong oleh peningkatan bilangan peminjam yang menyertai Program Pengurusan Hutang atau (Debt Management Program) yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

12. Saya difahamkan kira-kira 80% daripada peserta program ini didapati terlalu optimistik tentang kemampuan mereka untuk membayar balik hutang dan menanggung kos sara hidup semasa mereka mengambil keputusan untuk meminjam. Ada yang tidak fikir akan membayar hutang apabila meminjam.

13. Oleh kerana itu, usaha untuk meningkatkan literasi kewangan ini menjadi amat penting dan merupakan pelengkap kepada inisiatif penggubalan Akta Kredit Pengguna untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna kredit di Malaysia.

14. Akta Kredit Pengguna sedang digubal melalui kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pembangunan Usahawan; Bank Negara Malaysia; Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta agensi lain yang berkaitan.

15. Akta ini penting kerana ia bertujuan untuk memastikan pengguna kredit menerima layanan yang adil semasa berurusan dengan pemberi kredit.

16. Penggubalan Akta ini akan disegerakan demi melindungi kepentingan pengguna dan menggalakkan pasaran kredit yang sihat.

17. Keupayaan untuk membuat keputusan kewangan dengan bijak bukan hanya relevan semasa hendak membuat pinjaman atau pembelian produk kewangan sahaja. Keupayaan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak dalam membeli perlindungan insurans, membuat pelaburan dan menguruskan pendapatan sudah

tentu akan membantu rakyat untuk hidup tanpa dibelenggu tekanan kewangan.

18. Dalam persekitaran kewangan yang semakin kompleks dan mencabar ini, keupayaan kita untuk melindungi diri daripada amalan pasaran yang tidak adil atau sebarang bentuk penipuan kewangan memerlukan kita lebih mengenal bentuk-bentuk dan modus operandi jenayah kewangan.

19. Selain itu, selaras dengan kemajuan penggunaan teknologi dalam penawaran khidmat kewangan, pengguna juga perlu melengkapkan diri dengan amalan-amalan terbaik penggunaan teknologi supaya tidak terdedah kepada ancaman siber yang semakin canggih.

20. Literasi dan kemahiran kewangan dikalangan pengguna juga perlu sumbang kepada mewujudkan industri kewangan yang maju, kukuh dan mesra pengguna. Literasi dan kemahiran kewangan merupakan first line of defence atau pertahanan barisan pertama bagi pengguna melindungi hak masing-masing ketika berhadapan dengan amalan pasaran yang kurang adil.

LITERASI KEWANGAN MERUPAKAN KEMAHIRAN ASAS YANG PERLU DIPUPUK DARI AWAL

21. Isu berkenaan tahap literasi kewangan yang rendah bukan sahaja dihadapi oleh negara membangun seperti Malaysia, malah isu ini menjadi isu global yang turut dihadapi oleh negara-negara lain.

22. Kemahiran ini penting untuk kita menjalani kehidupan seharian denganlebih baik.

23. Usaha untuk membina modal insan di peringkat awal usia telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bank Negara Malaysia sejak tahun 2014. Usaha ini telah berjaya menerapkan elemen pendidikan kewangan ke dalam kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah.

24. Pendedahan juga turut diberi kepada golongan guru agar mereka dapat menyampaikan ilmu berkaitan pengurusan kewangan dengan lebih berkesan.

25. Institusi-institusi kewangan pula turut bergerak aktif dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah dengan menyediakan program yang mendidik dan mendedahkan generasi muda tentang kepentingan kemahiran kewangan serta memupuk nilai-nilai kewangan asas dalam diri mereka.

26. Saya harap lebih banyak lagi inisiatif sebegini, di mana pihak swasta berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam mempelbagaikan pendekatan bagi meningkatkan tahap literasi kewangan untuk setiap institusi pendidikan.

USAHA KOLABORATIF DALAM MENINGKATKAN TAHAP

LITERASI KEWANGAN MEMBENTUK SINERGI UNTUK MASA HADAPAN YANG LEBIH CERAH

27. Bagi memastikan matlamat Strategi Kebangsaan ini dapat dicapai, semua pihak perlu bekerjasama erat dan mewujudkan sinergi dalam membangunkan masyarakat yang berhemat dan tidak terbelenggu dengan masalah kewangan yang berpanjangan.

28. Jaringan Pendidikan Kewangan berfungsi sebagai platform untuk menggembleng tenaga, idea dan sumbangan dalam merealisasikan matlamat yang disasarkan.

29. Saya percaya usaha pemuafakatan seumpama ini adalah kritikal untuk menggiatkan peningkatan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat.

30. Namun begitu, sinergi yang terbentuk ini memerlukan usaha dan sokongan yang konsisten daripada semua pihak di sektor awam dan swasta, termasuk kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, institusi kewangan dan organisasi bukan kerajaan (NGO).

31. Program jangkauan yang dianjurkan secara kolaboratif setiap tahun seperti Karnival Kewangan, InvestSmart dan Minggu Saham Amanah Malaysia adalah antara program yang telah menarik kehadiran jutaan pengunjung.

32. Program-program ini telah berjaya meningkatkan pengetahuan kewangan serta kemahiran individu dalam merancang dan membuat keputusan kewangan dengan lebih baik.

33. Bagi penjawat awam pula, pihak kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Bank Negara Malaysia telah melancarkan modul “Pengurusan Kewangan Peribadi”. Modul ini ditawarkan dalam talian atau on line, melalui portal E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) dan boleh diakses pada bila-bila masa.

34. Usaha-usaha ini bukanlah setakat aktiviti sampingan, tetapi disasarkan agar benar-benar memberi keberhasilan yang diharapkan. Oleh itu, ambillah peluang ini untuk menimba ilmu yang berkaitan dengan kewangan sebanyak-banyaknya agar kita dapat elak dari terbelengggu dengan masalah kewangan yang menekan kehidupan kita.

PENUTUP

35. Akhir sekali, saya ingin tekankan bahawa kerjasama antara semua pihak iaitu, pengguna, institusi kewangan, persatuan pengguna, agensi kerajaan, pihak akademik dan institusi pendidikan serta pihak lain amatlah penting bagi menjayakan usaha meningkatkan tahap literasi kewangan ini.

36. Marilah kita mulakan langkah ke arah mencapai misi Jaringan Pendidikan Kewangan agar apa yang dirancang dan dicita menjadi kenyataan.
37. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 - 2023.
Terima kasih.

TEKS 5 - UCAPAN SEMPENA HARI BELIA NEGARA 2019

1. Alhamdulillah. Bersyukur kita kerana diberi kesempatan untuk bersama-sama menjayakan Majlis Sambutan Hari Belia Negara 2019.
2. Majlis sambutan ini amat penting kerana ia meaikan jalinan perpaduan serta pengiktirafan pihak Kerajaan terhadap golongan muda ataupun golongan belia.
3. Apabila melihat ramai anak muda yang sanggup datang dari jauh sama ada secara individu atau mewakili pertubuhan-pertubuhan belia, saya merasakan ia adalah satu dorongan dan juga sokongan dari golongan belia ini dalam usaha memastikan Negara maju, aman dan makmur.
4. Saya ucap terima kasih atas kehadiran semua.
5. Sambutan Hari Belia Negara pada tahun ini amat bererti dan signifikan terutamanya selepas setahun Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan Negara.
6. Ianya bukan satu rahsia - generasi muda telah memastikan perubahan itu berlaku. Ia berlaku kerana anak-anak muda kita tidak lagi mahu Negara terus terpalit dengan perbuatan-perbuatan yang merosakkan Negara. Mereka tidak mahu lagi membenar Negara dipimpin oleh seorang kleptokrat. Mereka mahu
rasuah dan salah guna kuasa dihentikan.
7. Kejayaan menjatuhkan Kerajaan yang lalu berhasil kerana keberanian generasi muda untuk menghadapi tekanan dan ugutan. Ia juga merupa kesanggupan dan keupayaan belia untuk menahan diri dari terpengaruh dengan wang yang dianggap Raja oleh pemerintah ketika itu, dan terus berpegang kepada idealisme dan prinsip perjuangan.
8. Golongan dewasa dan tua tidak akan dapat melakukan perubahan ini secara bersendirian tanpa sokongan dam semangat golongan muda.
9. Di dalam kita menikmati kejayaan yang kita capai sejak setahun lalu, apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah untuk mencorakkan masa depan Negara.

10. Mungkin ada kebenaran terhadap kata-kata bahawa berusaha untuk mencapai kejayaan itu adalah bahagian yang mudah ataupun “the easy part”. Yang lebih susah ialah bagaimana kita mengisi atau menggunakan kejayaan itu.

11. Di sini, perlu saya tekankan bahawa golongan muda harus sedar bahawa tanggungjawab mereka tidak terhenti dengan kejayaan yang telah kita capai. Sekarang ini cabaran untuk memulih dan membangun Negara adalah lebih besar. Dulu kita bersama-sama mengkritik dan membantah kerosakan-kerosakan yang dilakukan. Sekarang kita perlu juga bersama-sama untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan tersebut dan memikirkan apakah usaha yang perlu kita lakukan untuk masa depan Negara yang akan diwarisi belia.

12. Golongan anak muda merupakan penentu masa hadapan Negara. Mereka juga akan jadi generasi pemimpin akan datang. Kerana itu secara beransur-ansur mereka perlu diterap dan diberi peranan di dalam usaha-usaha mentadbir dan membangun Negara.

13. Kita harus berpegang kepada prinsip tidak ada sesiapa pun yang terlalu muda untuk menggalas tanggungjawab termasuklah tanggungjawab terhadap Negara.

14. Benar ada yang berpendapat bahawa golongan muda tiada pengalaman dan mungkin akan terburu-buru membuat keputusan yang mungkin bukan yang terbaik.

15. Kerana itu kita perlu mencari kombinasi yang terbaik di antara golongan muda dan tua untuk memaju Negara. Ini kerana, jika golongan muda kurang berpengalaman - semangat, komitmen, tenaga, kesungguhan dan idealisme mereka mampu membantu dan apabila mereka beriringan dengan golongan tua yang berpengalaman, sudah pasti gabungan ini mampu melaksanakan apa juga tanggungjawab yang diberikan kepada mereka.

16. Sebagai pewaris Negara, golongan belia mesti menyedia diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya untuk menghadapi arus dunia yang semakin mencabar. Kita perlu kenal pasti cabaran dan halangan ini agar inisiatif yang terbaik dapat dirangka. Antara cabaran tersebut ialah:

17. Peningkatan Budaya Integriti dan Penolakan Amalan Rasuah. Bagi golongan belia yang memegang jawatan sama ada dalam sektor Kerajaan, swasta mahupun badan bukan Kerajaan seperti pertubuhan belia, saya ingin tekankan bahawa sikap berintegriti tinggi dan menolak amalan rasuah hendaklah sentiasa menjadi pegangan dalam pekerjaan dan kehidupan mereka.

18. Anak muda hari ini harus sedar akan bahayanya budaya rasuah dan amalan tidak

berintegriti. Salah satu penyebab kenapa Kerajaan terdahulu ditbangkan adalah kerana berleluasanya amalan dan gejala rasuah ini.

19. Teknologi maklumat juga menjadi satu cabaran yang ketara kerana pelbagai bentuk maklumat kini boleh diperolehi dengan amat mudah. Golongan muda perlu bijak menangani kepantasan perubahan teknologi ini dan tidak terpengaruh dengan perkara-perkara negatif sehingga nilai-nilai murni dan idealisme tercemar.

20. Satu lagi cabaran yang perlu kita tangani secara bijak ialah Revolusi Perindustrian Keempat atau IR 4.0 yang membawa kita berdepan dengan pelbagai cabaran dan teknologi disruptif. Sebahagian besar urusan pentadbiran, perniagaan dan pelbagai urusan perlu dikaji cara perlaksanaan supaya dapat menjadi lebih berkesan dengan memanfaatkan teknologi-teknologi yang sebegitu canggih.

21. Semua perubahan ini akan datang kepada kita dengan sangat pantas tanpa disedari. Menolak atau tidak menerima mereka hanya akan meminggirkan kita dari arus perdana. Yang perlu kita pastikan ialah kita berpegang kepada nilai-nilai murni dan mempunyai jati diri yang kuat.

22. Pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan juga merupakan cabaran generasi muda kesan daripada kepincangan yang kita warisi. Saya percaya dalam tempoh terdekat, ekonomi Negara akan kembali berada di landasan yang betul.

23. Di atas kesedaran ini juga, pekerjaan untuk anak muda diberi keutamaan dan Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif baru untuk menurunkan kadar pengangguran dan ini termasuklah ke arah mewujudkan sejuta peluang pekerjaan. Usaha ini sedang giat dilaksanakan.

24. Golongan muda dianggarkan seramai 46.63% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Kerana itu, potensi generasi muda perlu dikesan dan dibentuk lebih awal bermula daripada alam persekolahan sehinggalah ke institusi pengajian tinggi.

25. Saya harap pewujudan Malaysia *Future Leaders School* baru-baru ini dapat membentuk pemimpin masa hadapan yang mempunyai jati diri yang tinggi, semangat kenegaraan yang kukuh, berdaya saing, berintegriti tinggi dalam mendepani cabaran global yang pantas berubah.

26. Gelombang "*Youth Power*" juga telah digerak untuk memperkasakan anak muda ke tahap yang lebih tinggi. Seiring dengan tema sambutan Hari Belia Negara pada tahun ini, "*Youth Power*" dilihat bukan sahaja sebagai suatu slogan tetapi juga satu manifestasi kepentingan dan peranan generasi muda dalam mencorakkan

pembangunan Negara.

27. Usaha dan tanggungjawab melahirkan golongan muda yang mampu menyumbang secara positif kepada pembangunan Negara tidak terhad kepada peranan Kementerian Belia dan Sukan tetapi seluruh segmen masyarakat samada yang berperanan formal atau sebaliknya. Pihak Kerajaan, swasta, badan-badan bukan Kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan belia mempunyai peranan penting di dalam pembentukan golongan muda.

28. Saya dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan akan menggerakkan beberapa inisiatif baharu dalam memperkasa belia.

29. Platform "*Youth Power Club*" yang menggabungkan semua penggerak belia dan sukan akan diwujudkan bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti anak muda yang fokus kepada kerja-kerja komuniti dan melatih pelapis kepemimpinan anak muda di akar umbi.

30. Untuk itu, lebih daripada RM50 juta akan diperuntukkan bagi tahun 2019 dan 2020 bagi pelaksanaan program *Youth Power*. Peruntukan ini termasuklah RM 7.4 juta untuk tahun 2019 bagi menggerakkan *Youth Power Club* di 222 buah kawasan di seluruh negeri. Peruntukan berbentuk geran untuk *Youth Power* ini boleh dimohon oleh semua persatuan berdaftar termasuk mereka yang belum pernah mendapat bantuan peruntukan dari Kerajaan sebelum ini.

31. Selain itu, bagi meluaskan akses kepada kemudahan sukan dan rekreasi kepada semua anak muda, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta dana khas pada tahun 2020 untuk pembangunan infrastruktur sukan luar bandar bersama sektor swasta.

32. Inisiatif penyertaan anak muda diteruskan dengan melantik belia yang berkelayakan di dalam pelbagai jawatan utama bagi meningkatkan suara anak muda dalam membuat keputusan.

33. Kerajaan juga telah bersetuju untuk melantik seorang ahli Dewan Negara dari kalangan belia berkelayakan yang mempunyai kepakaran luas dalam bidang dan isu pembangunan belia. Saya cadang supaya pelantikan tersebut dibuat dalam masa terdekat dan supaya calon yang sesuai dilantik ke jawatan Senator.

34. Atas kepercayaan dan kesetiaan anak muda dalam memberi ruang Kerajaan baharu memimpin Negara pada hari ini, kita akan pastikan suara anak muda akan sentiasa diberi perhatian dan diambil kira dalam setiap proses keputusan Kerajaan di semua peringkat – daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Fokus dan keutamaan dalam

membangunkan generasi muda melalui pelbagai inisiatif akan terus dilaksana dan diperkukuh oleh Kerajaan.

35. Akhir kata, saya ucap syabas dan tahniah atas kejayaan penganjuran sambutan Hari Belia Negara 2019 kepada Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Belia Malaysia. Saya percaya konsep "*Youth Power*" yang diperkenalkan ini akan dapat menyerlahkan potensi modal insan anak muda
supaya lebih berdaya saing pada masa hadapan.

DENGAN INI SAYA MERASMIKAN SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA 2019.

Sekian, terima kasih.

TEKS 6 - UCAPAN DI MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK NEGARA KE-13 2019

1. Terima kasih kerana menjemput saya untuk bersama-sama meraikan penerima Anugerah Akademik Negara ke-13 pada malam ini.

2. Tahniah juga saya ucapkan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai penganjur majlis, ini kerana setiap tahun telah berusaha memberi pengiktirafan kepada ahli akademik yang menyumbang kepada kecemerlangan institusi pendidikan tinggi Negara.

3. Anugerah Akademik Negara (AAN) ini penting kerana ia memperlihat betapa Kerajaan mengiktiraf ahli-ahli akademik Negara yang telah mengharumkan nama Malaysia di dalam pelbagai bidang ilmu.

4. Dengan pengiktirafan melalui anugerah ini, ia diharap akan menggalakkan kesarjanaan di kalangan ahli-ahli akademik kita dan seterusnya menjadi perangsang kepada mereka untuk memartabatkan pendidikan tinggi Negara.

5. Kerajaan Pakatan Harapan meletakkan bidang pendidikan sebagai teras utama dalam pembinaan Malaysia baharu yang inklusif, sederhana dan gemilang di persada dunia.

6. Ia sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahu melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi

sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara.

7. Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal insan dan sosio-ekonomi Negara. Dalam tempoh 62 tahun Negara mencapai kemerdekaan misalnya, kita telah menyaksikan peningkatan yang ketara dalam pendidikan tinggi Negara.

8. Walaupun masih banyak ruang untuk diperbaiki, kita masih boleh berbangga dengan kejayaan Negara yang menyediakan pendidikan tinggi yang diiktiraf di peringkat global. Insititusi pendidikan tinggi di Malaysia telah mencapai kedudukan yang kukuh dikalangan penyedia pendidikan tinggi dunia. Malaysia kini merupakan antara destinasi pilihan utama untuk pelajar antarabangsa.

9. Sehubungan dengan itu, Kerajaan mengambil berat usaha-usaha meningkat kecemerlangan ahli akademik melalui aktiviti pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, penulisan ilmiah, khidmat pakar dan perundingan.

10. Melalui usaha-usaha ini, bidang kepakaran masing-masing dapat diterjemahkan dengan lebih baik. Apabila ahli-ahli akademik kita terus berusaha untuk meningkat kemahiran dan penguasaan ilmu mereka sudah pasti, yang akan menerima hasilnya ialah pelajar dan juga Negara.

11. Semakin tinggi keupayaan dan kemahiran ahli-ahli akademik secara langsung pelajar yang dididik akan juga menjadi pelajar yang unggul dan berkemampuan. Dan pelajar ini sudah pasti juga akan menyedari perlunya penguasaan bukan sekadar ilmu akademik malahan kebolehan untuk mampu bersaing, bijak dan cekal untuk berhadapan dengan permintaan pasaran serta cabaran-cabaran lain masakini.

12. Selain menyedia pelajar-pelajar yang berkeupayaan untuk menghadapi kehidupan luar kampus, ahli-ahli akademik yang mempunyai pencapaian yang tinggi perlu juga memperlengkap pelajar mereka dengan nilai-nilai yang baik dan mulia. Ini bersesuaian dengan falsafah pendidikan nasional.

13. Penerima-penerima Anugerah Akademik Negara yang diraikan malam ini patut dijadikan contoh kepada ahli-ahli akademik yang lain dimana usaha mempertingkatkan kepakaran dan tidak boleh berhenti setelah seseorang ahli akademik itu ijazah peringkat doktor falsafah atau PhD.

14. Pencarian ilmu tidak perlu ada penghujung ataupun kepuasan. Ia perlu menjadi satu pencarian sepanjang hayat dan ahli-ahli akademik mempunyai kedudukan yang paling baik untuk memimpin pencarian tersebut. Universiti-universiti juga harus berperanan sebagai pemangkin dan penggalak kepadapencarian ilmu atau digelar sebagai pemetaan bakat akademik dan pembangunan kesarjanaan.

15. Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus menggalak budaya pengiktirafan kecemerlangan ini menerusi Anugerah Akademik Negara pada tahun-tahun akan datang.

16. Pendidikan tinggi juga merupakan landasan untuk mencetus kreativiti dan menjana inovasi untuk kelangsungan Negara. Kerana itu institusi pendidikan tinggi ditubuhkan di semua negeri supaya budaya ilmu ini dapat dikembang secara menyeluruh dan bersifat inklusif. Selain daripada mendidik anak bangsa, institusi pendidikan tinggi juga berperanan memberi khidmat kepada masyarakat setempat.

17. Keterlibatan institusi pendidikan tinggi dengan masyarakat dapat dilihat melalui sumbangan mereka dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat.

18. Selain daripada sumbangan kepakaran dari kalangan ahli akademik, keterlibatan institusi pendidikan tinggi dengan masyarakat juga dapat dilihat daripada penglibatan pelajar dalam masyarakat. Inisiatif seperti *Service Learning Malaysia - University For Society* atau SULAM contohnya memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang kepada masyarakat dengan mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas untuk menyelesaikan permasalahan sebenar dalam komuniti.

19. Melalui iniasitif ini, pengetahuan, inovasi dan teknologi yang dibangunkan oleh pelajar, ahli akademik dan penyelidik di institusi pendidikan tinggi boleh dipindahkan kepada masyarakat. Pada masa yang sama ia perlu dikomersialkan agar dapat memberikan manfaat secara langsung kepada komuniti dalam usaha menyokong pembangunan sosioekonomi Negara.

20. Era Revolusi Industri 4.0 mendedahkan bidang akademik kepada keadaan yang lebih mencabar. Kehadiran apa yang digelar sebagai "*disruptive technology*" memerlu kepada ahli-ahli akademik yang mempunyai wawasan, bersedia berubah bersesuaian dengan cabaran-cabaran baru serta mempunyai kebijaksanaan untuk kekal relevan.

21. Melihat kepada kepantasan perubahan-perubahan yang dibawa oleh Revolusi Industri 4.0, ahli- ahli akademik juga perlu cepat menangani perubahan serta mampu melakukan pendekatan- pendekatan yang memastikan pelajar kita tidak ketinggalan.

22. Yang pasti, kita tidak mempunyai banyak masa untuk membiarkan diri kita hilang fokus dari cabaran-cabaran yang berada di hadapan kita. Kita tidak ada pilihan melainkan memberi sepenuh perhatian terhadap perubahan-perubahan tersebut dan jika kita tidak mampu menangani mereka kita akan terpinggir.

23. Sebelum saya akhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin ucap terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam

menjayakan Anugerah Akademik Negara pada tahun ini.

24. Kepada bakal penerima anugerah, saya ucap tahniah. Saya harap anugerah ini dapat menjadi pembakar semangat untuk terus meningkatkan kecemerlangan diri dan institusi masing-masing.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

TEKS 7 - UCAPAN PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019

1. Terlebih dahulu saya ingin ucap terima kasih di atas kehadiran Tuan-tuan dan Puan-puan ke majlis yang bagi saya amat bermakna di dalam kita mahu membina hala-tuju Negara dan sebagai pemegang amanah kepada generasi akan datang.

2. Hari ini adalah satu hari yang bersejarah buat Malaysia kerana buat julung-julung kalinya dalam sejarah negara, kita akan melancarkan Pelan Antirasuah Nasional ataupun *National Anti-Corruption Plan* yang komprehensif untuk memerangi gejala rasuah.

3. Seperti yang kita semua maklum, Kerajaan hari ini dipilih di atas kesedaran rakyat yang tidak boleh lagi menerima perbuatan rasuah yang berleluasa dan jelas merosakkan Negara.

4. Rakyat telah bangun secara kolektif dan menggunakan kuasa rakyat untuk menolak Kerajaan yang dahulu. Ianya satu pernyataan tegas bahawa rasuah di kalangan pemimpin Kerajaan dan di kalangan kakitangan awam tidak boleh lagi diterima.

5. Kerajaan yang baharu disandarkan tanggungjawab untuk memastikan rasuah ini dibendung dan pelaku-pelakunya di pertanggungjawabkan.

6. Kerana itu, walaupun Kerajaan baharu telah melakukan tindakan-tindakan untuk membawa ke pengadilan pelakupelaku rasuah yang lalu, langkah-langkah susulan perlu diambil untuk memastikan rasuah yang berleluasa itu tidak akan berulang.

7. Dalam konteks inilah lahirnya Pelan Antirasuah Nasional. Ianya memperlihatkan komitmen kita di dalam memerangi rasuah.

8. Pelan ini juga satu pernyataan yang tegas dari Kerajaan sekarang, iaitu, pesalah yang lalu telah dan sedang kita kejar dan akan kita hukum, manakala perasuah sekarang dan masa depan akan berdepan dengan tindakan yang lebih tegas.

9. Ia satu bukti bahawa tindakan yang kita ambil terhadap perasuah-perasuah yang lalu bukanlah satu tindakan berlandaskan dendam atau benci.

10. Ianya satu tindakan yang diambil kerana kerosakan yang mereka lalukan kepada Negara amat besar dan tidak boleh dibiarkan supaya sesiapa yang merancang untuk melakukan rasuah seperti mereka tidak akan dibiarkan terlepas dan hukumannya adalah lebih berat dan tegas.

11. Kerana itu, Pelan Antirasuah Nasional ini hadir sebagai peringatan dan amaran kepada semua pemimpin sekarang dan masa depan bahawa Malaysia dan rakyatnya 126 tidak menerima amalan rasuah dan ianya satu amalan keji dan menjijikkan.

12. Kita sedia maklum bahawa terdahulu Pelan Integriti Nasional (PIN) telah diperkenalkan dalam tahun 2004 yang memberi fokus kepada pembudayaan integriti dalam kalangan masyarakat.

13. Malangnya Pelan tersebut tidak berupaya menyekat budaya rasuah malahan ianya semakin menjadi-jadi selepas diperkenalkan sehinggalah beberapa tahun yang lalu apabila Negara digelar sebagai sebuah kleptokrasi, satu label yang amat memalukan. Kleptokrasi bermakna sebuah kerajaan yang dipimpin oleh perasuah dan pencuri harta negara yang mengeksploitasi harta negara dan rakyat untuk kepentingan peribadi.

14. Label ini bukan dicipta oleh saya atau Kerajaan yang saya pimpin. Ianya disebar oleh media-media luar negara setelah badan-badan berkuasa dari Negara luar mendapati pemimpin yang lalu telah terbabit di dalam pengubahan wang haram, rasuah dan penipuan secara berleluasa di satu tahap yang belum pernah terjadi sebelum itu.

15. Di atas kesedaran ini, kita berpendapat, kita tidak boleh sekadar mengingatkan rakyat mengenai kesalahan yang telah berlaku dan betapa buruknya kesan kepada Negara.

16. Kita perlu melihat ke hadapan dan mencari jalan memastikan supaya Kerajaan yang baharu dan yang akan datang tidak akan mengulangi perbuatan rasuah tersebut.

17. Adalah tidak mencukupi sekadar meletakkan kesalahan kepada Kerajaan yang dahulu dan menjadikan ia sebagai ingatan.

18. Sekadar niat tidak mahu melakukan rasuah dan janji mulut tidak memadai. Kita memerlukan pelbagai strategi, undang-undang serta sekatan-sekatan supaya ia dapat membendung rasuah dan menyukarkan mereka yang ingin melakukannya.

19. Dan jika mereka berjaya melakukannya, kita mesti berupaya mengesan perbuatan itu dengan cepat dan selepas itu memastikan mereka mendapat hukuman yang tegas

dan setimpal.

20. Kerana itu, jika ada yang mengatakan bahawa Kerajaan hari ini terlalu fokus kepada salah-laku Kerajaan yang lalu, Pelan Antirasuah Nasional ini adalah gagasan masa depan. Yang perlu berhadapan dengan pelan ini adalah ahli-ahli pentadbiran dari Kerajaan sekarang.

21. Kita amat berharap Pelan ini di dalam lima tahun akan datang akan berupaya mengekang budaya rasuah di dalam negara. Kita tahu ini bukan satu usaha yang akan tercapai dengan mudah dan cepat. Tetapi kita harus mulakan dengan meletakkan asas-asas dasar yang akan membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan integriti.

22. Pelan ini disediakan melalui satu proses yang mengambil kira aspirasi dan harapan rakyat Malaysia dalam perjalanan memerangi rasuah. Ianya bersandarkan bukti-bukti empirikal daripada hasil analisis kajian dan data tangkapan serta laporan audit yang terkini. Ianya juga mengambil semangat yang terkandung dalam manifesto kerajaan Pakatan Harapan dan laporan daripada Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee--IRC*).

23. Pelan ini juga mengambil pandangan dan maklum balas daripada semua Ketua Setiausaha kementerian-kementerian, ketua-ketua Jabatan selain perbincangan dengan pelbagai pihak yang difikirkan mampu membantu kita dalam usaha ini.

24. Selain itu, penilaian dan semakan oleh kumpulan pakar daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui UNCAC atau *United Nations Convention Against Corruption* juga kita perolehi.

25. Yang paling penting bagi saya ialah Pelan ini telah menilai risiko rasuah di peringkat akar umbi dan memberi fokus kepada enam (6) bidang yang dikenal pasti sebagai bidang keutamaan yang cenderung kepada rasuah.

26.Bidang-bidang tersebut adalah:

a. Perolehan Awam;
b. Penguatkuasaan undang-undang;
c. Tadbir urus Politik;
d. Tadbir urus korporat;
e. Pentadbiran Sektor Awam dan
f. Yang terakhir adalah dalam bidang Perundangan dan Kehakiman.

27. Enam bidang utama ini sekiranya tidak ditangani, masalah rasuah dalam negara akan menjadi lebih parah daripada apa yang telah kita lihat sebelum ini. Kerana itu

kita menekankan pelaksanaan enam strategi untuk enam bidang keutamaan ini:

a. Pertama sekali ialah mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan;

b. Kedua, menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang;

c. Ketiga, memperkukuh akauntabiliti dan integriti politik;

d. Keempat, memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat;

e. Kelima, memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan dan

f. Yang keenam, mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehakiman.

28. Ini tidak bermakna perkara-perkara lain tidak penting. Kita cuma memberi keutamaan dalam usaha kita memerangi rasuah pada hari ini untuk menentukan enam bidang tumpuan ini kita perbetulkan ke peringkat akar umbinya.

29. Saya difahamkan daripada enam strategi yang telah digariskan dalam Pelan ini, terdapat 115 inisiatif yang telah dirancang dan kesemuanya berhasrat untuk menjadikan Malaysia negara bebas rasuah.

30. Kesemua inisiatif ini tidak boleh dilaksanakan oleh saya seorang diri, atau oleh Pusat Governans, Integriti dan AntiRasuah Nasional (GIACC) sahaja. Tidak juga ini menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau agensi-agensi lain yang diberi tanggungjawab mengenai governans dan integriti. Ianya adalah tanggungjawab semua pihak. Daripada Perdana Menteri sehinggalah kepada guru-guru di Tadika terutamanya di dalam menanam nilai yang baik dan benci kepada rasuah dikalangan anak-anak kita.

31. Sudah pasti, nilai ini akan lebih bermakna jika kita dapat memperlihatkan diri kita, sebagai Menteri-Menteri Kabinet, Ketua-ketua Menteri, Menteri-Menteri Besar dan lain-lain jawatan yang diamanahkan oleh rakyat sebagai tauladan di dalam mencapai integriti, bebas rasuah, tidak menyalah guna kuasa dan beramanah.

32. Langkah pertama yang kita ambil iaitu, untuk mengisytihar harta adalah amat baik kerana rakyat akan tahu berapa nilai kita sebelum memegang jawatan dan selepas dan jika tiba-tiba kekayaan meningkat secara mendadak pasti menimbulkan persoalan dan menarik minat agensi-agensi anti-rasuah.

33. Kita menang pilihanraya yang lalu kerana kita memperjuangkan governans dan integriti. Kita tidak ada pilihan lain selain mengutamakan governans dan integriti. Ini pilihan rakyat dan diamanahkan kepada kerajaan Pakatan Harapan.

34. Sebab itu dalam Pelan Antirasuah Nasional ini kita meletakkan kepentingan kepada pewujudan rang undang-undang berkaitan pembiayaan politik.

35. Dalam Pelan ini kita juga akan memperkenalkan arahan Perdana Menteri dalam pengurusan had bidang kuasa antara Menteri dengan Ketua Setiausaha. Semua ini antara usaha untuk memisahkan pentadbiran kerajaan daripada pengaruh politik. Ini penting sebagai usaha untuk mengelakkan sebarang salah guna kuasa daripada berlaku.

36. Begitu juga saya berharap dengan penjawat awam, terutama ketua-ketua jabatan untuk menentukan apa yang terkandung dalam Pelan ini bukan sahaja dilaksanakan tetapi pastikan mencapai matlamat yang dihasratkan.

37. Semua pihak mempunyai saham dalam menentukan 115 inisiatif yang digariskan dalam pelan ini menjadi kenyataan. Masyarakat sivil khasnya harus mainkan peranan sebagai mata dan telinga kerajaan. Sila pantau dan beri maklum balas sekiranya ianya tidak mencapai seperti yang kita harapkan.

38. Pihak media juga punya tanggungjawab yang sangat besar dalam menyampaikan mesej penting kita berhubung dasar negara dalam konteks antirasuah dan membantu rakyat memahami hasrat yang terkandung dalam pelan ini.

39. Semua orang, tidak ada yang terkecuali, mempunyai peranan dalam menjayakan hasrat yang terkandung dalam Pelan Antirasuah Nasional ini.

40. Apa yang telah berlaku akan kita pastikan tidak berulang never again.

41. Dengan lafaz Bismilahirahmanirrahim, saya melancarkan Pelan Antirasuah Nasional.

Terima kasih.

TEKS UCAPAN DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

TEKS 8 – UCAPAN MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2024

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolihil Kareem.

Saudara YB Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil,

Selaku Pengerusi Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia;

Saudara YAB Dato’ Seri Amirudin Shari,

Menteri Besar Selangor;

Rakan-rakan Menteri;

Saudara YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Mohd Zuki bin Ali,

Ketua Setiausaha Negara;

Timbalan-timbalan Menteri;

Pegawai-pegawai; dan

Saudara-saudari termasuk Komuniti MADANI dari seluruh negara.

1. Merdeka ini hanya difahami, mampu dimengerti dan dimaknai sekiranya kita menyingkap lembaran sejarah. Tidak ada negara yang merdeka secara tidak semena-mena, ia memerlukan pengorbanan, visi dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu dengan keringat, darah dan air mata. Ia menuntut pengorbanan tentera, polis yang pada masa itu dipanggil homeguard, pejuang-pejuang kebangsaan dan ramai rakyat dalam mempertahankan negara.

2. Dalam perjuangan, ratusan malah ribuan yang dipenjara di Singapura dan di Pudu. Ramai yang disingkir dari jabatan, dari pegawai dan majistret, kemudiannya hidup sebagai seorang penulis.

3. Jangan kita lupa, anak-anak muda harus mengerti kemerdekaan itu dibayar dengan darah, air mata dan keringat. Kemerdekaan itu tercapai dengan pengorbanan. Generasi tidak dituntut pengorbanan sebegitu, tidak dituntut pengorbanan darah tetapi kita tugaskan kepada pasukan keselamatan jauh di perbatasan, lautan dan belantara untuk menjaga keselamatan dan mempertahankan negara.

4. Apa erti kemerdekaan jika jenis pimpinan yang kita pilih itu sama dengan 126 penjajah? Guna kuasa, merampok kekayaan dalam negara dan kalau pun diambil adalah untuk kepentingan mereka atau untuk negara mereka. Seluruh kemegahan di United Kingdom, seluruh kemegahan Raja-raja Inggeris itu dari harta kita, pengorbanan bapa-bapa dan ibu-ibu kita, dan dari harta negara-negara yang dijajah seperti India dan Pakistan.

5. Dimanakah harta kekayaan di Perancis? Dari penjajahan yang mereka rompak dari negara-negara Afrika dan Asia. Satu bilion, dua bilion dan puluhan bilion. Itu harga kemerdekaan. Kita mengajar kemerdekaan dari segi tarikh. Apabila ada rundingan, ada yang bercerita kisah Mat Kilau, ada yang di Perak yang membunuh J.W.W Birch, ada perjanjian 1824, itu hanya catatan tarikh-tarikh dan sejarah.

6. Namun bagi rakyat, rakyat yang terbanyak yang memastikan wujud dan tercapainya

kemerdekaan kerana pengorbanan ramai rakyat. Apa yang boleh sang raja atau ketua atau pemimpin lakukan kalau tidak dengan dukungan rakyatnya? Pada masa itu saudara-saudara, rakyatnya juga mempunyai kesedaran. Apakah mereka ini pandai? Tidak. Sekolah Menengah pun tidak ada. Adakah mereka pintar dengan ilmu dengan kepakaran dan kemahiran? tidak ada. Berapa orang yang sampai ke universiti? Berapa orang yang dianggap alim? tidak ada, tetapi yang ada ialah semangat dan daya juang, keikhlasan, dan cita-cita murni. Mereka mahu negara ini pada masa itu Tanah Melayu menjadi negara merdeka, hebat dipimpin oleh anak-anak bangsa yang cinta kepada negara mereka. Itu sahaja yang ada.

7. Jadi saudara-saudara, sebab itu kita tekankan dalam tema Malaysia MADANI ini, jiwa merdeka kerana kalau jiwa dan semangat itu tidak digilap, ia akan pudar. Dan yang menjamin hebat jati diri Malaysia ini, jiwa kita. Ada yang telah berjuang. Saya tegaskan bukan untuk diganti dengan orang yang guna kuasa yang tolak ansur. Sehingga sekarang ada yang diberi amanah, diberi amanah untuk menjaga jabatan, menjaga kementerian, menjaga negara tetapi digunakan untuk memperkayakan diri mereka, keluarga mereka atau kroni mereka. Apa bezanya dengan pegawai penjajah? Apa bezanya? Mana akhlak Islamnya? Mana kecintaan kebangsaan negaranya?

8. Sebab itu saudara-saudara, apabila kita sebut jiwa merdeka, kita nak tanam semangat di kalangan rakyat bahawa negara ini tidak mungkin tercapai kemerdekaan kalau tidak dengan pengorbanan dan tidak dengan kekuatan

semua di negara ini.

9. Kemerdekaan dicapai dengan kekuatan induk orang-orang Melayu dan perjuangan kebangsaan dengan penyertaan orang Cina dan India yang memilih untuk bersama menjadikan Malaya ini satu kekuatan baharu, menyingkir Inggeris dan merdeka bersama. Kemudian bersama dengan suku-suku kaum Sabah dan Sarawak menjadikan Malaysia iaitu, negeri hebat dan gemilang. Oleh itu, mari kita pupuk perpaduan ini, kita kekal dan kuatkan tunggak-tunggak yang utama.

10. Semalam, negara menyaksikan satu detik sejarah yang unik di dunia iaitu, peralihan jawatan Yang di-Pertuan Agong dilakukan melalui proses yang ditetapkan dalam perlembagaan dan kita memperoleh seorang tokoh raja berdaulat, Tuanku Sultan Ibrahim yang telah dinobatkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-17 bagi negara Malaysia tercinta. Berlaku dengan penuh istiadat, penuh kehebatan dan kemegahan. Payung untuk mempertahankan perlembagaan negara, mengikat perpaduan, menjamin kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, memartabatkan

Bahasa Melayu dan menjamin hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera. Ini dilakukan dengan jaminan yang saya sebut dalam ucapan taat setia semalam untuk mempertahankan hak setiap warganegara dari semua kaum, semua kawasan dan negeri di Malaysia tercinta ini. Ini saudara-saudara yang harus kita lakukan.

11. Jadi kalau dulu pengorbanannya besar, apalah sukarnya bagi kita kibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda hebat dan taat setia kita kepada negara gagah Malaysia ini. Jadi mulai hari ini, Komuniti MADANI, setiap jabatan, setiap kedai, setiap warung, kaya miskin kota dan desa, setiap rakyat, kita nak pastikan tunjuk kamu itu bersama jiwa merdeka, hebatkan Malaysia!

12. Saya percaya, kita bagi mesej yang jelas. Apa yang sukarnya kalau ketimbang orang dahulu mengorbankan segala-galanya, ibu-ibu di kampung memberikan rantai dan perhiasan mereka, jadi tabung untuk perjuangan dan pada tahun 1955, menjadi tabung untuk penerbangan pemimpin-pemimpin ke London dan pulang kerana kos terlalu tinggi. Itu pengorbanan mereka. Dahulu bagi cincin untuk perjuangan, sekarang saya tidak sambung (nada seloroh).

13. Kena ingat supaya jangan ada keterlanjuran. Kita tidak minta cincin, yang hadir sini jangan bimbang. Saya tidak minta jam, tidak minta cincin. Yang saya minta hanya kibarkan Jalur Gemilang. Boleh? Boleh? Jadi kita kena pastikan dan kalau orang yang enggan, kirim salam kepada mereka.

14. Ini bukan isu kaum, parti, kedudukan atau pekerjaan? Ini soal jati diri, soal maruah, soal harga diri. Ini satu negara apabila merdeka kibaran bendera itu meluas di seluruh negara, dipasang di setiap gerai, warung, rumah dan pondok, di setiap sekolah, masjid, kuil, gereja dan tiap jabatan. Jadi pastikan kita menjadikan tahun ini sebagai tahun kita mempamerkan kemegahan rakyat dan negara kita. Tentunya ada lagi ruang sepanjang bulan ini kita kibar, Kemerdekaan Tanah Melayu, 31 Ogos dan pembentukan negara Malaysia, negeri-negeri Tanah Melayu bersama Sabah dan Sarawak, 16 September.

Saudara dan saudari sekalian,

15. Tahun ini sambutan Hari Kemerdekaan akan diadakan di Putrajaya dan sambutan Hari Malaysia akan disambut di Kota Kinabalu, Sabah. Maka dari seluruh negeri-negeri Semenanjung dari Perlis sampai Johor, Sabah dan Sarawak, pastikan tidak ada yang ketinggalan untuk mengibarkan bendera Jalur Gemilang dan saya percaya tahun ini kita berikan petanda yang baharu.

16. Tan Sri KSN akan pantau di jabatan, Menteri-menteri di setiap kementerian,

Komuniti MADANI di setiap komuniti dan saya pastikan kerajaan-kerajaan negeri dan pemimpin-pemimpin agama, pemimpin masyarakat, dan sektor swasta juga tidak terkecuali kerana sering kali sektor swasta ini sumbangannya besar, tidak boleh kita perkecilkan. Akan tetapi kadang-kadang, mereka anggap hal ini agak remeh. Kerja mereka hanya berniaga dan catat keuntungan. Saya hendak beritahu mereka, kalau negeri ini tidak aman, niaga mereka tidak untung. Kalau tidak ada pengorbanan tentera dan polis serta pasukan keselamatan di perbatasan, tidak ada pelaburan baharu.

17. Jadi tunjukkanlah dukungan kamu termasuk sektor swasta dan kedai-kedai swasta untuk bersama dengan rakyat dan negara mengibarkan Jalur Gemilang dan kita tidak mahu ada sikap tolak ansur. Saya harap mesej ini jelas kepada mereka. Kita akan siarkan berulangan di televisyen dan media sosial kerana dalam hal ini kita bersatu.

18. Saya tidak gunakan platform ini untuk menyinggung apa-apa yang berbeza pendapat tetapi satu pendirian, satu sikap dan satu matlamat untuk angkat martabat negara Malaysia sebagai negara gemilang di rantau ini, insya-Allah.

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS 9 – UCAPAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2024

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, alladzi arsala rosulahu bil huda wa dinil haq. Liyuzhhirohu ‘alad dini kullihi.

Wa kafa billahi syahida.

Wa Nusalli Ala Rasoolilah Kareem,

Wa ‘ala alihi wasahbihi ajma’in

Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin,

Yang di-Pertua Negeri Sabah;

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima,

Dr. Hajah Norlidah Binti Tan Sri Datuk R.M Jasni;

Saudara saya, YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji Haji Noor,

Ketua Menteri Sabah yang juga tuan rumah serta isteri

YABhg Datin Seri Panglima Datuk Hjh Juliah Salag;

Saudara saya, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari

Bin Tun Datuk Abang Haji Openg,

Premier Sarawak;

Saudara YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi,

Timbalan Perdana Menteri;

YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof,

Timbalan Perdana Menteri;

Timbalan-timbalan Premier, Jawatankuasa bersama, Pengerusi Jawatankuasa bersama;

Menteri-menteri Persekutuan dan negeri, rakan-rakan; dan

Yang penting seluruh rakyat Sabah yang berkumpul ramai, panas hujan tidak kira, yang hendak mempertahankan semangat Malaysia MADANI.

1. Saya mulakan tadi dengan menyebut ayat Al-Quran yang bersabit dengan Maulid Nabi Muhammad SAW dan apa kaitannya dengan Malaysia merdeka dan Malaysia bersama Sabah dan Sarawak? Kerana bagi umat Islam, kelahiran Nabi Muhammad SAW itu terutama dalam penghijrahan adalah untuk memerdekakan; bebaskan Malaysia, bebaskan negara, bebaskan daripada pemahaman kolot, bebaskan daripada pemahaman jumud, bebas daripada perkauman sempit, bebas daripada kebencian di antara satu sama lain, bebas daripada menghukum orang dan menzalimi orang, itu semangat agama dan saya percaya ini juga semangat yang dipupuk oleh agama-agama lain yang pelbagai di negara ini.

2. Oleh sebab itu, saya kaitkan semangat Maulid Nabi, Maulidur Rasul, Nabi Muhammad SAW dalam konteks ini. Ada relevannya dan ada kebijaksanaan, suatu yang unik. Hari ini, hari Maulid Nabi dan Hari Malaysia, 61 tahun yang lalu, tarikh keramat dan saya terharu mendengar pidato saudara Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji Haji Noor yang menyebut bahawa di sinilah tapak keramat, di sinilah dimeterai perjanjian penting di antara Almarhum Tun Abdul Razak, Tun Datu Mustapha, Tun Mohd Fuad Stephen dan pemimpin-pemimpin Sabah yang lain kerana wawasan mereka, mahu Sabah merdeka bersama Malaysia, mahu Sabah menolak penjajahan Inggeris, mahu sabah menikmati pembangunan, mahu Sabah tanam semangat apa yang disebut 'Jiwa Merdeka'.

3. Ini adalah satu tema yang kita harus faham, apakah Sabah sudah merdeka? ya, Sarawak merdeka, Semenanjung Tanah Melayu merdeka tetapi jiwa merdeka itu ertinya bukan sahaja menolak pimpinan Inggeris, pimpinan orang asing tetapi menggantikan dengan pimpinan peribumi, pimpinan rakyat yang punyai jiwa merdeka

yang bekerja dan berkhidmat untuk tidak memperkayakan diri mereka tetapi membela nasib rakyat. Inilah yang kita tekankan dalam negara kita. Sebab itu program-program pembangunan mesti diteruskan.

4. Saya mendengar dan meneliti pidato dari YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji Haji Noor dan sebelum ini dengan sahabat saya Premier Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari di Sarawak, bahawa kita harus lihat seperti mana bapa-bapa, ibu-ibu kita terdahulu di mana negara ini harus mencatat kemajuan, melihat satu kesatuan dan memahami sejarah yang getir, Malaysia itu dibentuk dalam keadaan pertarungan sengit, dua kuasa besar pada ketika itu dan kita tersepit di tengah-tengah Lautan China Selatan dan pada masa itu, berbeza dengan sekarang, kita hadapi negara jiran kita yang kini sahabat karib iaitu, Indonesia di bawah Presiden Soekarno melancarkan serangan Ganyang-Malaysia kerana tidak mahu Sabah dan Sarawak merdeka bersama Malaysia kerana cita-cita mereka untuk menjadikan Kalimantan hak milik mereka. Itu adalah sejarah.

5. Alhamdulillah, semangat persahabatan kita dengan Indonesia telah meletakkan Indonesia sebagai salah satu sahabat yang paling akrab bersama negara Brunei Darussalam tetapi kita jangan lupa tentang kenyataan sejarah itu. Sebab itulah dari awal, peruntukan pertahanan sangat tinggi untuk Sabah dan Sarawak.

6. Sarawak hadapi umpamanya gerombolan komunis di sempadan. Pertarungan yang sengit, Sabah hadapi sehinggalah peristiwa Lahad Datu baru-baru ini. Di semenanjung dalam pertarungan, anak-anak Iban, anak-anak Dayak, Sarawak turut terkorban. Di semenanjung, beberapa anak Sabah; Kadazan dan Dusun juga terkorban. Di Lahad Datu, anak-anak Semenanjung turut terkorban.

7. Jadi saudara-saudara, ini negeri kita, rakyat mesti faham, yang menuntut pengorbanan itu adalah semua kaum dari semua wilayah, baru boleh Malaysia bangkit sebagai negara hebat. Saya sengaja menekankan hal ini kerana apabila kejayaan baru-baru ini di pentas dunia, anak Sarawak Bonnie Bunyau Gustin, pemain gusti yang memenangi emas dalam kategori powerlifting lelaki di paralimpik Paris 2024. Kita tidak kira dari mana, semua rakyat bangga anak kita menang pingat emas di Paris.

8. Begitu juga apabila Eddy Bernard memenangi pingat gangsa 100 meter lelaki, kebetulan anak dari Beluran, Sabah. Kita tidak mempersoal dari mana dia, suku kaum mana dia, agama apa dia, cuma yang kita bangga anak Malaysia mencatat kebanggaan memenangi pingat di paralimpik Paris 2024.

9. Inilah semangat yang kita hendak hidupkan di kalangan kita dan saya percaya

rakan-rakan, generasi pimpinan sini harus ambil iktibar ini. Tidak ada negeri yang tidak bermasalah tetapi seperti mana yang saya sebut, Timbalan-timbalan Perdana Menteri bersama saya, Menteri-menteri dalam Jemaah Menteri tidak pernah kita putuskan bahawa kalau mahu Malaysia ini berjaya, siapa sahaja yang menjadi Perdana Menteri, siapa sahaja yang menjadi Menteri, siapa sahaja yang menjadi pemimpin, beliau mesti memimpin seluruh rakyat dan bangsa Malaysia.

10. Keluhan anak kecil di Kundasang ataupun wanita sarat sakit di Kapit atau Manik Urai di Kelantan, itu keluhan yang harus kita dengar. Jadi walaupun saya akui, ada masalah yang harus kita selesaikan tetapi saya bernasib baik. Sebaik menjawat jawatan Perdana Menteri, dua sahabat yang saya menaruh keyakinan penuh, Ketua Menteri. Sabah YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sarawak Premier Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bermuafakat, bicara dengan terang, tegur dengan baik, sebagai sahabat mengeluh, menuntut tetapi dalam semangat persahabatan untuk jayakan Malaysia negara keramat kita.

11. Saya harap pemimpin-pemimpin lain belajar dari semangat yang mereka tunjukkan. Tidak benar kalau dikatakan mereka tidak pernah menuntut atau tidak mengeluh atau tidak memohon seperti juga saya yang meminta dan memohon dari mereka. Tetapi semangat perpaduan, hidupkan dan jayakan Malaysia itu mesti ada.

12. Saudara saudari harus ingat Malaysia setelah pahit mengharung zaman COVID-19, sekarang mencatatkan satu prestasi pertumbuhan yang baik, di anggap hub semi-konduktur, di anggap sekarang ini dalam transisi tenaga, Sarawak menjadi pusat di rantau kita dan Sabah sekarang meletakkan asas untuk terus di angkat sebagai satu negeri hebat dalam negara Malaysia.

Saudara-saudara,

13. Oleh kerana kita aman, kerana kita bekerja sebagai satu pasukan, kerana tidak ada kebencian dalam kita, tidak ada fahaman perkauman sempit, fahaman suku-sukuan, fahaman yang menghasut dan mengadu domba, kerana ketiadaan sikap inilah kita boleh bersatu dan menjayakan negeri kita. Jaya Sabah, Jaya Malaysia. Jaya Sarawak, Jaya Malaysia. Jaya Selangor, Jaya Malaysia. Inilah semangat yang kita harus hidupkan di kalangan kita.

14. Saya tidak berhajat untuk mengumumkan apa-apa projek istimewa. Saya sudah umumkan minggu lalu, saya hanya pantau, dan tadi kebetulan Fakulti Perubatan, Hospital Universiti Malaysia Sabah yang diunjurkan / dianggarkan siap sebelum akhir

tahun depan. Kita ada Institut atau Pusat Kanser di Sarawak, maka saya umumkan Pusat Jantung di Kota Kinabalu.

15. Maknanya kalau ada muafakat, ada perbincangan yang baik, ada cadangan-cadangan akan memudahkan kita dalam urusan kerja kita. Sebab itu saya sebagai bapa ingin menasihatkan rakan-rakan, bekerjalah sebagai satu pasukan, hindarlah fahaman-fahaman terutama kadang-kadang keterlaluan seperti mana yang kita dengar di Semenanjung; fahaman perkauman yang keterlaluan, fahaman agama yang menimbulkan kebencian dan musuh. Kalau dengar ceramah itu tidak ada lain, benci terus. Tidak ada langsung rahmah, compassion dan kasih sayang.

16. Sebab itu, untuk belajar dari sejarah penubuhan Malaysia, Semenanjung, Sabah dan Sarawak, untuk belajar daripada wawasan bapa-bapa pejuang, sama ada di sini atau juga Sarawak, semua itu kita belajar apa? mereka tidak terlalu canggih dalam perbicaraan mereka, mereka tidak punyai sijil yang berjela-jela tetapi mereka punyai hati nurani, wawasan yang baik untuk anak-anak bangsa mereka masa hadapan.

17. Inilah yang harus dipupuk dan saya percaya insya-Allah sama ada dalam Perjanjian Malaysia 63 yang terus kita bertungkus-lumus bekerja terutama Jawatankuasa Teknikal di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof ataupun apa-apa program lain, kita harus bersama-sama mengangkat martabat semua negeri-negeri dan terutama kawasan pendalaman atau daerah yang terpencil dan kawasan miskin bandar. Itu tekad kita dan percayalah insya-Allah kita akan lakukan bersama.

18. Saya akhiri sekali lagi dengan menyatakan penghargaan kepada sahabat saya saudara YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji Haji Noor dan pimpinan jawatankuasa yang menyelenggarakan majlis ini dan semangat anak-anak Sabah yang luar biasa. Hujan lebat tidak berganjak. Inilah sebabnya saya dua minggu sekali datang ke Sabah. Sehinggakan hari ini Wan Azizah kata dia mesti ikut, dia mulai bimbang kerana mengapa Abang Anwar terlalu kerap ke Sabah dan Sarawak (nada seloroh).

19. Jadi sekali lagi saya mengucapkan terima kasih, di doakan ke hadrat Allah SWT biar negara ini menjadi megah, negara ini menjadi hebat dan dalam Malaysia ini kita boleh catat satu kemajuan yang boleh menjadi contoh yang hebat. Negara pelbagai kaum, pelbagai agama tetapi satu semangat, satu 'Jiwa
Merdeka'.

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS 10 – UCAPAN SAMBUTAN HARI PEKERJA 2025 "PEKERJA KESUMA BANGSA"

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.
Alhamdulillahi rabbil alamin,
Nahmaduhu wa nusolli ala Rasulillah karim
Waala ahlihi wasahbihu ajmain.
Saudara Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Zahid Hamidi;
Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri fadillah Yusof;
Panglima Pekerja Menteri KESUMA, YB Tuan Steven Sim Chee Keong; dan
YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha;
Rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Hari ini Hari Pekerja. Kita datang untuk memperingatkan bukan saja pekerja, majikan, rakyat dan pemimpin. Seperti mana dilakar dalam lagu itu, "tanpa pekerja, tidak ada Istana Raja. Tanpa pekerja, tidak ada hospital megah. Tanpa pekerja, keluarga kita tidak dirawat. Tanpa pekerja, keselamatan kita tidak terjamin." Jadi saya harap, sambutan ini memberi peringatan kepada semua. Ada perubahan sikap. Negara berkembang maju, alhamdulillah. Kita catat pertumbuhan yang membanggakan. Pelaburan yang kita catat, tertinggi dalam sejarah. Tetapi, dalam mengukur ini semua, kita mesti jamin keselesaan kepada rakyat terbanyak dan pekerja.

2. Sebab itu sepertimana disebut tadi oleh Menteri KESUMA, dalam merangka Sistem Saraan Penjawat Awam yang baharu, pendekatan kita bukan sahaja naik gaji seperti biasa. Yang tertinggi naik sedikit, yang di bawah naik lebih tinggi 15%, 20%, 30%. Sebab apa saudara-saudara? Kerana kita tidak mahu negara ini makmur untuk sebilangan kecil dan sebahagian besarnya yang bekerja itu diketepikan. Sama seperti kita hebahkan soal frontliners, tatkala menghadapi COVID-19, semuanya berkhidmat, semua berkorban. Tapi kadang-kadang kita hanya meletakkan tumpuan kepada kelompok yang diatas. Memang mereka berkhidmat, tetapi tanpa technician, tanpa tukang cuci, tanpa tulang yang membersihkan tanpa pencuci lantai. Tidak ada kejayaan dalam usaha kita, sebab itu menghargai, menghargai dari atas sampai ke bawah. Jangan kita ambil sikap yang bukan manusiawi kalau kita kata betul, walakad karamna bani adam, kita angkat darajat manusia, manusia itu jangan dinilai kerana pangkatnya, kerana hartanya, kerana kedudukannya, tetapi kerana kemuliaan budi

pekerti dan khidmatnya.

3. Saya harap insya-Allah, kalau semangat ini ada kita boleh berubah. Sebab itu, kita mulakan dengan gaji minima. Percayalah saudara-saudara, bila kita bahas soal gaji minima. Sampai ke Jemaah Menteri, dia tidak mudah. Kerana tekanan kuat bukan semua majikan. Sebahagiannya memikirkan kalau naik gaji minimum, beban kepada majikan, tidak akan ada pelaburan, kos pengeluaran tinggi. Tapi kita terima sebahagian hujah. Tetapi kalau kita terima bahagian hujahnya, sampai bila? Keadaan pekerja di peringkat bawah itu, kekal sebegini. Bagaimana mungkin kita angkat sedikit, pendapatan mereka jamin keselesaan mereka.

4. Sebab itu, saya ucap terima kasih kepada Jemaah Menteri, YAB Dato' Seri Zahid, YAB Dato' Sri Fadzilah, dan seluruh barisan, yang ambil sikap faham kerangka falsafah MADANI dan mengatakan mesti ada perubahan, mesti ada reform dalam sikap dan mentaliti kita untuk menjaga kepentingan rakyat yang di peringkat bawah, umumnya majoriti pekerja di tanah air. Jadi bukan ini soal PMX, PMX kita tidak boleh berperanan, kalau tidak ada kekuatan, kesatuan, semangat pimpinan yang cinta kepada rakyat, yang dicintai rakyat dan mencintai rakyat baru ada makna dalam perubahan dan hidup negara kita.

5. Terima kasih. Saya bangkit seperti mana yang disebut oleh Steven Sim tadi, memang betul Perdana Menteri ini bangkit dari perjuangan jalanan. Dan kalau dilihat menyingkap lembaran sejarah puluhan ribu berhimpun itu hampir keseluruhannya golongan pekerja. Jadi saya salute kepada pekerja, saya tidak pernah lupa budi dan pengorbanan saudara-saudara.

6. Sekarang kita punya keupayaan untuk berbuat sesuatu dan sebab itu kita menyeru supaya saudara-saudara beri ruang kerana negara ini belum terlepas daripada perseteruan yang memupuk kebencian antara kaum, antara parti,

antara wilayah, antara warna kulit, fahaman agama, masih belum berlepas.

7. Hari ini kita bicara soal pekerja, membela nasib pekerja. Apa kita tanya? Pekerja itu Melayu? Ya, Melayu yang majoriti, Melayu yang paling ramai dalam kategori ini. Tapi, apa kita kira? Anak Cina, anak India, atau Dayak, atau Kadazan? Kita tidak fikir begitu. Kita fikir nasib pekerja, kesatuan pekerja, semangat pekerja, mengangkat martabat pekerja keseluruhannya.

8. Kita kuat kerana kesatuan, kita kuat kerana semangat bawa perubahan. Jangan izinkan hari-hari kita baca berita di negara sana, di benua sana orang berpecah kerana kaum, kerana faham agama yang fanatik kerana kebencian di antara satu sama lain,

kerana faham yang sempit. negara pecah dan rakyat miskin. Kita mesti pecahkan tembok itu.

9. Negara ini negara bertuah, sejarah gemilang. Mana ada negara di mana penguasaan begitu banyak bahasa? Mana negara yang indah kerana pelbagai budaya? Mana negara yang mendapat menyantuni ini semua? Namanya Malaysia, Malaysia hebat, Malaysia keramat dan kita pertahankan semangat ini.

10. Jadi saya harap golongan pekerja, saudara golongan pekerja ini majoriti yang tentukan siapa Perdana Menteri, bentuk Kerajaannya, dasarnya. Kalau pekerja bersatu, pekerja yang menentukan bukannya kelompok yang lain. Sebab itu seruan saya kepada pekerja percayalah saudara tahu perkembangan.

11. Negara ini punyai sejarah baik ada sejarah lemah, ada sejarah gemilang, ada sejarah rompakan. Kita pilih yang mana? Kita pilih yang gemilang, kita pilih hentikan amalan sombong menindas pekerja, tamak haloba untung berbilion-bilion, naik gaji pekerjaan 40 ringgt pun susah, ini apa jenis manusia?. Tak mudah saudara dapat seorang Perdana Menteri yang menyuarakan begini. Saya mahu syarikat untung, lebih banyak untung, lebih baik bagi negara. Lebih banyak pekerja, lebih tinggi cukai. Tetapi, jangan untung sendirian. Untung itu kerana tukang cuci, untung itu kerana technician, untung itu Kerana Jurujual, untung itu kerana pekerja. Jadi berilah gaji yang munasabah kepada mereka. Untung itu kerana pekerja.

12. Jadi, berilah yang munasabah kepada mereka. Sebab itu, selain daripada gaji minimum, kita perkenalkan gaji progresif. Ada orang kata, “Oh, bicara saja, tidak lakukan apa-apa.” Saudara, saya kata kita bermula dengan urusan tadbir negara, tatakelola yang baik. Elak daripada curi wang negara. Elak daripada menilai pemimpin, beri dia sedikit ruang jadi Menteri sekejap, kekayaannya ketara — RM1 bilion, RM2 bilion. Kita tak mahu negara begitu. Kita kena hentikan.

13. Apabila diurus dengan baik di semua peringkat, faedahnya kembali kepada rakyat. Semalam, saya lancarkan rumah, perumahan MADANI — majoriti untuk pekerja. Seperti mana disebut: gaji, pengangkutan, kesihatan, sekolah untuk anak-anaknya. Ini kerana kelas — sekolah orang besar, orang kaya itu jauh lebih baik. Sekolah untuk anak pekerja, daif. Ini bukan negara MADANI.

14. Perumahan pun begitu. Perumahan, kalau di sekitar Kuala Lumpur, dibina tahun 60-an. Semalam, saya lihat ada yang dari tahun 50-an. Satu bilik atau kamar, satu bilik mandi dan tandas. Anak enam. Maka kita fikir bagaimana nak perbaiki. Dulu, kita jerit, nak bela nasib mereka. Sekarang kita ada kuasa untuk melaksanakan projek

perumahan — majoriti pekerja, bukan majoriti tetapi keseluruhannya pekerja.

15. Apakah mampu kita hidup — negara merdeka, gagah, kaya di antara negara berkembang yang hebat — tetapi rumah satu keluarga, enam anak, satu bilik tidur, satu bilik mandi? Tidak boleh. Sebab itu, kita nak perkenalkan Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar, supaya ada kuasa bangunkan rumah minimum tiga bilik dan dua bilik mandi. Tetapi, dihentam, dikecam. Apa jenis manusia begini? Kamu masa ada kuasa, kamu tak fikir rumah rakyat. Kamu ada kuasa, kamu timbun harta. Bila hilang kuasa, kamu bicara soal Melayu, hidup Melayu, martabatkan Islam. Bagaimana boleh kita pertahankan Melayu dan Islam? Ini cara kita.

16. Jadi, soal pekerja ini bukan soal gaji minimum sahaja — tetapi kemudahan kesihatan mereka, sekolah anak-anak mereka, dan perumahan rakyat. Sebab itu, dalam dua tiga tahun ini, saya beri pengakuan dan telah kita laksanakan perubahan. Bagi saya, dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bandar raya dan seluruh jentera Kerajaan, kita akan pastikan jumlah perumahan tertinggi dalam sejarah sejak merdeka.

17. Pekerja-pekerja dan penjawat awam, jalankan dengan cepat. Kalau projek kita boleh diluluskan dalam satu bulan, jangan tangguh lapan bulan. Dahulu, saya pernah sebut, apabila tanya, tanah kIta tidak ada. Masa itu, saya seorang pensyarah di Selangor, 25–30 tahun yang lalu. Nak buat perumahan rakyat, tetapi susah nak cari tanah kerana tanah ini susah — ada projek itu, ada projek ini. Ya ke? Tapi saya lihat, untuk golf course sudah ada 17. Untuk golf course ada tanah, tetapi rumah rakyat tidak ada tanah? Jadi sekarang, alhamdulillah, di Wilayah Persekutuan ada tanah. Kita bangunkan perumahan rakyat puluhan ribu, di kota-kota di mana ada kesesakan dan keperluan. Itu maknanya membela nasib pekerja.

18. Selain itu, saya ucap terima kasih. Saya pun semangat itu semangat lah, tetapi saya juga terkesan dan terharu. Iya semangat itu semangat, tapi saya juga terkesan dan terharu. Bisik dengan Dato’ Seri Zahid, Dato’ Sr Fadillah, mereka pun bersama saya, dia kata, “kalau inilah cara pekerja sambut kita mestilah berbuat sesuatu yang jauh lebih baik untuk mereka. Saya pun manusia biasa seperti saudara. Bila saya dengar lagu mula tadi tentang pekerja, saya tersentuh. Jadi Steven, selepas pidato saya dan perasmian, kita pasang sekali lagi lagu semangat pekerja. Dan Tan Sri Shamsul Azri Ketua Setiausaha Negara, saya tak mahu kerja lagu ini hanya untuk Kementerian Sumber Manusia, saya nak lagu ini dipasang di setiap Kementerian di negara kita. Lagu ini menyentuh jiwa, menyedarkan kita dan semangat pekerja.

19. Saya juga pekerja, saudara jangan lupa. Saya ini pekerja dan kita harus berbuat sesuatu. Percaya lah bila kita harus bekerja dan saya harap para pekerja jalankan kerja dengan ikhlas. Tekunlah walaupun kita catat perubahan, kejayaan, negara ini masih lagi hadapi banyak masalah harian. Hampir setiap hari kita bergelut dengan keputusan Presiden Amerika Syarikat mengenai tarif yang dinaikkan. Kita tercabar. Kerjalah dengan baik, kerjalah dengan tekun, kerjalah ikhlas. Sekiranya pekerja ada tekad yang bulat, jaga sahabat handai, jaga kawan-kawan di kilang, jabatan, klinik, sekolah, polis. Kalau semuanya check sama-sama supaya kerja dengan ikhlas, saudara percayalah, negara ini akan terangkat sebagai negara hebat di rantau kita.

20. Saya diminta untuk mengumumkan tentang suatu kemudahan tambahan tetapi saya akan sebarkan dalam kenyataan mengenai Kad Pekerja MADANI untuk memberikan ruang kepada sesiapa sahaja yang ahli kesatuan yang ada kad pekerja diberikan diskaun dalam kemudahan-kemudahan itu, saudara akan baca nanti.

21. Insya-Allah kekurangan seperti yang dihadapi oleh pekerja GIG akan kita cuba selesaikan melalui Rang Undang-Undang Pekerja GiG yang akan kita bentangkan dalam sidang parlimen akan datang. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Kita berdiri di sini kerana pekerja. Jadi terima kasih sekali lagi dan insya-Allah kita akan bersama sebagai pasukan untuk terus berusaha bekerja dan tingkatkan khidmat kita. Semoga Allah SWT merestui usaha kita.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS 11 - MAJLIS PELUNCURAN STRATEGI LITERASI KEWANGAN KEBANGSAAN 2026-2030 DAN BULAN LITERASI KEWANGAN 2025

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.
Alhamdulillahi rabbil ‘alamin,
Nahmaduhu wa nusalli ‘ala Rasoolihil Kareem,
Wa ‘ala alihi wa ashabihi ajma’in.
Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Sidek,
Menteri Pendidikan
Yang Berbahagia Dato’ Sri Abdul Rasheed Ghaffour,
Gabenor Bank Negara Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Faiz Azmi,

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti;

Timbalan Gabenor Bank Negara;

Rakan Strategik Financial Education Network (FEN); dan

Semua pembesar-pembesar dalam Bursa, KWAP yang ada dana, terima kasih, dan juga dari institusi kewangan yang ramai, terima kasih banyak.

1. Saya ucap terima kasih, penghargaan setinggi-tingginya kepada Bank Negara yang membantu menyelaraskan acara ini, dan kerjasama yang diberikan oleh institusi berkait, terutamanya Kementerian Pendidikan. Kerana soal kecelikan ni, kecelikan budaya, kecelikan ekonomi, kecelikan pelaburan, kecelikan digital, semua itu menjadi tumpuan kita dalam menjayakan negara ini.

2. Hari ini, kita kata literasi atau kecelikan kewangan. Saya masih ingat semasa 90-an, semasa saya Menteri Kewangan. Kita dikejutkan dengan satu laporan dari UK yang diterbitkan dari kajian oleh bursa di sana, London Stock Exchange, kalau tak salah saya, dan mengejutkan kerana anggapan umum ialah bahawa kadar literasi kewangan dan pelaburan, dan kerana kecanggihan sistem itu yang bermula di sana, tetapi keupayaan menguasai ilmu ini itu paling lemah dan di tahap yang paling rendah.

3. Itu pada masa itu bagi kita menggemparkan. Saya masih ingat lagi dipanggil dan bersidang di sini dengan Gabenor Bank Negara, dengan SC dan Bursa, dan kumpulan institusi kewangan yang menyatakan kalau kita mahu melonjak ekonomi kita ini, mesti ada satu kempen besar-besaran.

4. Apa dia risiko orang yang terlibat dalam kegiatan ini, tapi kadar kefahaman yang sangat rendah. Risikonya pada masa itu kemudian muncul apa yang disebut oleh Greenspan sebagai 'irrational exuberance', melihat bursa itu sendiri sebagai seolah-olah satu kasino, dan pelaburan sesuatu yang agak diputuskan berdasarkan andaian dan agak, tetapi tidak melalui penguasaan ilmu atau literasi kewangan itu sendiri.

5. Tapi tentunya kelemahan manusia ada juga. Orang kata 'gullibility', bahawa dia lihat sahaja keuntungan kewangan dan sebagainya tanpa melihat kepada angka dan data, kerana mungkin tidak ada latihan dan tidak ada kecelikan yang diperlukan.

6. Sekarang kita sudah 2025, kadar pertumbuhan, Alhamdulillah, segar dan vibrancy dari segi institusi kewangan keseluruhannya itu lebih meyakinkan.

7. Tetapi kita juga tahu dalam negara MADANI ini, kita tidak mahu ini hanya dimanfaatkan oleh kelompok yang kecil, elit, sama ada dari sudut penguasa ataupun

kewangan. Kita mahu melebarkan merentas semua daerah, kaum, termasuk golongan yang lebih miskin atau tahap sederhana. Sepertimana peranan institusi bank yang menjelajah sampai ke seluruh pelusuk tanah air.

8. Dan bagaimana harus kita jayakan ialah kerana beri kefahaman. Salah satu isu yang saya rasa besar bagi negara kita, yang kita asak berterusan, adalah tahap pemikiran yang lebih kritis, yang disebut critical thinking, yang tentunya bermula dari apa yang disebut financial literacy dan generally, apa yang disebut sebagai kecelikan.

9. Malah bagi negara yang bangun, tanpa kecelikan dan literasi ini, ia banyak masalah. Tadi pagi YB Fadhlina, Menteri Pendidikan Tinggi dan kita mulakan sidang pertama Majlis Pendidikan Malaysia. Dan tidak boleh lari daripada situ ini, pendidikan ini makna kecelikan ilmu, budaya, sejarah, kefahaman kerana negara boleh membangun, tapi tanpa kecelikan banyak masalah-masalah berlaku.

10. Dangkal kefahaman dari segi sejarah, dangkal kefahaman dari sudut elemen dan prinsip utama untuk menyatupadukan rakyat. Kedangkalan ini yang menyebabkan manusia bertempur, isu kaum, isu agama, isu wilayah, isu yang titik bengik lainnya, kerana kedangkalan ilmu.

11. Saya popularkan dulu rencana salah seorang sarjana asal Palestin, Edward Said. Tatkala menjawab kupasan Samuel Huntington, "Clash of Civilization" yang kita sudah arif. Maknanya bagi dia civilization ought to clash sebab kata dia akhirnya dominance of the Western culture, dan rendahnya tamadun China, atau India, atau apalagi Islam.

12. Tapi Edward Said dalam rencana pendek dalam "The Nation", sekitar 8 halaman, 10 halaman, dia menjawab dan bagi saya sangat mengesankan. Kata dia, apakah benar ada kefahaman? Adakah kupasan "Clash of Civilization" itu akibat dari kefahaman? "*Are you able to comprehend what you mean by civilizations — by Western or Eastern, or Chinese, or Indian, or Islamic?"* Jadi jawab dia "*No. Hardly any understanding or comprehension about other cultures, other civilizations".*

13. Jadi jawab dia, bukan *Clash of Civilization, but Clash of Ignorance*. Satu ungkapan yang sangat tajam, dan kalau saudara baca sebenarnya bukan sahaja orang Barat kedangkalan, kejahilan tentang Timur, tapi orang Timur pun banyak yang anti-Barat atau anti-Eropah, tetapi kefahamannya sangat dangkal. Jadi dia cepat untuk *generalize* dan menghukum tanpa kefahaman dalam masyarakat kita.

14. YB Fadhlina, Menteri Pendidikan tahu ya, dalam masyarakat kita yang bicara soal Islam, soal Melayu atau kaum-kaum lain, begitu jugalah. Dia menghukum,

memutuskan tanpa asas ilmu yang kuat.

15. Jadi bagi Bank Negara untuk bicara soal ini menarik. Lepas itu saya nak perluaskan sedikit, celik kewangan ini makna celik ekonomi. Celik ekonomi makna celik negara, celik masyarakat, celik realiti, kenyataan hidupan kita, celik sejarah.

16. Saya tidak tahu sama ada Rasheed boleh kupas itu. Tapi saya percaya dia dengar kuliah saya banyak kali ini, dia boleh sikit. (nada berseloroh)

17. Tapi kalau saudara baca "*Clash of Civilization*", *if the government does not mind i think you can probably trace these clash of the civilisation and I'll be very appreciate that if you can distribute to the bankers for the change, otherwise it is a boring job. Jadi, tengok it is just a short article, you can finish…but if it is heavy, probably more than 10-15 minutes,* tetapi *you* boleh anggap*, you see,* masalah kita sebenarnya ialah masalah kedangkalan ilmu, masalah cepat menghukum kerana kejahilan kerana andaian kita tahu padahal kita tidak tahu, apalagi hal-hal yang tidak *specialize* yang dia sebut specialized disciplines seperti kewangan.

18. Jadi kecelikan kewangan atau literasi kewangan itu bagi saya sangat penting bukan saja soal institusi tapi hak orang tidak tahu. Saya sekarang sedang memikirkan bagaimana kita nak pastikan perang terhadap rasuah itu dah paling keras lagi dah.

19. Jadi bagaimana kita nak beri kefahaman? Jadi ada saya baca pengalaman beberapa masyarakat civil society yang mengusulkan umpamanya kita nak bina sekolah menengah katalah di Bukit Mertajam, boleh tak kita letak dalam label itu, sekolah ini kosnya sekian, tendernya sekian, specs-nya sekian, batu asas sekian, projeknya harus siap pada sekian tahun dan biar rakyat lihat menilai.

20. Di sebuah kampung, Cherok Tok Kun kampung saya ada projek umpamanya bina parit kosnya RM120 ribu, kontraktornya sekian. Jadi maknanya rakyat itu dengan kecelikan kefahaman dia itu, dia tengok kewangan dia lihat projek, dia lihat tender, dia lihat janji bila boleh siap dia tengok mutu projek itu.

21. Itu bagi saya mungkin agak sukar, tidak terlalu popular tetapi mungkin ada kebaikannya. Ini termasuk, Dato Faiz, Bursa lah, ataupun SC lah. Projek ini sekian, dia popularkan batik sekian dan lain-lain lah. Ini sekarang saya nak lontarkan idea apa yang harus kita usahakan untuk meningkatkan tahap kefahaman. Jadi kita beri dia kuasa, pemerkasaan rakyat untuk menentukan. Baik.

22. Kerana walaupun kita lebih canggih, kempennya ni berlurus, tapi saya tengok gullibility itu, vulnerability berberapa kalangan dalam menghadapi scammers ini, bagi saya menghairankan. Ada orang yang pernah jadi ketua pengarah, ada yang

pendidikannya, pendidikan tinggi tapi bagaimana boleh tertipu begitu mudah sekali? Kecelikan ada tapi mungkin celik tapi rabun. Sukar mengerti bagaimana mudah hilang RM80,000, hilang RM100,000 dan jumlahnya saya tahu mencecah billion.

23. Kalau di ASEAN itu dah mencecah puluhan billion. Bukan maksud saya nak bunyi macam angkuh, arrogant, tidak. Tapi saya mengatakan bahawa perkara ini dijawab, kalau ada kecelikan, I mean kalau saudara pernah jadi ketua pengarah tentunya, paling celiklah sepatutnya ketimbang orang yang dari sekadar ketua kampung atau penghulu tapi bagaimana boleh mudah begitu, kerana mungkin ada kecelikan umum tapi tidak ada kecelikan dalam bidang yang khusus termasuk kewangan.

24. Jadi, tatkala negara lebih memacu dengan lebih segar dan meyakinkan, maka kita lebih tercabar untuk melakukan sesuatu memberikan kefahaman lebih mendalam. Kalau, umpamanya KWAP dalam kempen umpamanya, pelaburan, bila kita pergi ke sekolah-sekolah bila ada kesedaran itu, tengok sambutan anak-anak itu baik, positif. Tapi mengapa sebelum kempen ini tidak lakukan itu, budaya menyimpan atau melabur sejak kecil? Itu kerana tahap kefahaman kempen.

25. Jadi sebab itu saya rasa bank-bank yang ada cawangan yang seluruh negara ini yang patut ada juga, usaha untuk dekati sekolah berdekatan, masjid berdekatan, persatuan masyarakat berdekatan untuk memberikan sedikit kefahaman dan pendidikan. Tak mungkin institusi formal, sekolah untuk lakukan semua kerana sekolah itu tanggungjawabnya luas, sekarang lebih lagi. Saya dah tuntut Kementerian Pendidikan selain daripada kurikulum yang ada, bahasa harus lebih baik, kemudian tambah lagi Bahasa Inggeris harus lebih baik, kemudian tambah pula digital AI mesti dikuasai udah. Beban cikgu tu, tuntutan lebih besar dan sekarang, Dato' Rasheed pula kata, literasi kewangan pula lagi, dia rasa beban.

26. Jadi sebab itu, tanggungjawab itu harus dipikul juga oleh rakan-rakan institusi kewangan, pertamanya saudara punyai pengalaman yang lebih, pengetahuan yang lebih dalam bidang yang demikian, bidang tersebut dan kadar penyampaian dengan lain. Banyak kalau seorang itu pengurus bank, walaupun bank di daerah, itu dilihat oleh anak-anak itu dengan agak kagum juga. Jaga dana yang begitu besar dan dipercayai elemen teras di situ. Jadi kalau boleh dikupas jangan hanya cerita pasal faham kewangan tapi maknanya bagaimana seorang pengurus bank diamanahkan menguruskan kadar wang puluhan juta ringgit. Ini elemen integriti, elemen amanah dan kefahaman tentang selok-belok dan prinsip kewangan.

27. Saya hanya lontarkan idea ini saya percaya rakan-rakan boleh bantu dalam hal ini. Setakat ini saya ucap terima kasih kerana sambutan baik dari institusi kewangan. Mula-mula kita katakan kampung angkat, dah nampak jalan kampung angkat, kita kata sekolah angkat. Lepas sekolah angkat tu SejaTi MADANI. Jadi setakat ini saya tak dengar lagi orang kata bosan, hari-hari ada idea baru. Ini tambah pula hari ini kecelikan literasi kewangan.

28. Lepas itu jangan jemput saya selalu (nada berseloroh). Tiap kali ada, saya ada saja cadangan tahu kerana *you know, we want this country to move and succeed and to succeed, we need to embark on new programmes and more comprehensive understanding and what the country and the society requires and we don't have a choice. We have to work doubly hard to ensure that we don't only sustain but excel. I believe in this specific field, you are better prepared, better equipped.*

29. Tapi peranan saya hanya menggesa sedaya upaya kerana saya yakin akan keupayaan kita. Saya mewakili satu generasi yang sangat idealistic saya rasa Malaysia ini kalau kita boleh benamkan ini permusuhan kaum, agama dan hanya work, bekerja sebagai satu pasukan dan jayakan semua dan jangan bagi mana-mana masyarakat rasa terpinggir atau tersisih apakah dari kaum mana, daripada agama mana, dari daerah mana, kampung mana, doesn't matter. Kita harus angkat semua dan kita ada keupayaan, kita ada khazanah yang cukup dan kita ada tenaga yang cukup mahir.

30. Itu sajalah harapan saya tentang Literasi Kewangan Kebangsaan ini untuk 2026 2030 dan Bulan Literasi Kewangan. Mudah-mudahan kerana Bank Negara selaraskan ini jadi senang masalah kita. Jadi dia kata moral suasion. I don't know what it means but, jadi terima kasih sekali lagi Dato' Rasheed. Terima kasih rakan-rakan yang menjayakan dan YB Fadhlina Sidek dan kementerian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

TEKS 12 – UCAPAN PERASMIAN SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA 2025

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.
Alhamdulillah rabbil alamin,
Nahmaduhu wa nusalli ala rasoolihil kareem
Wala alihi wasahbihi ajmain.

Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh Tseow Suan,

Menteri Belia dan Sukan;

Dan seluruh keluarga termasuk Majlis Belia Malaysia, wakil-wakil Belia dan anak muda yang dikasihi sekalian.

Terima kasih atas sambutan hebat malam ini.

Yang Berhormat Tan Sri Johari Dato' Dr. Johari bin Abdul,

Yang di-Pertua Dewan Rakyat;

Tan Sri KSN;

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan rakan-rakan yang saya muliakan di kalangan penjawat awam dan pemimpin belia. Dan yang penting sekali anak muda yang begitu ramai berhimpun malam ini dengan semangat yakin.

Malam ini kita teruskan dengan acara apa yang disebut sambutan Hari belia. Bila di mulakan, kebetulan masa itu saya dalam Majlis Belia Malaysia. Kita gesa. Pada ketika itu Perdana Menteri almarhum Tun Abdul Razak untuk menyokong gagasan Hari Belia. Supaya beri ruang kepada anak muda melontarkan idea mereka dan memberikan pandangan, teguran dan juga tuntutan.

Berakhir zaman di mana kalangan orang-orang lama hanya beri pandangan dan leteran. Sampai masa di mana kita juga menyantuni anak muda kerana masalah negara bukan sahaja kerana kealpaan dan kelemahan penguasa. Kalau terlanjur tindakan mereka, harta dan dana rakyat dipunggah untuk kekayaan diri dan peribadi ini akan memberi kesan negatif kepada anak muda.

Dasar pendidikan kita, dasar TVET kita akan menentukan peluang masa depan dasar pelaburan kita. Dasar transisi tenaga dan juga transformasi digital, apakah Malaysia mampu mengangkat martabat negara sebagai negara yang berjaya dan hebat? Ini ditentukan oleh Penguasa dengan dasar dan menentukan nasib dan masa depan anak muda. Sebab itu anak muda kesempatan Hari Belia kesempatan kita berfikir merenung yakin boleh sebab apa? yakin kerana iman kita, keyakinan kita, yakin kerana ilmu kita, yakin kerana pencerahan kita, tidak diperalatkan, tidak mudah merendah, menghina orang lain sama-sama kaum asal kaum yang lain, yakin dengan kesatuan. Kita yakin dengan keupayaan negara ini diangkat sebagai di antara negara hebat di rantau ini. Yakin!

Ini sebabnya saya mengatakan dan menekankan perlunya sambutan begini untuk memberi kesempatan kita. Ya, tentunya anak muda dengan riadah mereka dengan merekat mereka, tarian jangankan nak ikut, saya lihat tadi pun saya pun turut letih

kerana gegak gempita langkah-langkah mereka. Tapi itu budaya sekarang, asalkan tidak melanggar tata susila dan tidak terlanjur dari segi batas etika dan akhlak, itu dibolehkan.

Ada kemudahan futsal. Ada tumpuan pada Bola sepak, dengan Harimau Malaya dan kita bangga kerana kejayaan Bola sepak menundukkan pasukan Vietnam baru-baru ini. Tapi saya ucap tahniah! Kerana Hannah Yeoh tak semena-mena menekan saya supaya menyokong pasukan-pasukan dan Akademi Sepak Takraw. Saya setuju dengan saranan itu dan kita akan jadikan Akademi Sepak Takraw satu realiti di Malaysia ini. Mantap.

Baik, kerana saya rasa pada malam ini, kita tentunya bola sepak menjadi salah satu tarikan yang kuat di kalangan anak muda. Tetapi sepak takraw telah mencatat prestasi yang membanggakan di peringkat region, rantau dan juga dunia, dan menarik semua, di bandar dan di desa – hampir setiap kampung dan desa ada pasukan dan permainan sepak takraw. Kita hidupkan kena ada kaitan dengan seni budaya kita, dan oleh itu saya setuju untuk menyegerakan kelulusan penubuhan Akademi Sepak Takraw. YB Hannah Yeoh minta RM6 juta tetapi saya hendak runding tengok kalau boleh potong sikit. Tetapi boleh diluluskan segera supaya boleh siap sebelum akhir tahun ini kalau cepat. Ini Kerajaan MADANI, Kerajaan bekerja. Saya tidak bermaksud untuk mengulangi pengumuman-pengumuman yang banyak. Sebahagiannya saudara Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid telah umumkan. Dia umumkan begitu banyak rancangan dan peruntukan Kerajaan kalau ikut kajian dan telitian Kementerian Kewangan, inilah peruntukan kepada Kementerian, kepada belia, paling tinggi dalam sejarah. Maknanya kita ini bukan sekadar ngomong-ngomong tidak, tetapi mengambil tindakan.

Semalam atau dua hari yang lalu, kita ada sambutan TVET. Itu anak muda. Dulu, sukar diberi tarikan untuk anak-anak ke TVET, tetapi TVET sekarang menjadi perhatian. Semua pelaburan baharu dalam digital, dalam energy dalam Artificial intelligence (AI), data center memerlukan anak lulusan kejuruteraan dan juga TVET. Sekarang, jumlah pelajar-pelajar yang masuk aliran TVET sudah cecah hamper setengah juta, dan tahun ini permohonan untuk ke TVET sudah cecah 140,000 orang.

Apa maknanya? Maknanya untuk perhatian pemimpin-pemimpin, baik pusat persekutuan dan juga negeri, penjawat awam, sektor swasta – kalau kita adakan dasar, perkenalkan dasar, ambil tindakan, beri ruang dan peluang, bukanlah masalah. Sambutan dari anak-anak muda begitu positif sekali. Saya bangga kerana sambutan anak-anak muda sangat positif di negara ini.

Saya tanya syarikat-syarikat besar, paling akhir AMD. Sebelum itu Google, Microsoft, NVIDIA, Infineon – apabila masuk ke Malaysia tentunya katanya politiknya stabil, dasar-dasar dan ekonomi menarik. Tetapi yang diberi penekanan tanpa kecuali – mengapa pilih Malaysia dan tidak negara-negara lain? Jawapan mereka adalah kerana disiplin dan semangat pekerja-pekerja, terutama anak-anak muda pekerja di syarikat-syarikat tersebut. Jadi, peringatan kepada semua, merancang harus ingat faktor ini.

Sebab itu, saudara-saudara tahu, tahun ini kita mulakan pelaksanaan Skim Perkhidmatan Penjawat Awam, menaikkan gaji. Kemudian semua syarikat-syarikat Kerajaan, GLICs, menaikkan gaji minima supaya sesuai dengan tuntutan sekarang. Ada syarikat-syarikat besar, untung ribuan juta ringgit tetapi gaji tetap rendah. Sebab itu kita bagi signal yang jelas – untung tinggi mesti diterjemahkan dengan kadar upah yang lebih baik kepada pekerja, terutama anak-anak muda.

Ini hanya berlaku di bawah Kerajaan MADANI. Jadi sebab itu saya tekankan apa yang saya ungkapkan peringkat awal, apa maknanya yakin boleh? Yakin kerana keimanan kita, tekad kita, kekuatan semangat dan jati diri kita. Pancaran dari hati nurani kita. Yakin kerana pencerahan dan ilmu kita, tiada ada peralatan, tidak jadi alat sepak terajang oleh orang politik yang desperado. Tidak adu domba di antara kita.

Tengok ini, anak Cina, anak Melayu, anak India, Iban, Kadazan, boleh bersama. Apa bapak-bapak, ibu-ibu, pemimpin politik tak dapat lihat ke? Apa mata kamu rabun ke? Saya lihat ini. Bila saya bersalam melihat mereka, dia tidak kata, “ohh salam kami, salam saya dulu, saya Melayu, Cina nanti dulu, India kejap lagi, belakang lagi? Tidak ada. Ini yang ditunjukkan oleh anak muda.

Ada ketikanya di mana, orang-orang yang sudah lapuk politik, mereka yang bicara soal kaum, kaum, kaum. Tapi bila dia ada kuasa, tidak ada pula projek orang Melayu khas. Habis tanah-tanah naik tergadai. Tanah rizab Melayu pun tergadai bila berkuasa. Bila tidak ada kuasa, panggil anak muda hidupkan semangat Melayu dan ketuanan Melayu. Hah, jangan tertipu lagi. Negara ini mahu kita selamatkan. Negara ini Malaysia adalah negara hebat dan menentukan sama ada kita hebat masa depan atau tidak — anak muda.

Jadi saya hanya datang. Izzat minta tambahan wang. Apa lah, bagi banyak, hendak bagi ke? (nada berseloroh). Eh, Kementerian Belia dan Sukan sudah bagi RM3 juta kepada belia anak desa yang lain, RM30 juta yang projek lain. Saya sudah baca, ada banyak. Tapi okeylah, kerana nampak semangat saudara-saudara, dari RM3 juta, kita naik jadi RM4 juta.

Hari ini umpamanya pagi tadi, sambutan di bawah KESUMA, Kementerian Sumber Manusia, bawah Menteri Steven Sim Chee Keong. Anak muda juga. Untuk peluang pekerjaan. Petang — Hari Wartawan, HAWANA. Wartawan Malaysia semua, majlis saya pergi. Dua hari sudah, Hari TVET. Semua panggil saya dan minta peruntukan tambahan. Hari ini, Belia. Hannah dia simpati kepada saya, dia minta tidak banyak dalam ucapan, tapi bisik saya, dia minta RM6 juta untuk Akademi Sepak Takraw.
Tapi kita boleh senang bagi, sebab apa? Sebab kita cermat. Tatakelola jaga. Jangan izinkan pemimpin sakau duit rakyat. Ini ambil bilion-bilion ringgit. Bila kita ambil tindakan, marah kita pula. Saya tanya anak-anak muda, apakah kita harus izin pemimpin rasuah? Apakah wajar kita ambil tindakan kepada perasuah dan ambil wang mereka untuk dicurahkan kepada rakyat? Haa, ini saya tahu jawapannya. Kerana anak muda ini punyai pencerahan, semangat dan yakin, dan ada ilmu dan gaya
juang yang tinggi. Yakin!

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS 13 - MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK NEGARAKE-15 "AKADEMIA PEMACU MALAYSIA MADANI"

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.
[SALUTASI]
Akan disediakan.
1. Alhamdulillah, saya panjatkan rasa penuh syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita semua diberikan kesempatan untuk bersama-sama meraikan Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) ke-15 pada malam ini.
2. Terima kasih saya ucapkan atas undangan dari pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.
3. Sesungguhnya, ruang dan peluang untuk saya bertemu dan meraikan ahli-ahli akademik adalah sesuatu yang sangat saya hargai.
4. Selain dapat menzahirkan secara terus penghargaan dan pengiktirafan saya kepada semua ahli akademik yang selama ini gigih dan bekerja keras mendidik anak bangsa. Ini adalah kesempatan yang baik untuk saya menyatakan hasrat dan berkongsi azam

saya pada bangsa dan negara kita dengan semua ahli bijak pandai.

AHLI AKADEMIK DAN MALAYSIA MADANI

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

5. Apabila saya gagaskan Malaysia MADANI, jujukan peristiwa serta dimensi sosial yang memimpin pemikiran saya kesemuanya menjurus kepada keperluan mendesak untuk bangsa dan negara ini mempunyai sistem nilai yang baik.

6. Kita mesti kembali menjadi bangsa yang berpaut pada nilai-nilai unggul. Nilai-nilai yang mendefinisikan kita sebagai sebuah bangsa dan negara yang mempunyai pemikiran tasamuh, moden dan pintar, namun dibatasi dengan penyantunan serta kepatuhan kepada agama dan norma yang baik.

7. Kesemua itu akan secara tidak langsung menjadikan kita bangsa yang menolak keburukan, ketaasuban dan kejumudan.

8. Akan tetapi, saya juga sedar, Malaysia MADANI tidak akan menjadi citra bangsa kita jika sistem nilai ini hanya diangkat oleh segelintir kumpulan, dan tidak menjadi budaya yang dilazimi oleh semua anggota masyarakat.

9. Berbekalkan kesedaran itu, saya percaya kita semua boleh Siapa lagi yang lebih layak untuk memicu dan memacu pemugaran nilai yang baik ini kepada masyarakat kita, kalau bukan ahli akademik dan golongan bijak pandai.

10. Baik di IPT awam mahupun swasta, politeknik, kolej komuniti, institut latihan perguruan, kolej matrikulasi, institut latihan dan vokasional hatta di mana-mana sahaja, saya melihat ahli-ahli akademik sebagai pemimpin akal
masyarakat.

11. Cuma, tugas sebagai pemimpin akal masyarakat ini sebenarnya hadir bersama satu lagi tanggungjawab penting, iaitu, menyemai nilai unggul dalam diri anak bangsa.

12. Saya sedar, kombinasi dua tanggungjawab membangunkan akal dan menanam nilai yang baik dalam diri masyarakat ini adalah tanggungjawab yang besar dan kritikal.

13. Namun, selaku sosok yang rutin hayatnya adalah mencungkil, menyusun dan menyebarkan ilmu, dedikasi serta kerja keras ahli akademik untuk bersama-sama membantu negara dalam menyuburkan nilai yang baik dalam diri masyarakat amat saya seru dan tagih.

14. Malaysia MADANI hanya akan menjadi realiti dan mencapai matlamatnya apabila masyarakat secara beramai-ramai memahami dan membudayakan 6 nilai unggul yang mendukung aspirasi ini.

AHLI AKADEMIK SEBAGAI SURI TELADAN BANGSA

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

15. Majlis Anugerah Akademik Negara pada malam ini mesti dilihat sebagai perkara yang besar sebenarnya meneruskan tradisi yang dimulakan oleh kerajaan Malaysia untuk meraikan kesarjanaan ahli akademik tempatan.

16. Masyarakat sentiasa memerlukan ikon kesarjanaan dan juga suri teladan yang berketerampilan, berintegriti lagi berwibawa. Biar apa pun lapangan yang kita ceburi, kehadiran ikon dan tokoh yang dihormati akan memangkin semangat dan kesungguhan dalam kalangan banyak pihak.

17. Paling penting, ahli-ahli akademik harus menjadi inspirasi kepada mahasiswa untuk melonjak potensi diri yang terbaik. Ahli-ahli akademik harus menjadi rujukan kepada anak bangsa kita untuk memberi yang terbaik kepada negara.

18. Semua proses ini memerlukan ahli sarjana, ikon pemikir dan sang murabbi yang bukan sahaja mengajar dan mendidik di peringkat pendidikan tinggi. Tetapi menjadi inspirasi yang disegani kepada rakan dan orang awam.

19. Saya dengan rendah hati sangat berharap ahli-ahli akademik tempatan akan memainkan peranan menjadi peneraju akal dan pemikiran bangsa Terutamanya dalam menggerakkan Gagasan Malaysia Madani sebagai satu etos nasional yang menyeru kepada kebaikan.

20. Secara peribadi, saya akui dan berbangga dengan sumbangan ilmu oleh ahli- ahli akademik kita yang tidak terhad kepada sumbangan dalam ruang lingkup tempatan sahaja.

21. Ada pensyarah kita yang sudah biasa menjadi sarjana awam yang berkongsi ilmu, pengetahuan dan kepakaran mereka di pentas antarabangsa dan dengan negara-negara luar.

22. Atas dasar itu, memandangkan kita sedang berhadapan dengan arus zaman yang mencabar ini, harus wujud kesedaran bahawa kebanyakan masalah yang kita hadapi hari ini sebenarnya saling berkait.

23. Ia menuntut langkah yang serentak di pelbagai bidang dan sektor. Dan, langkah ini perlu diawali dengan ilmu dan pengetahuan yang sentiasa ditambah baik dalam kalangan ahli akademik.

AHLI AKADEMIK DAN SUMBANGAN PADA NEAGRA

Hadirin hadirat yang saya muliakan,

24. Era yang sedang kita hadapi sekarang ini sarat dengan cabaran dan kekacauan.

Cabaran dan kekacauan yang bukan sahaja menjadikan agenda kemajuan dan kemodenan sering bergelut dengan nilai dan moral yang baik.

25. Malah, pegangan dan keterujaan terhadap ilmu dan kesarjanaan turut terhakis secara radikal.

26. Ketaasuban dan pemikiran yang sempit, ideologi yang berpaksikan pada kemewahan material, prinsip yang tidak konsisten, semua ini terus merumitkan keadaan.

27. Itu belum lagi kita melihat semua ini dalam lensa global yang menyaksikan pelbagai pertembungan. Pertembungan blok perdagangan, krisis alam sekitar, peperangan dan konflik yang

28. Kesemua ini memberi tempias yang besar kepada negara. Dan ia mesti kita uruskan dengan cara yang bukan sahaja berkesan dan strategik, tetapi pantas dan praktikal.

29. Paling penting, segala kekacauan dan kerancuan ini menuntut ahli akademik untuk menebalkan rasa tanggungjawab kepada agenda pembinaan bangsa dan aspirasi nasional. Bukan sahaja kepada pengembangan ilmu dan penyelidikan dalam bidang atau disiplin yang dikuasai.

30. Ahli akademik harus gigih menguruskan segala kekacauan dan perubahan yang sedang dan akan berlaku bersama-sama dengan kerajaan dan pemimpin.

31. Kita mesti bersama-sama mencari ikhtiar paling baik dan paling berkesan untuk menghasilkan dapatan ilmu dan pengetahuan yang berupaya meraikan daya usaha serta daya cipta rakyat tempatan ke arah kemajuan sosial serta budaya yang lestari.

32. Apatah lagi dengan segala kelebihan teknologi dan kerancakan gelombang Saya percaya, semua itu membawa kelebihan dan potensi yang boleh diadun untuk memberi kebaikan kepada masyarakat dan negara.

33. Dalam konteks ini juga, saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan saya akan terus memberi dorongan dan dukungan kepada semua IPT. Khususnya dalam usaha meneroka dan mewujudkan bidang-bidang pengajian baharu, termasuk bidang ekonomi, kesejahteraan dan kelestarian.

34. Pengembangan dan pelebaran ufuk ilmu mesti menjadi agenda nasional yang kalis politik dan kepentingan diri.

35. Malah, membangunkan suatu ekosistem pendidikan tinggi yang bertaraf global harus menjadi usaha berterusan. Kita mahu meletakkan Malaysia sebagai negara yang mengangkat dan menghormati ilmu.

Hadirin Hadirat yang saya muliakan,

36. Semoga pemberian Anugerah Akademik Negara akan menjadi wahana berprestij yang berterusan dalam mengiktiraf dan meraikan jasa-jasa serta pencapaian ahli akademik Malaysia.

37. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah.

38. Terima kasih atas komitmen dan jasa yang dicurahkan dalam mendidik anak bangsa dan memajukan negara selama ini. Saya mendoakan agar segala titipan budi dan ilmu yang dicurahkan akan diberkati dan menjadi amalan baik yang diterima oleh Allah SWT.

39. Marilah kita bersama-sama terus bekerja keras untuk negara yang kita cintai ini. Insya-Allah, dengan sumbangan serta buah fikir yang berterusan daripada semua ahli akademik, saya yakin Malaysia akan bangkit menjadi lembah ilmu dan bakat serantau yang dihormati.

40. Dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim", saya dengan rasa sukacita rasmikan Majlis Anugerah Akademik Negara 2023.

41. Sekian, Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS 14 - MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA (HARA) TAHUN 2025

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin,

Nahmaduhu wa nusalli ala rasool kareem,

Wa alihi wa sahbihi ajma'in.

Rakan-rakan menteri;

YB Dato' Sri Azalina binti Othman Said,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

YB Datuk Fahmi Fadzil,

Menteri Komunikasi;

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar,

Ketua Setiausaha Negara;

YBhg. Tan Sri Mohd Dusuki bin Mokhtar,

Peguam Negara;

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Azam bin Baki,

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;

Institut Integriti; dan

Semua yang hadir, terutama yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa ini.

1. Seperti biasa sambutan ini tidak hanya sebagai majlis peringatan atau pesta-pestaan, tapi sebetulnya diterangkan oleh saudara Tan Sri Azam sebentar tadi, ia harus menjurus kepada suatu usaha meningkatkan komitmen kita.

2. Saya tertarik dengan isu rasuah, integriti yang terkait dengan nilai untuk membersihkan. Dan ini seperti mana pernah saya lontarkan berdasarkan surat-surat Al-Quran yang awal – Surah Al-Muzzammil, Surah Al-Muddaththir, di mana peringkat awal kefahaman Islam itu adalah mengingatkan kita supaya jangan terus alpa, jangan seolah-olah celik tapi ketiduran. Dalam suasana yang lemah longlai.

3. Jadi Quran menekankan tentang keperluan kita bangun daripada kecuaian, kealpaan itu dan mengikrarkan keyakinan kita kepada Allah yang Maha Besar dan berikutnya tentang membersihkan diri dan amal kita.

4 قُمْ فَأَنذِرْ وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ. Bangun dari kealpaan ini. Maknanya tidak sempurna kita semua. Kita kadang-kadang cuai, alpa, anggap kita sudah baik dan sempurna, sudah cukup pintar dan berjasa. Ada sesetengah orang ingat dia seorang sahaja yang paling pandai dan maha cerdik di dunia. Itu semua kealpaan. Ada yang malas, ada yang kerja sambil lewa, itu 'Kum Faanzir' – bangun dari kealpaan itu. 'Warobbaka Fakabbir' – dan ikrarkan bahawa yang besar itu Allah Yang Maha Besar, Maha Agung. Tapi susulannya kalau benar, yakin – 'Wa Siabaka Fatohhir'. Bersihkan.

5. Jadi, Ulama Mufassir menafsirkannya sebagai bersihkan diri, bersihkan fizik, bersihkan pemikiran, bersihkan jiwa yang kotor, hasad dengki, khianat, dan pupuk nilai yang bersih. Itu disebut 'Wa Siabaka Fatohhir'. Sebab itu dia ada bab taharah ini dalam sebelum solat.

6. Jadi oleh itu, saya kira kita harus tanam keyakinan tentang tatakelola, bersih, integriti sebagai nilai ketahanan diri dan keyakinan. Masalahnya kita ini, kita bicara tapi tidak terpancar dari hati nurani yang menginginkan kebersihan, kebaikan yang menuntut perubahan. Mana mungkin berlakunya suatu keadaan integriti yang lebih baik, tatakelola yang lebih baik, ekonomi yang lebih baik, sistem keadilan yang lebih

baik, kalau tidak ada nilai yang dipupuk, kemudian ‘wa ‘amila solihan’ – dengan amal tindakan.

7. Tapi yang saya nak tekankan, sempena Hari Antirasuah Antarabangsa ini, kena tingkatkan budaya dalam negara kita ini. Apakah negara kita ini sudah ada budaya yang menginginkan keadilan? menginginkan kebersihan? menginginkan nilai yang baik? benci dengan rasuah? Sudah ada?. Mudah-mudahan kita kena kerahkan, sebab tadi ayat yang saya bacakan tadi itu ialah persiapan awal program pencerahan dan pendidikan yang ditekan oleh baginda Rasulullah SAW kepada para sahabatnya. Tidak hanya berjuang, tidak hanya terus pegang jabatan ataupun bertanding pilihan raya atau jadi Menteri. Itu bukan. Dia ada persiapannya dan persiapan itulah yang menyebabkan muncul generasi yang bersih, yang mahu perubahan, yang komited atau punya iltizam, yang punya nilai yang baru, dan menginginkan pembaharuan, transformasi masyarakat.

8. Itu yang disebut Itu yang disebut jilun quranī yunfarid. Generasi yang bukan sahaja membaca Al-Quran, memahami Al-Quran, menghayati prinsip dan ajarannya. Ini yang katanya generasi yang unik. Generasi yang ‘faridat’, yang istimewa. Kerana keyakinan baru dan kesediaan membawa perubahan.

9. Ini, dalam negara MADANI ini, dia tidak menolak semua yang lama. Ada adat-adat lama yang tidak semestinya ditolak. Tetapi keinginan membawa perubahan itu harus ada, terutama meninggalkan sistem yang bobrok, amalan yang kadang-kadang mendewa-dewakan. “Orang yang rasuah ialah biasa, Pak”. Kalau dia ada kuasa, dia pegang jawatan, tiak rasuah, bodohlah dia. Ini budaya yang sudah rosak.

10. Ataupun sekarang ini, yang terakhir, ada yang mendewakan pemberi rasuah. Kita anggap marahlah yang menerima; yang beri pun boleh diberikan satu penghormatan. “Oh, pejuang.” Kan aneh negara kalau begitu. Kan rosak nilai dan sistem budaya. Apa makna kita bercakap soal akhlak? Kerana Rasulullah SAW itu suka integriti, bersih. Ya, tentunya membawa hidayah. Apa amalan-amalan kita. Tetapi sosok Baginda itu yang teragung ialah kerana akhlaknya, nilainya, kekuatan peribadi yang memungkinkan perubahan berlaku.

11. Itu bagi saya itu mukadimah, penting untuk kita faham bagaimana kita dalam seluruh jentera kita, sementara kita menyelidik bicara soal integriti, bicara soal rasuah. Seluruh jentara kita, KSN, dengan seluruh jentera sistem kerajaan ini, harus pupuk ini. Dan tidak ada manusia yang sudah sempurna dan serba tahu, dan harus diperingatkan. Ini kekuatan kita untuk memupuk suatu budaya yang baik.

12. Berikutnya, ialah tentang langkah-langkah kita ambil. Bahawa Kerajaan MADANI cuba sedaya upaya untuk memberi seluruh dukungan kepada badan-badan penguat kuasa, termasuk SPRM, jalan kerja – tegas. Dan kita tentunya ada masih isu ini, ada yang pertikai. Boleh dalam negara demokrasi. Tetapi musykil saya, atau kekhuatiran saya, justeru ada yang mempertikaikan semuanya. Keras bicara soal rasuah, tetapi mendukung juga proses-proses besar.

13. Bila kita umumkan kerjasama pada badan-badan penguatkuasaan: SPRM, LHDN, Bank Negara, PDRM, Kastam, LHDN dan sebagainya — membina kekuatan, selaras kegiatan, bertindak tegas. Dalam dua tahun kita selamatkan RM15.5 bilion. Cuba renungkan ke mana wang itu kalau kita tidak bertindak? Masuk saku sang penyakau.

14. Soalan kedua: mengapa dibiarkan begitu lama? Mengapa tidak ada tindakan sebelum ini? Dia tidak menyentuh damir kita, tidak mengetuk hati kita, bertanya mengapa negara yang sudah merdeka, kita yang bicara kuat dan lantang soal Islam, soal dakwah, soal Melayu, soal budaya, tetapi membiarkan ini berlaku? Kan ini penyakit. Dan penyakit ini harus diubati.

15. Sebab itu saya berulang kali, ada tempat di mana kita berikan penghargaan. Tidak mudah untuk mengasak, menyerbu, menyerang sindiket-sindiket besar, penyeludupan besar. Dan saya sebut di Parlimen: bukan jarum, Bukan satu, puluhan, ada yang ratusan. Ada suara di Parlimen mendukung, ada di pihak penyokong kita. Tapi kalau di pembangkang, dia pertikaikan lagi. Ini saya sebut, mengapa ia harus terpancar dari hati nurani.

16. Jadi saya tidak boleh nafikan, betapa kita singgung dan sinis sekalipun, tidak dinafikan usaha besar, pengorbanan, dan saya bangga bekerja dengan pasukan penguatkuasa yang berani dan tegas seperti yang kita saksikan.

17. Tetapi itulah dunia dan media sosial yang tidak menampakkan sesuatu. Kalau saya fikir, kalau benar kita di Malaysia ini mahu budaya yang bersih, apa pun kelemahan ini mesti kita tangani, dan tentu saya akan sampai ke situ.

18. Kita tidak boleh atau mampu memungkiri Tindakan, bahawa ada tindakan yang sangat membanggakan negara kita. Sebut pada saya mana negara yang dalam masa singkat, boleh memecahkan tembok-tembok kartel, boleh memecahkan penyeludup. Selesai? Belum selesai, tapi permulaan yang besar.

19. Jadi, saya salute kepada semua badan-badan penguatkuasaan SPRM, LHDN dan lain-lain yang saya sebutkan tadi. Saya ucap terima kasih bagi pihak seluruh rakyat Malaysia.

20. Dalam pada itu kita akan mengamalkan sistem yang agak terbuka kita mendengar keluhan, kita mendengar teguran, kita dengar nasihat, ada yang kita harus tolak, ada yang harus kita renung, ada yang harus kita terima. Dan diantara yang kita terima ialah gesaan yang lebih kuat, yang ada kebenarannya supaya dalam semua proses ini, dalam semua tindakan ini proses hukum mesti dipatuhi.

21. Betul, benar, target kita ya. Dan tidak mudah kerana orang yang kita asak dan serang itu, kadang-kadang mepunyai simpanan berbilion ringgit kalau kita dapat rampas, tiga bilion atau empat bilion, saudara ingat dia tidak simpan bilion-bilion yang lain. Masih ada. Dia gunakan untuk terus menggunakan, menyokong sama ada orang politik ataupun menerobos menyeludup ke sistem kita pejabat awam atau kehakiman atau badan penguatkuasaan atau malah di sosial media untuk menyerang kita. Kita tak nafikan itu semua.

22. Saya tidak naif untuk menolak itu semua, tetapi kita juga harus waspada supaya jika ada kelemahan-kelemahan ini harus diperbaiki ataupun jawab dengan tegas. Saya bincang juga dengan Ketua Pesuruhjaya kalau ada, kita jawab supaya kita tangani masalah dengan tegas, kerana orang ini mahu membina persepsi negatif supaya secara tidak langsung lindungi penjenayah-penjenayah ini. Kalau kita biarkan persepsi itu akan bangun dan kemudian mencengkam kita.

23. Maka sebab itu, dalam bicara soal integriti dan kebersihan dan dalam mendukung semua usaha yang hebat dan gagah berani pada badan-badan penguasaan yang saya sebut tadi kita harus teliti, supaya proses itu dan prinsip negara hukum dipatuhi seluruh, semuanya. Dan bagaimana alasan, cara menangkap kalau dipertikai, saya tidak katakan memang salah, berikan alasan jawab dengan tegas dengan cepat jangan tangguh. Ya ada proses undang-undang, mahkamah itu ia jalan, tetapi lebih penting menjaga integriti badan-badan ini dan saya harap saudara faham maksud saya bahawa ini harus diteliti untuk mempertahankan dan menjamin kewibawaan dan integriti institusi.

24. Integriti institusi itu bukan sekadar bertindak, tetapi cara bertindak juga harus kita teliti. Dan sekiranya dipersoal, dipertikai, dihebahkan, beri jawapan, dan kalau kebetulan ada anggota kita yang tersalah langkah kalau ringan memang tindakan disiplin biasa. Kalau terlanjur besar mesti ada kesediaan dari badan-badan penguatkuasa untuk bertindak terhadap anggota kita sendiri baru boleh selamat negara ini.

25. Saudara bayangkan pejabat saya, kalau ada saya beritahu saudara Azam, saya

tidak lindungi sesiapa. Jadi terus ambil Tindakan. Kalau di pejabat saya sendiri tidak terlepas daripada Tindakan, mengapa tidak boleh dari pejabat KSN umpamanya, malah pejabat Peguam Negara atau pejabat Tan Sri Azam dia tidak terlepas. Kalau ini ada, maka kita telah meningkat usaha kita ke peringkat yang paling mulia dari sudut mempertahankan integriti dan kebersihan.

26. Demikian pandangan saya dalam menyambut Hari Antirasuah Antarabangsa.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PROFIL PENULIS



Najihah binti Abdul Wahid merupakan seorang graduan dari Universiti Teknologi Mara, Shah Alam pada tahun 2020 dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional. Beliau kini melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Teknologi Mara kampus cawangan Shah Alam, Selangor dalam bidang bahasa gunaan bahasa Melayu, membuktikan komitmen berterusan terhadap pembangunan akademik dan sosial.

SENARAI PENERBITAN

Abdul Wahid, N., Salleh, N. S., & Pelet, M. N. M. (2025). Penggunaan Kaedah Retorik dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 dan ke-10. PENDETA, 16(1), 130-144. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.12.2025